

Senarai Ahli dilampirkan
Kandungan dilampirkan

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 21 Oktober 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauhmanakah kerajaan sedar bahawa wang yang digunakan untuk Projek Perumahan PPRT telah dapat membantu keluarga-keluarga yang betul-betul miskin dan setakat ini berapakah jumlah projek-projek rumah PPRT dan Pembinaan Industri berkelompok bagi memberi pekerjaan kepada anak-anak PPRT telah berjaya menaik taraf kehidupan peserta PPRT.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga tahun 1998 sebanyak 4,806 buah rumah di bawah Program Pemulihan Rumah (PPR) telah dibina. Manakala 3,797 buah rumah dijangka disiapkan bagi tahun 1999. Kira-kira 3,000 buah rumah PPR lagi dijangka akan dibina pada tahun 2000. Secara keseluruhannya sebanyak 15,603 buah rumah PPR dijangka akan disiapkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Di bawah program PPRT, tumpuan tidak diberi dalam industri berkelompok. Tetapi adalah dalam projek-projek pertanian komersial berskala besar dan projek-projek pertanian berkelompok. Contoh-contoh projek adalah seperti pendidikan hiasan dan tanaman orkid yang dilaksanakan di Bukit Sireh dan Tasik Puteri. Satu lagi contoh ialah projek ayam telur di Gading Galoh. Projek-projek yang dilaksanakan ini akan memberi sumbangan besar terhadap peningkatan ekonomi keluarga PPRT dari segi penyediaan peluang pekerjaan dan juga pendapatan dalam bentuk dividen.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar menetapkan supaya projek-projek ekonomi di bawah PPRT memberikan pendapatan kepada peserta sekurang-kurangnya RM250 sebulan kepada sebuah keluarga supaya dengan jumlah pendapatan ini mereka akan dikeluarkan daripada garis kemiskinan.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rata-rata peserta-peserta PPRT ini agak sukar untuk keluar daripada garis kemiskinan yang dimaksudkan. Adakah kerajaan bertujuan ataupun mempunyai program untuk memberi bantuan sara hidup kepada peserta-peserta PPRT ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memerangi kemiskinan dan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan ini adalah usaha yang memang susah. Walau bagaimanapun, atas usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional dan komitmen Barisan Nasional, maka kita berjaya mengurangkan jumlah rakyat keluarga termiskin dari 160,000 pada tahun 1991 kepada 58,000 pada tahun 1998.

Darei 58,000 itu kira-kira 30% adalah masyarakat ataupun keluarga yang tidak berupaya, yang tua dan uzur maka mereka ini tidak ekonomi. Kerajaan Barisan Nasional merasakan satu usaha harus diambil untuk menyelesaikan masalah ini, maka sekarang kita telah merancang satu program yang dinamakan Bantuan Sara Hidup yang akan dibiayai oleh RISDA dan FELDA. Dalam program ini akan memberi peruntukan RM250 kepada satu keluarga yang lima orang. Ini adalah untuk menentukan bahawa mereka yang kurang upaya, yang tua ada pendapatan menyara, cukup hidup kepada mereka supaya tidak susah. Program ini kita berharap akan dapat dijalankan sebelum Hari Raya ini dan sasaran pertama kita adalah 6,000 keluarga.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah kerajaan tidak pernah melakukan diskriminasi dalam pelaksanaan projek PPRT. Apa yang saya tahu di Kelantan, orang-orang UMNO sahaja diberi. Selain daripada orang-orang UMNO tidak diberi. Apakah pihak kementerian menyedari hal ini ataupun tidak?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali perkara ini ditimbulkan di dalam Dewan. Kerajaan Barisan Nasional selalu menegaskan bahawa dalam usaha kita memerangi kemiskinan kita tidak pilih bulu, tidak pilih sama ada mereka ahli PAS ataupun ahli parti Barisan Nasional. Masalah di Kelantan ini adalah

Kerajaan PAS yang memilih bulu, mereka hanya membantu orang yang menyokong dia dan menindas ahli Barisan Nasional.

2. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah dana yang diperolehi daripada sumber asing untuk melaksanakan program pemulihan ekonomi; dan
- (b) apakah projek yang diberikan keutamaan dan kemajuan projek tersebut sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman luar negeri yang diambil dari Mei 1998 sehingga 30 September 1999 untuk program pemulihan ekonomi ialah sebanyak RM19.19 bilion. Daripada jumlah pinjaman luar negeri yang diambil sebanyak RM14 bilion ialah dari pasaran. Sebanyak RM3.17 bilion ialah dari agensi-agensi pelbagai hala dan sebanyak RM2.03 bilion ialah dari sumber dua hala (OECF).

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar pinjaman daripada agensi pelbagai hala dan dua hala adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dalam sektor sosial iaitu dalam bidang pendidikan, kesihatan dan untuk program pembasmian kemiskinan. Pinjaman-pinjaman dari pasaran dan pinjaman yang dijamin oleh kerajaan pula adalah digunakan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur yang bercorak strategi seperti projek jalan raya, landasan keretapi, tenaga elektrik, pelabuhan dan bagi menyediakan kemudahan pembiayaan eksport yang boleh menyumbangkan kepada pemulihan ekonomi negara.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari sudut mentadbirkan kewangan negara kita, adakah kerajaan akan terus meminjam ataupun memperolehi dana dari negara asing untuk membantu dari segi kewangan negara ataupun kerajaan mungkin sampai satu tempoh masa di mana negara kita tidak perlu lagi meminta pinjaman daripada negara asing. Jadi, saya ingin dapat pandangan daripada kementerian.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan untuk kita memulihkan ekonomi kita adalah dengan mengembangkan kegiatan ekonomi kita. Jadi, dengan dasar makro ini kerajaan memang akan terus memperolehi dana-dana tertentu

supaya dapat kita mengembangkan kegiatan ekonomi di dalam negara kita ini. Jadi, dengan itu kerajaan akan terus mencari sumber-sumber yang bermanfaat dan sumber-sumber yang menarik supaya kita akan memperolehi dana yang berfaedah dan dengan terma-terma yang baik supaya dapat kita meneruskan kegiatan ekonomi kita ini.

Begitu juga kita percaya dengan adanya kegiatan seperti ini, kegiatan ekonomi bertambah maju dan dengan itu ia sendirinya akan mendapatkan kesan yang positif supaya kita akan terus berkembang dan dengan begitu walaupun kita akan terus mendapat sumber kewangan daripada luar negeri tetapi memang kita masih sanggup lagi untuk membayar balik pada masa-masa yang akan datang.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, bila pinjaman dibuat dari sumber asing, adakah pihak-pihak berkenaan memberi syarat-syarat yang tertentu seperti membuat pinjaman untuk beberapa projek yang mereka ingin dilaksanakan dan adakah dari syarat-syarat ini sangat ketat dan menyebabkan beberapa pinjaman yang tidak dapat dibuat dari sumber asing dan juga, pinjaman yang dibuat dari luar negeri ini bukankah kita boleh membuat pinjaman dari dalam negeri sendiri. Apakah sebab kita perlu pergi meminjam dari luar negeri?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang banyak institusi kewangan yang menawarkan diri kepada negara kita untuk memberi pinjaman kepada kita dan kita sudah menjadi begitu *selective* supaya kita memperolehi pinjaman-pinjaman ini dengan terma-terma yang baik dan dengan faedah-faedah yang rendah ataupun dari tempoh masa bayaran balik itu sesuai dengan keadaan kita ataupun keperluan kita.

Ada sumber-sumber dari Bank Dunia dan OECF dan sebagainya yang kita golongkan sebagai pelbagai hala iaitu institusi kewangan di dunia dan juga dua hala iaitu negara-negara tertentu seperti Jepun yang sentiasa memberi bantuan dari beberapa aspek, ada yang memberi bantuan pinjaman seperti bantuan teknikal untuk kita menghadapi masalah Y2K dan ada juga untuk pendidikan tertentu. Jadi, ini adalah berterusan. Ini adalah antara yang diteruskan dari masa ke semasa. Saya percaya, ini adalah satu-satu pinjaman yang biasa sahaja, tidaklah seperti kecemasan, yang memang kita meminta bantuan daripada mereka ini.

Manakala mengapa kita tidak mencari sumber daripada dalam negeri. Sebenarnya kebanyakan pinjaman yang kita perolehi itu adalah daripada sumber-sumber seperti dengan mengeluarkan *Treasury Bill*, *Government Investment Issue*, *Malaysian Government Security* dan sebagainya dan ini merupakan kebanyakan pinjaman yang kita perolehi daripada pasaran dalam negara. Hanya sebahagian kecil sahaja yang kita perolehi daripada pasaran dunia ataupun sumber-sumber kewangan di luar negara.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) tidak hadir]

4. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan tentang usaha kerajaan untuk terus 'meregularisasikan' industri tenaga elektrik ("*regulate power industry*")

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Soalan Nombor 4 ada sedikit pembetulan 'menderegularisasi', dalam bahasa Inggerisnya '*deregulate*'. Terima kasih.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengatur rancangan untuk menstruktur semula industri bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. Tujuan rancangan ini adalah untuk meningkatkan kecekapan ekonomi dan teknikal industri tersebut. Rancangan tersebut akan terus dikawal selia selepas ianya distruktur semula.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cepatnya. Nampaknya Selayang semenjak jadi Naib Presiden lebih efisien termasuk dalam menjawab soalan. *[Ketawa]*

Soalan tambahan. Syabas kepada kerajaan, seperti yang diumumkan oleh Timbalan Menteri, usaha-usaha telah dimulakan untuk meningkatkan kecekapan dalam bidang kuasa elektrik di mana baru-baru ini diwujudkan tiga struktur penting dalam tenaga elektrik. Satu bahagian penjanaan, kedua bahagian penghantaran dan ketiga bahagian pengagihan. Saya hendak bertanya, adakah jangka masa yang dicadangkan oleh kementerian supaya benar-benar syarikat industri elektrik ini distruktur semula, deregularisasikan di negara Barat seperti di England, UK di mana seorang pembeli elektrik dengan satu kemudahan, *demand* yang besar boleh membeli pasaran elektrik

seperti sekarang orang membeli saham di pasaran BSKL, ada pasaran kuasa, satu pasaran di mana mereka boleh membeli kuasa elektrik dan tokoh-tokoh yang mahu menjana boleh menjual dalam pasaran seperti dalam pasaran saham. Bila jangkanya kementerian untuk dalam jangka masa tiga tahun, lima tahun untuk mencapai tahap kemajuan seperti yang ada di negara lain.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk menstruktur semula industri bekalan elektrik dalam negara ini kita bercadang untuk mengemukakan dua akta baru, iaitu Akta Bekalan Elektrik 2000 dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2000. Kedua-duanya dijangka akan dikemukakan ke Dewan yang mulia ini pada tahun depan. Bila kedua-dua akta ini dapat disempurnakan bagi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini baru dapat kita menstruktur semula industri bekalan elektrik dalam negara ini seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rompin, iaitu pada peringkat awal selepas industri ini dapat distruktur semula, kita akan menggalakkan *competition*, dengan izin, di peringkat penjanaan di mana apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin ini akan dilaksanakan. Tetapi penghantaran akan dikekalkan sebagai satu monopoli kerana penghantaran ini adalah dianggap sebagai *backbone* dalam seluruh industri bekalan elektrik di mana kita tidak menggalakkan *competition* di peringkat penghantaran tetapi pembahagian pada peringkat awal kita akan menjadikan ia sebagai monopoli tetapi *competition* akan digalakkan selepas kita melakukan *competition* di peringkat penjanaan. Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi kerajaan berhasrat untuk mengekalkan monopoli dari segi penghantaran, jadi saya kira syarikat yang diberikan monopoli ini ialah Tenaga Nasional Berhad.

Walaupun situasi monopoli ini akan diteruskan, apakah pada pendapat Yang Berhormat wajar misalnya bagi Tenaga Nasional Berhad, walaupun ia menikmati taraf monopoli ini mengambil jalan singkat untuk menentukan tahap keuntungan perniagaannya. Misalnya baru-baru ini apabila bercakap tentang kegiatan mencuri elektrik oleh syarikat-syarikat yang besar, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad menyebut bahawa sekiranya kegiatan mencuri elektrik ini terus berlaku, beliau malah mengugut untuk meningkatkan tarif elektrik bagi pengguna biasa untuk menampung

kerugian yang disebabkan kecurian elektrik. Apakah kenyataan begini membayangkan sikap profesionalisma Tenaga Nasional Berhad itu sendiri kalau ia ingin terus bersaing dalam industri ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pemberian monopoli kepada TNB khususnya dalam bidang penghantaran, ini bukan untuk faedah ataupun untuk kepentingan TNB, ini adalah untuk kepentingan industri bekalan elektrik pada keseluruhannya di peringkat penghantaran kerana penghantaran ini memang merupakan *backbone* kepada industri bekalan elektrik tetapi tidak akan mewujudkan *competition* di bidang pembahagian dan juga penjanaan di mana TNB akan menghadapi *competiton* dari *market operator*, dengan izin, yang lain dalam kedua-dua bidang ini.

Walau bagaimanapun, monopoli ini seperti mana yang saya katakan adalah untuk faedah dan kepentingan negara dan bukan TNB dan apa yang disebutkan oleh Pengerusi Eksekutif TNB baru-baru ini, perkara ini juga tidak wujud kerana kita telah mengambil keputusan bahawa tarif elektrik di negara ini tidak akan dinaikkan sebelum tahun 2000.

5. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bilangan babi yang telah dimusnahkan akibat penyakit virus Nipah dan sama ada semua pampasan dan *ex-gratia* telah dikeluarkan kepada penternak-penternak yang terlibat.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, adalah dimaklumkan bahawa jumlah babi yang telah dimusnahkan dalam operasi kawalan wabak jangkitan virus Nipah dan *Japanese Encephalitis* adalah sebanyak 1,074,025 ekor yang melibatkan sejumlah 946 ladang babi.

Yang kedua, seramai 916 penternak telah menghantar borang untuk memohon bantuan. Sehingga 30 September 1999 – 430 atau 47% daripada penternak-penternak telah menerima bantuan. Manakala 394 permohonan atau 43% sedang diproses dan 92 atau 10% permohonan lagi belum diproses dan sedang diteliti kesahihan permohonan dan tuntutan dan juga kerana penternak tidak menandatangani *bon indemnity*.

Perbezaan angka yang timbul di antara bilangan ladang yang terlibat dalam pemusnahan babi dan bilangan penternak yang memohon bantuan adalah kerana terdapat penternak yang mempunyai lebih daripada satu ladang.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pampasan atau ex-gratia yang dibayar kepada penternak-penternak kepada setiap ekor babi yang dimusnahkan sama ada ia dikira RM50 seekor atau RM120 seekor, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dari Rasah yang duduk di sebelah tepi Yang Berhormat telah mengumumkan dalam surat khabar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk meningkatkan pampasan bagi setiap ekor babi yang dimusnahkan kepada RM120.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan dahulu, buat masa ini kementerian saya hanya membayar RM50 sahaja dahulu dan kita sedang menunggu arahan daripada Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, ini telah pun melibatkan sebanyak RM37,231,000 daripada pemberian RM50 yang kita bayar. Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya itu perkembangan terbaru yang akan kita tunggu lagi.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Bukan sahaja babi, tetapi saya diberitahu bahawa banyak lembu dan kambing pun dimusnahkan atau mati pada masa wabak penyakit virus Nipah ini. Saya ingin tahu bilangan kambing dan lembu yang dimusnahkan atau mati dan berapakah bantuan kewangan diberi untuk seekor kambing atau lembu kepada penternak yang menghadapi kesusahan kewangan pada masa sekarang. [*Tepuk*]

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga ini kita belum lagi menerima apa-apa permohonan daripada ternakan-ternakan yang lain, cuma yang kita terima ialah daripada ternakan babi sahaja. Sebab itu saya percaya ada kes-kes satu, dua ekor itu memang ada, tetapi belum lagi kita terima setakat hari ini.

6. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang kedudukan perlantikan pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia:-

- (a) nama-nama dan pekerjaan Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya yang telah atau akan dilantik; dan

(b) garis panduan yang telah diberi kepada Suruhanjaya.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 telah pun mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 Ogos 1999 dan telah diwartakan pada 9 September 1999. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah anggota suruhanjaya yang ditetapkan di bawah akta ini adalah tidak lebih daripada 20 orang. Sehingga kini anggota-anggota suruhanjaya ini belum lagi dilantik.

Kementerian Luar Negeri telah menerima syor-syor dan pandangan dari pelbagai pihak berhubung dengan nama-nama calon untuk menganggotai suruhanjaya ini. Buat masa ini kementerian sedang meneliti secara terperinci mengenai kesesuaian calon-calon berkenaan mengikut kelayakan, latar belakang dan pengalaman masing-masing.

Ini bertujuan untuk memastikan apabila perlantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong kelak, mereka adalah terdiri dari calon yang benar-benar layak bagi menjamin kehormatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, garis panduan perlantikan ahli-ahli suruhanjaya ini adalah termaktub dalam Akta 597 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 Seksyen 4 berkenaan fungsi dan tanggungjawab. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam ada ditawarkan untuk mengetuai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan beliau sudah menolak tawaran ini oleh kerana beliau tahu bahawa tidak ada kebebasan dan kewibawaan, tidak boleh bertindak dengan secara berkesan dan dalam perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia adakah kerajaan akan berunding dengan parti-parti pembangkang, NGO-NGO supaya perlantikan boleh diterima oleh semua pihak dan harap bahawa suruhanjaya boleh bertindak dengan berkesan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan melaporkan kepada Yang Berhormat apabila Yang Berhormat mengambil tempat kalau hendak jadi Yang di-Pertuan Agong, nama-namanya belum siap dan tidak boleh kita memberitahu kepada Yang Berhormat sehingga namanya telah diperkenankan dan segala kajian dan penelitian dibuat.

Berkenaan Tan Sri Musa ini, saya tidak tahu Yang Berhormat suka cadangkan dia jadi pengerusi, apa niat belakang Yang Berhormat saya tidak faham. Pengerusi untuk Suruhanjaya Pilihan Raya, pengerusi itu dan ini, tidak ada kerja lain melainkan mencadangkan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini mengikut peraturan. Tuan Yang di-Pertua, soal tolak belum saya jawab lagi, pasal Yang Berhormat tidak meranya soalan mengikut soalan asal. Sebab itu saya kena jawab sebagaimana Yang Berhormat tanya. *[Tepuk]*

Jadi, kena faham, kita sabarlah dahulu! Jangan kelam kabut sedikit. Jadi, saya hendak beritahu tidak ada penolakan oleh kerana kita belum membuat syor kepada sesiapa. Jadi, sabar dapat tahu, kalau dengar kita faham, kalau kita butakan mata dan pekakkan telinga tidak guna jadi pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu tidak ada soalan yang sedemikian yang berlaku dan bila masanya tiba kita akan melantik ahli-ahli suruhanjaya ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu lebih lanjut lagi tentang cadangan-cadangan atau syor-syor atau komen atau alasan berkenaan dengan garis panduan atau penubuhan suruhanjaya ini yang telah diterima oleh kerajaan daripada pihak-pihak seperti badan-badan bukan kerajaan, tempatan atau antarabangsa dan apakah pandangan kerajaan tentang komen-komen jika ada diterima.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak apabila suruhanjaya ini telah melantik pengerusi dan ahli-ahlinya, pihak suruhanjaya sendiri melihat kepada fungsi dan tanggungjawab dan kuasa yang diberikan di bawah akta untuk menggariskan secara terperinci dan mengambil kira segala pandangan yang boleh diguna pakai untuk kepentingan perkembangan hak asasi di dalam negara kita.

[Soalan No. 7 – Y.B. Dr. Yap Yit Thong [Lumut] tidak hadir]

8. Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan dasar, perancangan dan strategi yang

bersesuaian kini ke arah pembangunan penduduk berkualiti dan adakah kerajaan mempunyai jangka waktu bagi mencapai pembasmian kemiskinan di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan perancangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi membangunkan penduduk yang berkualiti adalah berpandukan kepada rasional bahawa, dengan izin, *people are the centre of development*, di mana penduduk berkualiti menjadi pasak kepada pencapaian wawasan negara.

Untuk mencapai matlamat tersebut, kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan fahaman para penggubal dasar dan program mengenai hubung kait kependudukan dan pembangunan sektor.

Ini dilaksanakan melalui penyebaran hasil-hasil kajian mengenai kependudukan dan kekeluargaan kepada semua agensi yang berkaitan, latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam bidang kependudukan, kekeluargaan dan reproduksi manusia serta pemantauan dan penilaian trend kependudukan di negara ini khususnya ke atas isu-isu baru yang semakin menyeluruh seperti kesihatan dan hak reproduktif, kesaksamaan gender, keganasan ke atas wanita, keibubapaan dan tanggungjawab kaum lelaki dan keperluan warga tua.

Mengenai pembasmian kemiskinan di negara ini, Majlis Perunding Ekonomi Negara yang kedua telah pun menubuhkan satu jawatankuasa kerja membasmi kemiskinan bagi merancang strategi dan program-program untuk Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pembasmian Kemiskinan merupakan suatu program yang berterusan dan kerajaan tidak meletakkan jangka waktu bagi mengatasi masalah ini.

Walau bagaimanapun, mengikut sasaran kita yang disebut dalam Rancangan Jangka Malaysia Yang Kedua ialah untuk mengatasi golongan termiskin dari belunggu kemiskinan menjelang tahun 2000. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengikut unjuran perangkaan penduduk Malaysia akan bertambah pada 27.8 juta

pada tahun 2010 dan 33.4 juta pada tahun 2020. Apakah angka ataupun bilangan penduduk yang difikirkan optimum atau terbaik bagi negara ini pada ketika itu kerana tidak ada dasar yang disebutkan oleh Yang Berhormat sama ada kita perlu mengurangkan bilangan anak dan sebagainya dan apakah kerajaan cuma membiarkan setiap pasangan atau keluarga melahirkan berapa anak yang diperlukan oleh setiap keluarga ataupun ada rancangan untuk menghadkan misalnya setiap keluarga hanya dibenarkan untuk melahirkan dua orang anak dan apakah terjadi kepada kehendak kerajaan untuk mendapatkan 70 juta penduduk ini.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada dasar untuk menghadkan setiap keluarga untuk menghadkan anak-anak mereka kepada dua orang, tiga orang ataupun empat orang. Kita meningkatkan kesedaran mereka dan kita harap apa yang kementerian lakukan ialah untuk mewujudkan satu perkembangan di mana kita ada satu kependudukan yang berkualiti, itu adalah optimum yang kita harapkan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil cukup banyak usaha untuk membasmi kemiskinan di negara kita ini.

Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat berasa puas hati tentang apa yang telah dicapai dari segi pembasmian kemiskinan dan juga minta Yang Berhormat memberitahu di negeri manakah yang masih mempunyai bilangan orang miskin yang teramai dan sama ada negeri Kelantan dahulu telah berjanji untuk membayar RM70 untuk setiap orang yang miskin, sama ada janji itu telah ditunaikan ataupun tidak? Sekian, terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah satu soalan yang tertumpu kepada makro dan jawapan yang diberi oleh kementerian ialah jawapan yang makro. Walau bagaimanapun, saya beri sedikit angka-angka yang boleh menunjukkan keadaan kita pada masa sekarang. Dalam tahun 1995 – 8.9% ialah golongan yang terperangkap dalam keadaan kemiskinan. Dalam tahun 1997 golongan ini telah menurun kepada 6.1%. Dan dalam tahun 2000 kita menjangkakan peratusan ini akan turun kepada 5.5%. Dan rakyat termiskin iaitu hard core group, dalam tahun 1995 ialah 2.1%, tahun 1997 sebanyak 1.4% dan pada tahun 2000 kita harap sasaran kita ialah menurunkan angka ini kepada 0.5%.

Mengikut apa yang dikata oleh pakar-pakar antarabangsa dari United Nations dan UNICEF, rancangan sosial kita adalah yang amat terbaik di rantau ini dan kesan dari pelaburan yang kita buat dalam bidang kesihatan dan pendidikan diakui oleh pakar-pakar antarabangsa dan saya harap jawapan ini memuaskan Ahli Yang Berhormat.

9. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada bermoral atau tidak bagi pegawai dan kakitangan awam yang mengkritik dan menentang kerajaan atas alasan bahawa ia tidak Islamik, terus mengekalkan perkhidmatan mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai dan kakitangan awam adalah dikehendaki menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan pada setiap masa dan setiap ketika.

Sekiranya terdapat bukti kukuh yang pegawai awam terlibat dalam perbuatan mengkritik dan menentang kerajaan, maka tindakan tatatertib termasuk hukuman buang kerja boleh dikenakan terhadap pegawai berkenaan. Adalah tidak beretika bagi pegawai dan kakitangan awam mengkritik kerajaan sedangkan mereka bekerja dengan kerajaan.

Mereka ini wajar melepaskan jawatan mereka sekiranya mereka ingin terus mengkritik dan menentang kerajaan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. setakat ini apakah tindakan tatatertib yang telah diambil ke atas kakitangan awam yang menentang kerajaan dan adakah bilangan mereka serius dan boleh mengganggu perkhidmatan awam?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini angka pegawai-pegawai kerajaan yang menentang kerajaan belum diperolehi kerana setakat hari ini tidak ada laporan yang dibuat oleh mana-mana pihak. Kalau kita tanya saya, sama ada apakah pegawai-pegawai kerajaan mempunyai budaya menentang kerajaan, saya ingin menyatakan dengan jelas dan nyata bahawasanya pegawai kerajaan kita pada keseluruhannya adalah memahami tanggungjawab profesional mereka dan tidak ada angka-angka yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai kerajaan sekarang ini menentang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, hanya kadang-kadang kita tidak memahami, dengan izin, the *partitioning* antara penentangan kerajaan dengan penentangan terhadap satu-satu parti di dalam kerajaan. Ini berbeza dan kerajaan tidak boleh buat apa-apa kepada mereka yang melakukan sedemikian kecuali mereka melakukan penentangan terhadap kerajaan, yang ini kalau ada laporan, cukup bukti, kita akan mengambil tindakan dan akan diambil tindakan yang sesuai dengan Perintah Am.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kurang bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kononnya tidak ada pegawai kerajaan yang menentang kerajaan. Kita banyak bertemu dengan kes-kes tertentu misalnya bukan sahaja pegawai kerajaan tetapi juga guru-guru yang secara terang-terangan terlibat dalam ceramah-ceramah politik menentang kerajaan dan saya rasa mesti ada laporan di sampaikan oleh pihak-pihak tertentu.

Tetapi yang saya khuatir ialah besar kemungkinan di kalangan birokrasi itu sendiri terdapat satu pakatan untuk melindungi ahli masing-masing sehingga mungkin laporan ini tidak sampai ke pihak atasan.

Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian khususnya Jabatan Perdana Menteri akan menyiasat perkara ini, sebab kalau kita kata tak ada kes ini adalah tidak benar, kita boleh check mana-mana pihak memang benda ini berlaku.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kerajaan, kita bertindak berasaskan kepada laporan. Dan kalau ada laporan, saya beri jaminan bahawasanya kalau ada laporan, kalau Yang Berhormat umpamanya, merasakan ada dan mempunyai bukti, saya rasa Yang Berhormat sendiri, ahli-ahli Dewan ini sendiri boleh melaporkan kepada ketua-ketua jabatan, kalau ketua jabatan tidak boleh mengambil tindakan, laporkan kepada ketua setiausaha, sekiranya ketua setiausaha tidak mengambil tindakan, laporkan kepada ketua KPPA, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam atau sekiranya tidak ada tindakan juga hantar laporan kepada kepada Ketua Setiausaha Negara, sekiranya tidak ada laporan juga hantar kepada Perdana Menteri sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, sekiranya ada laporan, kerajaan memandang serius di atas pegawai-pegawai kerajaan yang menentang kerajaan. Pada hemat kerajaan, pegawai kerajaan tidak seharusnya melakukan sedemikian kerana mereka adalah

diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas kerajaan kerana kita merasakan mereka adalah sebahagian daripada kerajaan. Kalau mereka mengkritik kerajaan menyatakan apa-apa kepada kerajaan, bermakna mereka menyatakan kepada diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan, kalau sekiranya ada laporan disampaikan kepada ketua-ketua jabatan, saya percaya kalau dikatakan ketua-ketua jabatan hendak melindungi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menghantar laporan atau maklumat kepada ketua setiausaha. Saya percaya semua ketua setiausaha sedang menunggu laporan, kalau ada yang dikatakan pegawai-pegawai kerajaan menentang kerajaan kerana semua ketua-ketua setiausaha sekarang sedang berminat untuk membersihkan nama baik kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan.

10. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil bagi mempertingkatkan status para pegawai tinggi (JUSA) dan profesional terutama sekali di dalam perkhidmatan awam sekali gus berwibawa sebagai golongan utama.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil daya usaha untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai tinggi termasuk pegawai-pegawai profesional mempunyai keupayaan dan kewibawaan sebagai pemimpin di sesebuah kementerian atau di sesebuah agensi atau jabatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemilihan pegawai-pegawai untuk mengisi jawatan JUSA, bukan sahaja dibuat berdasarkan kekananan dan prestasi pegawai tetapi juga mengambil kira aspek kualiti peribadi pegawai berkenaan.

Semua pegawai yang akan memegang jawatan JUSA atau pihak tertinggi termasuk pegawai profesional, dikehendaki melalui kursus kepimpinan dan pengurusan tertinggi anjuran INTAN, Jabatan Perkhidmatan Awam dan modul-modul dalam kursus tersebut adalah ke arah mempertingkatkan keupayaan dan kewibawaan pegawai di samping penerapan nilai-nilai murni.

Pegawai-pegawai tersebut juga akan dari masa ke semasa menghadiri kursus atau seminar di dalam dan di luar negara bagi memperluaskan serta mempertingkatkan kepakaran mereka dalam bidang-bidang tertentu.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari soalan asal, saya menganggap bahawa Yang Berhormat bagi Kuala Krai

mengakui bahawa golongan ulama tidak terhad kepada mereka yang berilmu dalam bidang agama sahaja iaitu dia merangkumi semua bidang ilmu. Jadi, mereka yang berilmu dalam bidang-bidang tertentu boleh juga dianggap sebagai golongan ulama. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, definisi ulama ini banyak. Di antaranya, kita boleh terima kalau dikatakan seseorang yang ada kemahiran dalam bidang-bidang tertentu ilmu dunia, misalnya, boleh dikelompok sebagai kumpulan ulama tetapi saya percaya di dalam Islam tentunya ada kaitan juga dengan akidah dan kalau boleh saya nyatakan definisi yang terbaik berkenaan dengan ulama ini ialah apa yang dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali iaitu insan yang mengenal Allah dan mengenal perintah Allah. Bermakna apabila seseorang itu mengenal Allah, taqwanya, imannya, tawaduknya dan ada pada Allah S.W.T. adalah tinggi. Ini dari sudut Islamlah dan mengenal perintah Allah bererti ilmu yang dimilikinya sama ada ilmu agama ataupun ilmu duniawi itu tinggi tahapnya. Ini barulah ciri-ciri seorang ulama yang baik.

Selain daripada itu kita boleh tafsirkan secara longgar kalau orang-orang yang memiliki sifat-sifat banyak ilmu dalam satu-satu bidang duniawi boleh dikategorikan dengan syarat-syarat tentunya mesti ada secebis iman di dalam orang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, ustaz. *[Ketawa]*

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Sama-sama.

[Soalan No. 11 - Tuan Radin Malleh [Tenom] tidak hadir]

12. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan kanak-kanak yang sampai umur memasuki darjah satu tetapi tidak berbuat demikian, sejak tahun 1995. Apakah sebab-sebab utama mereka tidak mendaftar untuk belajar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, purata kemasukan murid ke Tahun 1 di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan sejak 1991 ialah 95.2%. Bilangan selebihnya memasuki sama ada sekolah swasta atau sekolah agama.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya juga mengenai kemasukan kanak-kanak ke Tahun 1 atau sekolah rendah masyarakat Malaysia tetapi tertumpu kepada masyarakat Orang Asli. Banyak kita

dengar bahawa kelemahan masyarakat Orang Asli ini kerana mereka tidak menghantar anak mereka ke sekolah. Macam di kawasan saya, 15% penduduk Rompin adalah Orang Asli dan masalahnya ialah keputusan mereka ini adalah amat rendah dari segi pelepasan yang baik, bukan kerana mereka tidak belajar tetapi mereka tidak memasuki sekolah kerana cara hidup masyarakat mereka itu. Adakah kementerian bercadang, satu pendekatan tertentu untuk membantu supaya masyarakat Orang Asli ini juga mendapat ilmu dan dapat menyertai arus pembangunan negara. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan peka dan prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kaum Orang Asli oleh kerana cara penghidupan mereka adalah sedikit berbeza dengan cara-cara kaum lain. Jadi, Kementerian Pendidikan sudah melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah itu demi untuk mempertingkatkan enrolment mereka.

Di antara langkah-langkah yang Kementerian Pendidikan sudah ambil ialah untuk mengemaskinikan satu kurikulum sekolah yang lebih bersesuaian dengan tabiat mereka iaitu kita gunakan bahan-bahan pengajaran yang lebih menarik minat. Selain daripada itu juga, di tempat-tempat yang sesuai Kementerian Pendidikan membina sekolah-sekolah berasrama penuh supaya anak-anak Orang Asli itu boleh duduk dalam kawasan sekolah demi untuk membolehkan mereka mengikuti pengajaran yang telah disampaikan.

Dato' Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana pendidikan adalah amat penting bagi kita, jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian Yang Berhormat akan mencadangkan peruntukan undang-undang supaya setiap kanak-kanak dihantar ke sekolah untuk mengikuti pendidikan rasmi sebagai kewajipan ibu bapa.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah mengkaji secara mendalam cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Senai. Oleh kerana ada kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tertentu seperti kaum Orang Asli, kalau kita laksanakan undang-undang memang boleh timbulkan masalah dan kesulitan. Kementerian Pendidikan sudah wujudkan satu sistem di mana pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan disampaikan secara percuma dan kerajaan juga memberi bantuan dari segi makanan tambahan, kewangan dan sebagainya untuk pelajar-pelajar yang

menghadapi masalah. Kita rasa cara-cara itu lebih sesuai dan untuk mereka yang menghadapi masalah dari segi pengangkutan, dari segi keluarga mereka yang jauh dari sekolah, kita akan cadang untuk mengadakan sekolah-sekolah asrama penuh dan sebagainya tetapi dari segi undang-undang, Kementerian Pendidikan bimbang akan membawa masalah-masalah yang lain kepada mereka dari keluarga yang susah atau jauh dari sekolah dan sebagainya.

13. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan peraturan cukai keluar (*exit tax*) sekarang dan amaun wang yang dikeluarkan di negara ini selepas September lalu dan bagaimana semua ini mempengaruhi Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bersama soalan daripada Yang Berhormat bagi Kepong kerana kedua-dua ini adalah berkaitan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sistem levi yang telah dimudahsuaikan pada 21 September 1999 dengan pengenalan levi setara sebanyak 10% sahaja ke atas penghantaran pulang keuntungan atas dana portfolio adalah untuk menggantikan levi dua peringkat 30% dan 10%. Sistem levi setara ini telah mengurangkan kadar levi di samping memudahkan pelaburan di Malaysia. Umpamanya, peraturan ini sekali gus dapat memudahkan pelabur asing dalam menentukan harga unit amanah mereka dan keuntungan yang dibuat serta kadar levi yang sepatut dibayar. Penentuan ini adalah penting memandangkan mereka membawa masuk dan keluar dana pelaburan secara berterusan. Pelabur telah menyambut baik pengenalan levi setara ini di mana pada tarikh langkah ini diumumkan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur telah melonjak sebanyak 4.1% kepada 739.3 mata berbanding dengan kedudukan pada hari sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi BSKL adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan bukan semata-mata kepada levi yang dikenakan. Baru-baru ini kebimbangan kenaikan nilai Yen dan peningkatan kadar faedah di Amerika Syarikat telah menjejaskan prestasi bursa saham serantau. Namun demikian, prestasi BSKL terus stabil, misalnya pada 19

Oktober tahun ini indeks komposit BSKL pada 738.28 mata adalah 9.3% lebih tinggi berbanding dengan indeks komposit BSKL pada akhir September tahun ini dan 181% lebih tinggi berbanding dengan indeks komposit BSKL pada 1 September 1998. Ini adalah kerana pemulihan ekonomi negara semakin ketara manakala asas-asas ekonomi kian kukuh. Justeru sungguhpun syarat pegangan dana selama satu tahun yang dikenakan ke atas pelabur asing telah berlalu sejak 1 September 1999, jumlah dana yang dibawa keluar negara sehingga 15 Oktober adalah US\$1.7 bilion. Jumlah ini mencerminkan kebanyakan pelabur asing terus mengekalkan pelaburan mereka dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini, pada pendapat saya bahawa sebarang aliran keluar modal jangka pendek adalah untuk sementara waktu sahaja dan dana asing ini akan kembali untuk melabur semula di negara ini memandangkan asas-asas ekonomi negara yang kian bertambah baik seperti yang saya sudah jelaskan semalam.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan negara-negara mana yang mengadakan exit tax seperti mana yang diadakan di Malaysia ini dan bukannya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menarik pelabur-pelabur daripada luar untuk terus melabur di negara ini, kita mestilah '*play by the game*'. [Disampuk] Kalau Yang Berhormat bagi RompinTuan Yang di-Pertua, makna saya ialah ada peraturan-peraturan yang tertentu walaupun kita tidak mahu sesiapa pun mengongkong ekonomi kita, itu memang satu prinsip yang betul. Kita tidak mahu orang mengongkong kita, menjajah kita di dalam ekonomi. Memang satu prinsip yang kita pegang kuat [Disampuk] tetapi sementara itu kitalah yang pertama yang mencadangkan supaya diadakan kawalan! Tuan Yang di-Pertua pun tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sila, sila pertanyaan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Rompin tidak mahu '*play by the game*', dia ada *game* sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, Yang Berhormat. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Maksud saya ialah memang di dalam bidang pelaburan, di dalam portfolio yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang ada peraturan-peraturan antarabangsa yang tertentu dan setakat manakah pihak negara kita dapat memainkan

peranan yang diperlukan untuk menggalak pelaburan kerana negara-negara lain yang memainkan peranan yang tertentu termasuk Singapura.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kita bukanlah negeri yang unggul sekali yang memperkenalkan kawalan modal secara terpilih. Sebenarnya negara seperti Chile pun telah mengamalkan kawalan seperti ini dan saya percaya juga bukanlah ini kita memperkenalkan sistem ini untuk menjamin kepentingan negara kita tetapi pada fikiran sayalah, pelaburan asing itu, itu pun telah dipelihara oleh kerana kalau negara kita terjejas, pelaburan mereka itu pun terjejas juga di negara kita ini. Jadi, pada masa yang sama saya rasa setakat ini kita mendapat komen-komen yang baik daripada semua institusi yang terkenal di dalam dunia ini dan saya rasa tidak usahlah bimbanglah Yang Berhormat bagi Kepong ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jawab tadi 'exit tax', di mana negara-negara lain yang ada, tidak jawab?

Dato' Wong See Wah: Ada, sudah. Yang Berhormat tidak dengar, Chile. Apa ini tidak tahukah? [*Disampuk*]

Tuan Yunus bin Rahmat: Ingat itu 'Chile' makan punyakah! [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Teluk Intan, sila.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah situasi di mana boleh dikatakan bahawa ada perkara-perkara yang dapat memberi exit tax yang tidak dikenakan apabila wang dihantar keluar dan juga dalam jangka masa bilakah *exit tax* ini dijangka akan dihapuskan?

Dato' Wong See Wah: Pada masa sekarang kerajaan akan berterusan dengan exit tax ini dan kita memang sentiasa mengkaji tentang kedudukan yang sebenarnya dan pada masa yang sesuai memang kita akan membuat keputusan yang tertentu.

14. **Dato' Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kementerian akan mempertingkatkan kawalan keselamatan syarikat-syarikat pengeluar kad kredit agar tidak menghantar kad-kad kredit melalui Pos Laju atau *Courier* bagi mengelakkan pencurian kad berkenaan dalam perjalanan sebelum dihantar ke penerimanya; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh kementerian berhubung perkara tersebut.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, keadaan penghantaran kad kredit oleh institusi-institusi pengeluar kad kredit kepada pelanggan-pelanggan mereka adalah merupakan keputusan perniagaan masing-masing. Ia mengambil kira beberapa faktor seperti kemudahan kepada pemegang kad, risiko kecurian kad, bilangan dan lokasi cawangan institusi-institusi pengeluar kad tersebut dan juga pilihan pemegang kad itu sendiri.

Bagi institusi pengeluar kad kredit yang mempunyai bilangan cawangan yang banyak, mereka mungkin akan meminta para pemegang kad untuk mengambil sendiri kad mereka di cawangan terdekat. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat dilakukan oleh institusi perbankan yang mempunyai bilangan cawangan yang terhad kerana ianya akan menyusahkan para pelanggan. Oleh yang demikian, adalah lebih baik institusi-institusi pengeluar kad kredit terus menentukan cara terbaik untuk menyerahkan kad kredit mereka kepada pelanggan masing-masing berdasarkan keperluan perniagaan masing-masing.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Empat tahun yang lepas, apabila persoalan kecurian dan penipuan menggunakan kad kredit ini banyak berlaku di Malaysia tetapi perkara ini memang berlaku di seluruh dunia, bahkan di Amerika. Jadi, kita membuat beberapa cadangan iaitu gambar dimasukkan bersama ke dalam kad kredit dan kad kredit bergambar ini didapati – penyelidikan dibuat di Amerika boleh menghalang daripada kecurian ataupun penipuan menggunakan kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua, jadi persoalan saya, adakah kementerian mewajibkan pada masa yang akan datang soal ciri kad kredit yang mungkin dapat menghalang daripada penipuan dan kecurian di masa yang akan datang.

Dato' Wong See Wah: Setakat ini Bank Negara tidak mengenakan syarat ini tetapi terpulanglah kepada institusi-institusi pengeluar kad kredit dari segi perniagaan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah berlaku kecurian yang sebenarnya dan penipuan-penipuan yang telah dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab? Kepada kementerian setakat hari ini, adakah *figure* yang tertentu yang telah dapat dikesan oleh pihak kementerian ataupun melalui aduan-aduan yang dikemukakan oleh pihak yang mengeluarkan kad-kad berkenaan mengenai dengan jumlah kecurian dan juga jumlah penggunaan kad-kad kredit palsu ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya ingat kecurian kad-kad yang terlibat itu tidak melebihi 0.003% daripada jumlah transaksi yang dilakukan oleh kad kredit ini.

Jadi, ini tidaklah sampai satu paras yang begitu membimbangkan. Walaupun, nampaknya jumlah itu besar tetapi oleh kerana kecurian yang telah berlaku itu, jumlah peratus itu masih dalam peringkat yang sangat sedikit sahaja.

[Soalan No. 15 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]

16. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kes pembunuhan senjata api dan kecederaan orang awam akibat tindakan polis sejak lima tahun kebelakangan dan apakah usaha memulihkan imej negatif polis kerana sering berlakunya kejadian rasuah, keganasan dan penyalahgunaan kuasa yang melibatkan anggota-anggota polis.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama jawapan kepada soalan ini telah pun saya jawab semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara pada 19 Oktober iaitu dua hari yang lalu.

Bagi Bahagian yang kedua, PDRM sentiasa bertindak bagi memastikan semua anggota memberi perkhidmatan yang terbaik dan profesional. Usaha-usaha peningkatan imej pasukan dibuat melalui kursus peningkatan etika PDRM dan latihan-latihan yang bertujuan meningkatkan tahap disiplin dan memperbetulkan sikap terhadap tugas. Program-program dan kursus-kursus ini akan diteruskan bagi meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan anggota pasukan serta membantu memperkukuhkan keyakinan masyarakat kepada PDRM.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No.3,7, 11, 15, 17 hingga 21 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[20 Oktober 1999]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat bagi Tanjong Karang menyambung ucapan.

11.05 pagi

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya semalam.

Semalam saya telah menyentuh dua golongan kanak-kanak yang sepatutnya diberikan juga perlindungan di bawah akta ini, iaitu golongan yang pertama saya sentuh semalam ialah golongan kanak-kanak yang telah digunakan oleh parti-parti politik untuk kepentingan politik mereka.

Golongan yang kedua ialah golongan kanak-kanak yang diasuh dengan ajaran agama yang sesat. Saya sentuhkan dua golongan ini kerana kalau kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa ini digunakan oleh parti-parti politik tertentu terutamanya parti PAS. Kita bimbang kanak-kanak ini apabila mereka dewasa nanti, mereka tidak menjadi rakyat yang memahami undang-undang dan rakyat yang tidak boleh menghormati Perlembagaan negara kita dan rakyat yang tidak memahami prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan di negara kita. Begitu juga kalau kanak-kanak yang diasuh dengan ajaran sesat ini lagi bahaya sebab itu kita berharap kanak-kanak ini juga harus diberi perlindungan dan dipulihkan semula akidah mereka supaya mereka menjadi penganut agama Islam yang sebenarnya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di dalam – saya juga ingin mencadangkan supaya mereka yang terlibat menggunakan dua golongan

kanak-kanak ini sepatutnya mereka juga boleh didakwa di bawah akta ini kerana di bawah kesalahan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Ya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin untuk mendapat sedikit penjelasan daripada wakil Tanjong Karang. Adakah yang dimaksudkan dengan parti politik yang menyalahgunakan atau menggunakan kanak-kanak untuk tujuan politik itu hanya kepada PAS sahaja ataupun terlibat semua parti? Kalau terlibat semua parti, apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan kad yang dihantar dengan lambang Barisan Nasional yang mana Perdana Menteri bersama dengan kanak-kanak. Tidakkah itu juga bahawa UMNO dan Barisan Nasional sendiri telah menyalahgunakan kanak-kanak dengan menghasut kanak-kanak ataupun membawa kanak-kanak terlibat secara lansung dengan politik. Adakah mereka ini juga patut dikenakan tindakan mahkamah?

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan tadi ialah parti yang menggunakan kanak-kanak dengan cara kekerasan.

Pada dasarnya memang semua parti. Semua parti harus mengambil berat tetapi kanak-kanak yang diasuh supaya tidak memahami prinsip-prinsip demokrasi ini harus ditekankan. Kanak-kanak yang digunakan apabila pemimpin-pemimpin UMNO berucap, bawa budak-budak sekolah 'boo' kita, suruh budak-budak sekolah tanggalkan poster-poster UMNO, sehinggakan kita lihat ada kanak-kanak sekolah bersama-sama masuk di dalam demonstrasi baru-baru ini. Ada yang bawa pisau dan sebagainya. Ini yang saya maksudkan. Menanam satu semangat yang tidak memahami, sengaja dipesongkan pimpinan mereka membenci kerajaan, menanam satu perasaan benci kepada kerajaan, menanamkan satu perasaan supaya jangan hormati undang-undang. Menanamkan satu semangat bahawa merekalah golongan yang benar. Orang lain cakap semuanya tidak betul.

Jadi, ini yang saya maksudkan. Kalau kanak-kanak ada gambar, itu biasa. Kita menyalahkan mana-mana peraturan yang maksudnya kanak-kanak yang digunakan ini harus diberi perlindungan sebab apabila mereka besar nanti, mereka akan menjadi rakyat dan menjadi pengundi. Kita tidak mahu menjadi sebuah negara seperti negara jiran.

Sebagai contoh, macam-macam ugutan berlaku. Tidak boleh menerima kemenangan satu-satu pihak. Ini yang kita tekankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, penjelasan. Perkara kanak-kanak bergambar dengan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, salahkah?

Saya rasa salah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang ialah ada sekolah yang menggunakan satu tempat dan menghasut, mengajar untuk membenci satu masyarakat, satu kelompok Melayu Islam yang lain. Dia menghasut. Tetapi di sekolah-sekolah kerajaan tidak ada diajar menghasut kerana kurikulum itu ialah kurikulum yang dirancang dan direncanakan oleh pakar-pakar pendidik. Pendidik yang membuatkan kurikulum sekolah kita. Program-program yang Perdana Menteri kita hadir ini diatur oleh sekolah, bukan diatur oleh UMNO. Kita kena bezakan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia dan beliau sebagai Presiden UMNO. Ini isu yang sebenarnya.

Di sebelah sana itu dikumpulkan orang, diajarnya kurikulum PAS, diajar kurikulum pendidikan ala PAS, membenci orang lain. Yang Berhormat bagi Arau – ini saya kata di Arau mungkin tidak berlaku, saya tidak tahulah. Tetapi di negeri Kelantan berlaku. Ini isu negeri Kelantan. Di Arau, Perlis saya tidak tahu. Adakah di Arau begitu, saya tidak tahulah, mungkin di Arau tidak. Tetapi di negeri Kelantan ini, mengajar membenci, minta pandangan Yang Berhormat bagi Tanjong. Bukan Tanjong Karang – Tanjong itu. Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang lebih baik daripada Yang Berhormat bagi Tanjong di sana. Yang Berhormat bagi Tanjong itu kita hantar pergi hanyut sahaja.

Ini sebenarnya Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Saya minta penjelasan sedikit, adakah pandangan ini Yang Berhormat maksudkan bahawa depa di sana itu yang menghasut. Kalau menghasut boleh dituduh di bawah Akta Hasutan, itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Jadi, saya minta penjelasan, adakah itu benar?

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya telah nyatakan, itulah tadi yang saya maksudkan. Memang betul apa yang Yang Berhormat bagi Rompin nyatakan tadi, menambahkan apa yang saya maksudkan.

Kalau soal gambar ini Yang Berhormat bagi Arau, semalam Yang Berhormat bagi Jerantut telah bangun. Ini, pemimpin agung PAS ini duduk bergambar dengan budak sekolah, umurnya berapa tahun Yang Berhormat? Lima tahun, ke enam tahun, perempuan dok pakai lambang itu. Dalam *Harakah* duduk di sebelah Yang Amat Berhormat Tuan Guru Nik Aziz. Tulis “*Kami hendak tukar....., kami memilih PAS daripada UMNO*” Kempen menggunakan budak-budak, kita tidak adakan budak-budak untuk berkempen. Hendak masuk *Harakah*, seolah-olah budak perempuan yang berumur lima tahun, itu tidak tahu apa-apa pun. Tidak tahu apa itu PAS dan tidak tahu apa itu UMNO. Tetapi bergambar dengan Tuan Guru Nik Aziz, seolah-olah mengambil simpati, seolah-olah budak kecil pun sudah tahu bahawa UMNO ini patut ditukarkan kepada PAS. Ini yang saya maksudkan

Tuan Yang di-Pertua, ini hal menghasut.....

Tuan Haji Hashim bin Jasin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak puas hati lagi? Boleh.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya minta Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tolong beli *Harakah* keluaran baru ini dan Insya-Allah, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tangkap dialah kalau dia beli *Harakah* walaupun bukan ahli. Lihat dalam *Harakah*, bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bergambar dengan budak-budak dalam satu kad gambar itu, di atas dibubuh juga lambang dacing. Kalau sekiranya ini gambar yang disiarkan dalam *Harakah* hari ini, kalau sekiranya dikatakan Mursyidul Am PAS bergambar dengan budak yang ada lambang PAS itu dikira bersalah, kenapa tidak dihukum juga Perdana Menteri yang bergambar dengan budak-budak yang mempunyai lambang dacing sebagai bersalah? Kenapa wujud ‘*double standard*’ dalam kita hendak meletakkan hukum kepada dua pemimpin dalam dua parti yang berbeza.

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, saya ingat tengok balik *Harakah* dahulu. Budak-budak itu ada pakai lambang dacing atau tidak? Dia tidak pakai lambang

dacing. Yang kita maksudkan ini dia bergambar dan suruh undi PAS, budak itu yang pakai, digantung di bahagian hadapan. Ini yang saya maksudkan. Janganlah Yang Berhormat hendak putar-putar isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini memang kerja PAS, saya tidak hairan. Bukan sahaja di negeri Kelantan, di negeri Selangor pun telah bermula. Daripada dahulu kita di negeri Selangor, jaranglah dengar “*Kalau tidak masuk PAS tidak masuk syurga*”. Sekarang ini orang di negeri Selangor sudah pandai bercakap. Sebab panglimanya ada di sana, semua pemimpinnya turut serta. Yang saya contohkan semalam, kanak-kanak ini kalau tidak dibimbing dengan betul apabila mereka dewasa – saya ambil contoh satu gerombolan mahasiswi pakai tudung. Hujung minggu pergi kempen di Tanjong Karang, beritahu kepada orang kampung, “*Makcik kalau tidak pangkah PAS, nanti kubur tidak terima*”. Nasib baik makcik itu pandai jawab, makcik itu kata, “*Alhamdulillah, kalau makcik mati kubur tidak terima, sebab apa makcik kata Alhamdulillah, makcik boleh balik dan duduk dengan pakcik balik*”. Nasib makcik itu pandai jawab. Kalau makcik itu – setengah orang dia telah menggelabah.

Ini siapa yang tidak sokong UMNO, siapa yang tidak sokong PAS duduk atas pagar. Apa, Yang Berhormat bagi Araukah yang hendak menjaga pintu syurga nanti? Ha, orang PAS masuk syurga, orang UMNO tidak masuk syurga. Kalau Yang Berhormat bagi Arau yang menjaga pintu syurga, bolehlah

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Noh bin Omar:Jadi, ini yang saya hendak tekankan, ini amat bahaya yang boleh menyalahgunakan agama kita, Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato’ Haji Azmi bin Khalid: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, ‘slow’ sedikit Yang Berhormat. Ada dua orang yang bangun ya.

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Saya dahululah.....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri yang mana dahulu?

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Saya dahululah, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya Yang Berhormat, tengoklah sekarang ini – syabas kepada Kementerian Penerangan. Apabila kata orang naik haji itu dia tawaf, berpusing-pusing. Saya ingat dua, tiga juta orang. Daripada dua, tiga juta orang itu berapa orang ahli PAS? Saya ingat dua, tiga juta orang adalah dalam 500 orang. Adakah ini bermakna kalau mengikut fatwanya kalau orang itu hanya ahli PAS, dia sembahyang baru sah. Kalau hanya PAS lah yang masuk syurga, bermakna yang tawaf di Mekah itu, yang naik haji tiap-tiap tahun itu tidak masuk syurga kerana dia tidak ahli PAS?

Tuan Haji Noh bin Omar: Nabi pun tidak masuk PAS.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, nabipun – berapa orang nabi masuk jadi ahli PAS?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berapa orang nabi yang ahli PAS ini? Inilah kaedah, saya minta pendapat Yang Berhormat bagi Tanjong Karang sekali lagi.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya ingat kita sudah jelas isu ini. Ini yang kita selalu bercakap, yang pemimpin PAS pun saya tahu. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ucapannya semalam pun bagus, tetapi jelas pemimpin PAS ini Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap dalam Dewan ini okay, tetapi tolong jaga orang-orang yang di bawah ini. Kita faham dia main politik, baling batu sembunyi tangan, tetapi bila orang bawah dia buat, dia buat-buat tidak nampak, kalau kita tanya dia, dia tidak mengaku. Ini tabiat PAS, ini jelas, pemimpin di atas bersetuju manifesto pilihan raya parti alternatif digugurkan penubuhan sebuah negara Islam tetapi di kampung masih bercakap. Kita menang tubuh negara Islam, tubuh negara Islam apa? Sudah setuju, takut kepada DAP – DAP kata boleh barisan alternatif ditubuhkan, menang isu penubuhan negara Islam digugurkan, bersetuju, tetapi di kampung bercakap lagi, seolah-olah betul-betul hendak tubuhkan negara Islam.

Inilah pembohongan yang kita selalu tentang PAS, boleh merosakkan masyarakat kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit. Ini tentang negara Islam ini, Kepong ada, satu lagi Wakil Rakyat DAP bagi Bagan. Bermakna yang dia sain tangan, depan lain, belakang dia main lain. Ini parti PAS atau Kepong, apa pandangan Kepong, hendak beri peluang Kepong jawab tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah Yang Berhormat bersetuju hendak beri peluang kepada Kepong untuk hendak jawab permainan 'kong kali kong' politik PAS ini. Adakah Yang Berhormat bagi Tanjong Karang hendak beri peluang kepada Kepong untuk menjawab soalan ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Noh bin Omar: Sahabat daripada Rompin, dalam hal ini saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada DAP kerana DAP pandai. DAP satu parti yang bijak menggunakan PAS, saya cabar PAS ini. Fasal 66, Perlembagaan PAS, siapa cakap? Fasal 66, Perlembagaan PAS jelas mengatakan bahawa PAS hanya boleh menjalankan aktiviti mereka, menjalinkan kerjasama mereka dengan pertubuhan-pertubuhan yang tujuannya untuk meninggikan perjuangan Islam, Fasal 66 ini. Tetapi mengapa hari ini pemimpin PAS tidak menghormati perlembagaan dia sendiri. Dulu bercakap, ha, ini marah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Noh bin Omar: Nanti, saya hendak habiskan. Dahulu bercakap, berkawan dengan orang bukan Islam tidak boleh, ayat-ayat Al-Quran dia sebut. Hari ini bukan sahaja ayat-ayat Al-Quran itu tidak disebut, Perlembagaan Fasal, 66 pun dibuang dalam laut. Apa perjuangan PAS seperti ini, perlembagaan sendiri pun tidak mahu dihormati. Bagaimana hendak menghormati Perlembagaan Negara? Sekarang hendak bercakap pasal undang-undang dan menghormati Perlembagaan Negara, Perlembagaan PAS sendiri Fasal 66 juga tidak dihormati.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tanjong Karang ini, selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin tadi, gejala di mana orang-orang PAS meletakkan budak-budak umur 8, 9 tahun pakai jubah, pakai macam itulah dan apabila orang UMNO, pemimpin UMNO lalu, kita hendak masuk ke dalam Dewan semasa penamaan calon, semua budak-budak diajar menunjuk tangan kepada kita, 'kafir, kafir, kafir'. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Haji Noh bin Omar: Seperti yang saya nyatakan tadi, sepatutnya golongan kanak-kanak yang digunakan ini juga harus diberi perlindungan, harus dipulihkan sebab ini amat merbahaya, mengkafirkan sesama Islam. Budak-budak ini bukan tahu apa. Ini kadang-kadang hendak panjat pokok itu, upah budak-budak pergi panjat, kalau jatuh budak-budak ada PAS hendak tolong, insurans pun tidak ada. Jadi, budak-budak ini cakap pasal Islam bukan main semangat. Semuanya disalahgunakan seperti yang saya nyatakan tadi. Jadi, ini hendak menafikan apa lagi, inilah yang saya katakan, golongan kanak-kanak ini harus dipulihkan dan mereka yang menggunakan kanak-kanak ini juga harus dimasukkan di dalam, boleh didakwa kerana melakukan kesalahan di bawah akta ini, Seksyen 43.

Jadi, kita minta kementerian kaji, kalau menteri ada kuasa masukkan golongan kanak-kanak ini, kita ambil balik. Ini baru hendak ambil Sekolah Agama Rakyat sudah bising, ini kalau kita tidak selamatkan Sekolah Agama Rakyat Kelantan ini, tidak tahulah apa hendak berlaku lagi, menggunakan sekolah agama ini. Hendak bercakap pasal pembangunan Islam, kanak-kanak dihasut. Ini pendidikan sekular. Kalau sudah semuanya sekular, budak-budak suruh sekolah Arab ini, macam mana hendak jadi doktor.

Kalau kita hendak ulas, tetapi saya hendak balik kepada isu ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya sedikit sahaja. Marang ada ini. Saya entah macam mana ada satu ceramah, saya hadir, saya pakai kopiah dan pergi. Marang masih mengatakan, kita tetap menegakkan negara Islam. Dia sendiri bercakap, saya dengar tetapi senyap-senyap sains juga supaya sanggup tidak payah lagi negara Islam dengan DAP. Adakah Yang Berhormat hendak beri Tanjong Karang buat ulasan di sini, Marang buat ulasan? Apa yang dicakap di sana sama dengan cakap di Dewan, supaya di Dewan jangan cakaplah, bangun, saya cabar, bangun mengatakan

bahawa PAS, Marang tidak mahu lagi negara Islam. Kalau anak jantan, bangun – cabar [Tepuk] Berani di sana sahaja.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya bersetuju

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir.Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu ...

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir.Ong Tee Keat]: Nanti dulu. Tanjong Karang masih berucap dan Marang bangun hendak minta sesuatu, hendak jawab siapa ini?

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak, beri saya, saya floor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sekarang ini masa Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya yang akan beri jalan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya pun sama, saya pun hendak cabar juga sebab saya sudah letih, kawasan ini, bercakap lain tetapi bila sampai di kampung lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir.Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat bagi Marang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Kita beri Marang dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir.Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Marang diingatkan, tadi Rompin hanya boleh minta penjelasan dari Tanjong Karang dan sekarang ini kalau Yang Berhormat bagi Marang hendak jawab pun, kena jawab ataupun kena menuju sebarang soalan kepada Tanjong Karang dan bukannya kepada Rompin.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ha, macam mana. Penjelasan boleh? Beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Minta penjelasan boleh.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Rompin menandakan kejahilan beliau tentang negara Islam, tentang hukum yang berkait dengan negara Islam. Di sana ada perkara prinsip dan ada perkara cabang yang diizinkan oleh Islam untuk kita menyatakan sesuatu. Dalam ajaran Islam di

mana Nabi kita Muhamad s.a.w. menegakkan negara Islam, dalam masa yang sama mengadakan persefahaman [*Sorak*] dengan kumpulan-kumpulan yang bukan Islam dalam isu-isu yang tertentu, yang tidak berkait dengan negara.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masuk Barisanlah macam ini...

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Kerjasama yang kita lakukan dengan kumpulan-kumpulan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Rompin bertenang, ya. Nanti dahulu Yang Berhormat bagi Marang. Yang Berhormat bagi Marang boleh minta penjelasan dan bukannya hendak berucap.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Beri jawapan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Minta penjelasan kepada

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Adakah Yang Berhormat bersetuju dan sedar.....

Tuan Haji Noh bin Omar : Ha, tanya saya, saya jawab.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Bahawa Nabi kita Muhamad s.a.w. dalam sejarah pernah mengakui satu persefahaman menentang kezaliman yang dimeterai di zaman sebelum Islam, yang dikenali dengan persefahaman Al-Fudhul iaitu menentang orang yang kena zalim. Persefahaman kita dengan DAP ialah dalam perkara menentang kezaliman Barisan Nasional seperti terhadap Saudara Lim Guan Eng, terhadap saudara bekas Timbalan Perdana Menteri. Ini adalah menentang kezaliman, ini satu kerjasama yang spesifik. Sekian.

Tuan Haji Noh bin Omar: Okay, Yang Berhormat. Kalau itu jawapan beri kepada orang-orang kampung, kita ingat juga bolehlah orang kampung faham. Kalau itu yang dicakap kepada orang kampung sah sah punya, orang kampung kata cakap apa, ini UMNO lama sudah buat. Sekarang baru hendak buat dan saya hendak cabar balik, PAS baca Fasal 66. Adakah dengan kerjasama ini tidak melanggar peraturan PAS, Fasal 66 Perlembagaan PAS?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak baca habis Perlembagaan PAS.

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa tidak baca habis? Fasal 66 jelas. Jadi, ini pembohongan, kalau pemimpin pun boleh berbohong, berbelit-belit apatah lagi anak-anak di bawah, budak-budak di bawah yang tidak tahu apa, lagi mudah dipergulakan. Ini kenyataan PAS yang tidak boleh diterima.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: [*Bangun*]

Tuan Haji Noh bin Omar: Timbalan Menteri dahulu, belum jadi menteri duduk dahulu, tidak menang. Beri Timbalan Menteri dahulu. Tidak, hormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Tumpat.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bahawa soal PAS, tanya Terengganulah, pasal Terengganu mahir benarlah. Pasal Tuan Haji Hadi dari Terengganu. Jadi, Terengganu sedang cetak, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Terengganu sedang mencetak satu juta '*Amanat Haji Hadi*' untuk hendak sebarkan kerana '*Amanat Haji Hadi*' inilah peristiwa Memalinya, peristiwa sembahyang di kelab PAS, 39 buah kelab PAS tidak boleh sembahyang Jumaat. Kelab PAS Yang Berhormat, 18 tahun sudah Yang Berhormat, 2,000 lebih orang yang mana fatwa Mufti Kerajaan Terengganu sembahyang lain daripada masjid, sembahyang Jumaat maksud saya, lain di masjid kerajaan, hukumnya haram. Jadi, berapa ribu kali haram sudah dia orang ini telah melakukannya. Jadi, Terengganu akan mengeluarkan 42 dalil, mengapa PAS tidak layak menjadi pemerintah kerana bohong, penipu dan fitnah.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya cabar Timbalan Menteri supaya beritahu siapa yang beri fatwa haram?

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak, saya ingat '*floor*' lah kita beri. Lepas ini kita beri peluang Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat semua, kalau hendak penjelasan pun kena ikut peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak, saya balik kepada isu inilah. Jadi, itu sebab saya katakan golongan kanak-kanak ini harus kita lindung kerana ini satu penderaan mental. Di dalam undang-undang ini saya tengok banyak penderaan seks, penderaan emosi, penderaan fizikal tetapi penderaan mental saya nampak tidak ada, kanak-kanak

yang patut dilindungi. Jadi, saya harap dapat kementerian memikirkan dan juga mana-mana pihak yang terlibat di dalam membuat penderaan mental kepada kanak-kanak ini harus juga boleh didakwa di bawah akta ini dan merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 43.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya cakap semalam, yang hari ini belum lagi, hendak mula dia orang sudah kacau. Semalam saya juga ada sebut mengenai kesalahan sumbang muhrim. Kesalahan sumbang muhrim patut dipandang lebih berat kerana di dalam Seksyen 43(b) dalam akta ini ada dinyatakan bahawa dalam hal sesuatu kesalahan di bawah Perenggan (i) atau (j), ertinya (i) atau (j) ini ialah yang menjadi ejen perantaraan ataupun yang melanggan untuk mendapat khidmat seks, ini dikenakan hukuman sebat tidak lebih daripada enam sebatan. Memang berat hukuman ini tetapi untuk sumbangan muhrim patut lebih lagi, kalau boleh penjara seumur hidup pun tidak apa, sebat 20 rotan pun tidak apa, sebab ini amat merbahaya.

Sumbang muhrim ini, terutamanya kalau sumbang muhrim berlaku di kalangan kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke bawah, yang tidak tahu apa-apa. Kalau yang sudah umur 18, 19 itu bolehlah kita, rasa tidak berapa berat sangat, walaupun salah, tetapi kanak-kanak yang kecil ini, yang berlaku sumbang muhrim. Jadi, harus dibezakan, satu kesalahan sumbang muhrim dengan kesalahan biasa. Kalau kita tidak dapat membezakan ini, maka kita bimbang bahawa tanggungjawab ibu bapa dan penjaga ini tidak dapat kita harapkan sepertimana kata pepatah Melayu yang saya nyatakan semalam, 'seperti haruan makan anak' atau 'harapkan pagar, pagar makan padi'.

Jadi, saya harap pihak kementerian boleh memberikan pertimbangan mengenai kesalahan sumbang muhrim ini supaya beri satu pengajaran kepada mereka. Kalau misal kata, kalau melanggan seks dan juga menjadi ejen ini kita boleh kenakan hukuman sebat tetapi sumbang muhrim saya ingat 2 kali, 3 kali lebih berat harus kita kenakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya cakap semalam. Hari ini saya hendak sambung sedikit lagi, saya hendak menyentuh mengenai Seksyen 43(d). Dalam Seksyen 43(d) ini ada menyatakan bahawa "*membawa masuk ke Malaysia, menerima atau menyorokkan seseorang kanak-kanak dengan mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kanak-kanak itu telah diperolehi bagi maksud pelacuran atau bagi*

maksud melakukan persetubuhan, kecuali dengan jalan perkahwinan, dengan mana-mana orang lain, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, dan dengan niat hendak membantu maksud itu". Ertinya, kalau membawa masuk, menerima dan menyoroknya dengan tujuan hendak kahwin, tidak merupakan satu kesalahan. Ini yang saya faham di bawah Seksyen 43(d), kecuali dengan jalan perkahwinan.

Bila sebut jalan perkahwinan ini harus diadakan had umur sebab di dalam negara kita ini mengenai seks ini ada had umur. Kalau kita melakukan hubungan seks dengan underaged girl ataupun kanak-kanak perempuan di bawah 16 tahun, maka walaupun budak itu bersetuju, kita dianggapkan melakukan satu kesalahan jenayah ataupun rogol, walaupun budak itu setuju. Tetapi kalau kita berkahwin dengan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun, kita berkahwin dan kita buat hubungan seks, tidak melakukan kesalahan. Ini yang kadang-kadang harus kita fikir mengapa umur 16 tahun ini menjadi garis penentu di antara boleh melakukan hubungan seks dengan tidak boleh melakukan hubungan seks. Adakah budak 16 tahun ini dianggap masih tidak berkeupayaan, masih tidak layak melakukan hubungan seks ketika mereka berumur bawah 16 tahun.

Kalau itu hujah kita mengapa budak bawah umur 16 tahun ini pulak bila mereka berkahwin, boleh, bila mereka berkahwin tentu mereka akan adakan hubungan seks. Jadi apa rasionalnya umur 16 tahun ini, sudah tentu ada orang mengatakan tentu ada beza membuat hubungan seks dengan kanak-kanak perempuan bawah 16 tahun apabila kita berkahwin kita nikah, kita kahwin tidak salah, memang betul, tetapi soalnya kalau kita tidak kahwin dengannya kita melakukan satu kesalahan, kalau kita kahwin kita tidak melakukan kesalahan.

Persoalannya mengapa umur 16 tahun ini? Kalau umur 16 tahun ini dianggap tidak layak lagi mengadakan hubungan seks maka kahwin dengan umur 16 tahun pun tidak boleh. Apakah kita hendak bercadang mengadakan satu undang-undang bahawa kita tidak benarkan kanak-kanak perempuan bawah 16 tahun ini untuk berkahwin, kalau kita menganggap umur 16 tahun ini belum layak lagi untuk mengadakan hubungan seks.

Jadi ini harus diberi perhatian supaya tidak bercanggah di antara perundangan dan juga adat. Kalau boleh kita masukkan takrif umur ini kita ikutkan akil baligh sebab kalau perempuan yang sudah akil baligh, tidak kiralah umur 12 tahunkah atau 13 tahunkah dan bukannya macam takrif mukhalaf yang dibuat oleh PAS di dalam Enakmen Jenayah

Syariah II. Hendak beri takrif mukhalaf pun tidak tahu, dia beri takrif mukhalaf, mereka yang berumur 18 tahun ke bawah, sama seperti umur yang diberi taksiran oleh akta ini, tidak ada beza. Itukah yang dikatakan Islam mukhalaf, mukhalaf ini orang yang sudah akil baligh. Mengapa yang PAS hendak buat Hudud ini Enakmen Jenayah Syariah II Kelantan, hendak beri takrif mukhalaf pun tidak tahu. Itu yang bercakap pasal hendak tubuhkan negara Islam, hendak bercakap pasal hukuman Hudud, beri takrif mukhalaf pun tidak boleh. Adakah umur 18 tahun sama seperti ini.

Jadi saya hendak meminta supaya takrif 16 tahun bagi kanak-kanak perempuan ini kalau boleh kita ubah.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya akan beri, saya hendak habiskan ayat ini. Di bawah panel kod pun kita patut kena ubah bahawa sesiapa yang melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak yang belum akil baligh maka melakukan satu kesalahan. Ertinya boleh dianggap melakukan rogol dan sesiapa yang berkahwin dengan budak-budak belum akil baligh pun dia melakukan satu kesalahan.

Jadi ada tafsiran daripada kita beri fix 16 tahun, sedangkan 16 tahun kalau kahwin tidak salah melakukan hubungan seks tetapi kalau tidak berkahwin melakukan satu kesalahan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia ada sebut tentang umur mukhalaf dalam Enakmen Hudud. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang adakah beliau pernah mendengar istilah '*sinnun buluq*' dan '*sinnun ruj*', dan kalau dia ada dengar istilah ini apakah perbezaan antara '*sinnun buluq*' dan '*sinnun ruj*'? Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya bercakap dari segi undang-undang, saya sebagai lawyer, kita baca apa yang ditulis di dalam enakmen. Kalau itu yang disebut mengapa tidak ditulis dalam enakmen dengan jelas. Saya bercakap sebagai seorang peguam, kita berhujah, kita mentaksir undang-undang. Tugas itu tugas kita di Parlimen, kita membuat undang-undang, kalau dikatakan umur 16 tahun kita mesti pergi ke 16 tahun dan di mana ukur 16 tahun berdasarkan kepada kelahiran, bukti lahir. Hari ini

bukti lahir kalau tidak ada surat beranak mahkamah tidak mahu terima. Di Kedah tunjukkan kad pengenalan mahkamah kata tidak boleh terima.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa di dalam perundangan Islam terdapat istilah-istilah yang berkait dengan umur. Di sana ada perbezaan di antara yang dinamakan umur mukhalaf yang berkait dengan kematangan dari segi pelajaran pendidikan untuk menerima pelajaran pendidikan dimulakan daripada umur 7 tahun dan 6 tahun sudah boleh dan di sana ada umur mukhalaf 15 tahun yang berkait dengan masalah bermasyarakat dan di sana ada umur yang disebut dengan '*sinnun ruj*' dalam masalah harta anak yatim untuk diserahkan harta sehingga umur 25 tahun. Ini adalah perbezaan, saya hendak tolong Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya sudah nyatakan tadi, saya sudah baca Enakmen Jenayah Syariah II, tidak ada sebut pun seperti mana Yang Berhormat sebutkan. Itulah sebabnya kalau kita hendak buat undang-undang ini kita kena terperinci. Jelas menunjukkan PAS tidak tahu hendak membuat undang-undang, macam itukah hendak memerintah satu negara? Jadi inilah masalahnya, dia tidak tahu apa yang dia cakap. Bila kita pergi mahkamah, kita lihat apa yang tertulis, kita bukan pakai '*common law*', kalau kita '*base of common law, yes*'. Tidak ada undang-undang bertulis, kita berdasarkan kes-kes yang lepas kepada fakta-fakta tertentu. Hari ini kita tidak pakai '*common law*', kita pakai '*written law*'. Kalau sudah kata 18 tahun, 18 tahunlah, ini definisi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik bahawa cadangan 16 tahun yang boleh menimbulkan kekeliruan sebab ini pernah berlaku satu kes di England, saya masih ingat lagi kes itu mengenai kontroversi '*under age girl*' ini, dan juga kalau benar kita mengadakan hubungan seks dengan bawah 16 tahun ini merupakan satu kesalahan, memang betul pun. Di bawah Kanun Keseksaan memang merupakan satu kesalahan.

Hari ini sepatunya ada pula satu undang-undang yang melindungi kanak-kanak bawah 16 tahun ini seperti tidak dibenarkan membeli alat-alat pencegah hamil, kondom, pil dan sebagainya mesti ada undang-undang dan sesiapa yang menjual kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun ini harus dimasukkan merupakan satu kesalahan di bawah akta ini, sepatutnya. Tetapi hari ini kita lihat masalah-masalah yang disebutkan tadi dijual begitu bebas, saya tidak tahulah pergi *7-Eleven* kondom pun banyak. Kita tidak

tahu sama ada doktor atau ada pihak tertentu yang bebas menjual pil-pil pencegah hamil kepada budak bawah umur 16 tahun ini.

Jadi harus dikenakan peraturan, rokok kita ada ditulis, 'bawah 12 tahun tidak boleh membeli rokok' tetapi untuk beli kondom saya lihat tidak adalah notis bawah 16 tahun. Jadi harus kita ketatkan undang-undang ini supaya ianya selari, kalau kita kata tidak boleh maka perkara-perkara yang boleh mendorong ke arah itu juga harus kita halang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang akhir iaitu mengenai Bab 2 Perbicaraan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah memasukkan Bab 2 Perbicaraan dan meletakkan tanggungjawab kepada ibu bapa untuk bersama-sama bertanggungjawab dengan kesalahan yang anak-anaknya lakukan. Ini saya ucapkan tahniah kerana hari ini saya hendak jelaskan PAS berkempen hari ini tidak nampak soal ibu bapa lagi. Dia semua salahkan kerajaan, masjid kosong salahkan kerajaan, belia terlibat dengan dadah salahkan kerajaan, surau kosong salahkan kerajaan, anak-anak tidak pergi sekolah, tidak cium tangan ibu bapa salahkan kerajaan. Inilah pemimpin PAS yang bercakap di dalam kempenya, kita menung apa yang dia cakap. Semuanya salah kerajaan, sampai anaknya tidak betul pun dia salahkan kerajaan, bila kita bangkitkan soal anaknya, semuanya salah kerajaan. Apa lagi kerajaan tidak buat untuk mendidik anak-anak kita.

Ini masalahnya kemelut pemikiran PAS, dari segi kemudahan beribadat maka suraulah kita sebut surau. Saya tidak nampak mana-mana tempat yang tidak ada surau. Kalau dahulu kita sebut surau hanya terbayang di kampung-kampung tetapi hari ini di *highway* ada surau, *shopping complex* ada surau, hotel-hotel ada surau, tempat saya tepi pantai ada surau, Kelana Jaya tempat orang berjoging, rekreasi ada surau, mana-mana tempat semua ada surau, tidak ada tempat yang tidak ada surau. Malah surau-sarau ini lebih baik kalau kita bandingkan dengan negara-negara Islam sendiri. Bila saya pergi membuat umrah, pergi Jeddah, bukan kita hendak menghina negara Arab, saya beri contoh, kita pergi ke Jeddah suraunya jauh lebih baik suraunya di tempat kita, tempat ambil air sembahyangnya pun tidak ada, tempat ambil air sembahyang di airport Jeddah di dalam tandas, sembahyang pun dalam keadaan yang terbuka tetapi surau di tempat kita, tambah di KLIA surau kita cukup hebat.

Jadi soalnya hari ini, bila surau-surau ini kita sudah sediakan kemudahan tetapi apakah hendak disalahkan kerajaan kalau surau ini kosong dan yang lebih sedihnya dua malam lepas pemimpin PAS datang ke tempat saya memainkan isu yang lama. Pemimpin-pemimpin UMNO waktu Maghrib duduk di hotel-hotel, duduk di kelab-kelab, tidak sembahyang Maghrib, adakah dia tahu ini cerita lama. Kalau dahulu betul, dahulu orang-orang kampung sebut sahaja hotel ini, bila ditanya “*Malam ini tidur mana? Tidur hotel. Apa! tidur hotel?*” Mengambarkan hotel ini tempat maksiat tetapi adakah hari ini PAS tahu, yang bercakap ini pun tahu tetapi dia hendak membodoh-bodohkan orang kampung yang mungkin tidak pernah datang ke hotel-hotel lima bintang, duduk di hotel lima bintang waktu Maghrib, tidak menghormati waktu dan sebagainya.

Tetapi adakah dia tahu, saya yakin dia tahu, pemimpin PAS ini ramai yang duduk di hotel lima bintang, di mana hotel lima bintang yang tidak ada surau, lagi cantik suraunya. Jadi pergi cakap dengan orang kampung, jadi menggambarkan supaya, pemimpin-pemimpin UMNO ini waktu Maghrib tidak sembahyang sedangkan di hotel-hotel semuanya ada surau.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tumpat bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa tempat Yang Berhormat tak ada surau?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada sedikit sahaja Yang Berhormat. Mengapa Yang Berhormat nampak cemas sangat, ada hal apa. Takut ada berkelahi dengan isteri di rumahkah dan hendak melepaskan geram di sini. Nampak macam ada sesuatu, saya rasa perlu Yang Berhormat ini pergi berjumpa doktor jiwa, insya-Allah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya cemas ini Yang Berhormat, dahulu saya hanya dengar khabar-khabar angin, di Kelantan orang kata Parti PAS ini memecahbelahkan rakyat, Parti PAS ini memesongkan pemikiran rakyat, Parti PAS menggunakan agama, saya tidak percaya dahulu sebab tempat saya pemimpin PASnya okay. Saya kata tempat saya PASnya tidak ada masalah. Orang PASKah, orang UMNOkah boleh duduk semeja.

Tetapi hari ini bila saya sudah jadi wakil rakyat, bila PAS nampaknya menggunakan isu-isu ini saya sudah terkejut. Rupanya betullah orang kata PAS ini memang boleh memesongkan pemikiran rakyat, saya terkejut sebenarnya. Macam

Terengganu mungkin, di Kelantan mungkin perkara ini biasa tetapi di tempat saya terjadi perkara-perkara seperti ini. Jadi jelas menunjukkan masyarakat yang bersatu padu boleh berpecah, kalau ini cara PAS berkempen, kalau ini cara PAS membodoh-bodohkan orang kampung. Cakap dengan orang kampung lain, dia buat lain.

Ini samalah contoh dahulu bila kata sembelih dengan tidak sembelih, bila pemimpinnya datang ke Kuala Lumpur dia tidak tanya pun, Yang Berhormat pun sama dengan saya pergi luar negeri, tidak tanya pun, siapa sembelih ayam ini, tidak tanya pun, makan sahaja tetapi di kampung cakap, sembelih lihat sama ada orang UMNO atau tidak, jadi inilah yang susah.

Jadi saya bangkitkan perkara ini bukan cemas, cemas saya kerana saya merasa sedih melihat keadaan umat Islam di Malaysia pada hari ini berpecah oleh kerana gara-gara politik orang-orang PAS, ini yang saya cemas, sedih melihat ada orang-orang Islam menggunakan agama untuk kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung, nanti jadi hujah politik pula susah pula, tidak habis saya cakap. Jadi saya nyatakan peranan ibu bapa harus diambil berat, kita tahu, PAS pun tahu dan Islam juga telah memberitahu ibu bapalah yang akan menentukan anak-anaknya menjadi Yahudikah, hendak menjadi Majusi, dia tahu, anak yang baru lahir ini sebagai kain putih, kita yang hendak menentukan hitam, coklat, kelabu, kitalah ibu bapa. Tetapi dia tidak menerima hakikat ini, dia mengatakan semua salah kerajaan. Kerajaan, kerajaan, kerajaan salah!

Jadi saya hendak mengucapkan tahniah kerana hari ini kadang-kadang memang ada ibu bapa yang sudah lihat anak-anak buat salah, kita lihat anak-anak pergi sekolah, saya selalu tegur anak-anak yang pergi sekolah diberi motosikal, anak ini lesen motosikal pun tidak ada, kadang-kadang topi keledar pun tidak ada. Dia tidak halang, jelas menunjukkan dalam undang-undang bawa kenderaan tidak ada lesen merupakan satu kesalahan tetapi ibu bapa tidak kisah. Dia beri galakan pula suruh anaknya bawa motosikal dan sebagainya. Jadi kalau berlaku sesuatu akan menyusahkan keluarga itu.

Jadi kita harap dengan adanya undang-undang itu memberi penekanan kepada ibu bapa supaya mereka lebih berhati-hati dan terbabit sama maka undang-undang yang saya nyatakan Bab 2, Seksyen 88 dan 89 ini harus mendapat pujian dan hari ini kita harap bila ada seksyen ini ibu bapa lebih prihatin. Ini kadang-kadang kita lihat, anak pakai subang,

pakaian pun tidak senonoh, gaya pun tidak senonoh, kita tahu tetapi takkan budak-budak ini tidak balik rumah, takkan budak ini tidak ada penjaga, takkan budak ini tidak ada bapa, takkan keluarga tidak mahu tegur. Lihat pakaian kita sudah tahu, teruk sangat pakaiannya tetapi kalau ibu bapanya tidak tegur, orang Melayu ini *very sensitive*, jangan jaga tepi kain orang, jadi bergaduh nanti, dia kata anak kita sahaja jahat, anak dia baik sangatkah.

Jadi ini harus kita tekan biar ibu bapa sedar, kalau anak perempuan tidak balik malam, sudah pukul lapan tidak balik, sudah pukul sepuluh tidak balik takkan dia tidak tahu anak tidak balik. Kalau anak tidak balik dia kata anak tidur rumah kawan, kalau anak-anak dia muda pergi kerja di Lembah Klang. Hendak melihat anak pun tidak pernah, tanya anak pergi kerja di mana, kerja di Lembah Klang duduk dengan kawan. Ibu bapa tidak pernah tengok pun. Duduk dengan kawan lelakikah, kawan perempuankah, tidak pernah tengok. Bila terjadi sesuatu perkara salahkan kerajaan, ini PASlah punya idea.

Jadi sebab itu saya kata harus pujian diberi kepada kementerian ini supaya kita mengheret bersama-sama dengan ibu bapa dan mana-mana ibu bapa yang tidak bertanggungjawab yang melepaskan tanggungjawab ini kepada kerajaan, melepaskan tanggungjawab ini kepada masyarakat supaya mereka sedar untuk membina sebuah negara harus bermula daripada rumah, aman rumah, amanlah negara kita. Bermula dari rumah, kalau rumah dapat melahirkan keluarga yang bahagia saya yakin rakyat keseluruhannya akan hidup dengan keadaan yang lebih selesa.

Dengan kata-kata tersebut, saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Marang.

11.45 pagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang pertama saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Kanak-kanak yang dibentangkan ini. Merupakan satu tanggungjawab yang didedahkan oleh pihak kerajaan ke arah membangunkan negara. Kanak-kanak merupakan benih-benih yang menjadi pembangun kepada masa depan negara dan mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Adalah tidak dinafikan bahawa tanggungjawab yang paling besar di dalam melindungi, menjaga, memelihara, mendidik dan seterusnya terletak pada ibu bapa dan keluarga. Kerajaan adalah sebagai pengawas umum – yang memberi perhatian kepada pihak yang menjaga kanak-kanak tersebut dan inilah tujuan dan matlamat undang-undang ini digubal dan dibentangkan. Tetapi undang-undang ini lebih memberi penekanan kepada perkara fizikal, tidak banyak memberi penekanan kepada perkara-perkara yang berkait dalam aspek moral yang menjadi pembentuk kepada kanak-kanak tersebut.

Tidak dinafikan bahawa dalam segala aspek ini, peranan ibu bapa adalah besar sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w, [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud, “*Tiap-tiap anak yang dilahirkan, mereka dilahirkan suci bersih. Kedua ibu bapalah yang membentuk kanak-kanak itu sama ada menjadi Yahudi atau menjadi Nasrani atau menjadi Majusi.*” Maka Islam memberi penekanan kepada kedua ibu bapa di dalam membentuk kanak-kanak bukan sekadar memberi makan minum, bukan sekadar untuk memelihara dan menjaga dari segi lahiriah bahkan dari aspek spiritual, kerohanian yang berkait dengan pendidikan. Bermula daripada anak-anak itu dilahirkan, Islam menyuruh supaya dibang dan diiqamah. Dan diwajibkan kepada ibu bapa dengan tanggungjawab yang besar. Bermula daripada meletakkan nama sehinggalah memberi pelajaran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud, “*Daripada tanggungjawab bagi anak terhadap yang diwajibkan kepada ayahnya adalah tiga perkara – yang pertama, hendaklah memberi nama yang baik apabila ia dilahirkan, yang kedua, diberi pelajaran apabila ia telah berakal dan yang ketiga dijodohkan apabila telah sampai usia untuk dijodohkan*”.

Kita melihat kadang-kadang dalam masyarakat kita bersewenang-wenang di dalam memberi nama pun. Dan pihak pendaftaran negara tidak memberi perhatian dalam perkara ini. Sebagai contoh, di sana ada nama-nama yang memberi makna yang jijik, makna yang tidak betul. Nama-nama yang memberi makna yang menjadi ejekan kepada rakan-rakannya apabila kanak-kanak itu sudah sampai bergaul dengan rakan-rakan. Maka, pihak pendaftaran negara hendaklah menjadi penasihat supaya menolak nama-nama yang tidak baik ini. Apa lagi nama-nama yang tidak bermoral yang bercanggah dengan akhlak, umpamanya ‘*Zani*’ – diterjemah dalam bahasa Melayu bermakna pelacur.

Dan dia tidak tahu makna. Maka, pihak pendaftaran negara bertanggungjawab - hendaklah menolak nama-nama yang jijik, yang tidak baik.

Begitu juga terdapat gejala yang bercanggah dengan hukum Islam. Meletakkan bin ayah angkat kepada anak angkat. Ini tidak betul. Ini dilarang oleh Al-Quran. Dilarang oleh agama kerana ia berkait dengan pusaka, berkait dengan wali dan lain-lain. Maka, pihak pendaftaran negara boleh menolak nama-nama yang meletakkan bin ayah angkat. Ini merupakan peraturan agama yang ditetapkan. Dan pihak pendaftaran negara berperanan di dalam melaksanakan perkara ini dan diberi ruang untuk mengubah nama yang telah tersasul ini kepada nama-nama yang baik ataupun bin ayahnya yang asal.

Dalam aspek pendidikan, pihak kerajaan hendaklah mengadakan undang-undang yang ketat dan keras kepada ibu bapa di dalam mendidik anak-anak. Merupakan satu perkara yang wajib – dalam perkara fardhu ain menjadi farhu ain kepada ibu bapa untuk mengetahui perkara yang halal dan haram, yang wajib dan sebagainya. Perkara yang merosakkan akhlak di mana pendidikan perkara-perkara ini diwajibkan kepada ibu bapa. Jikalau ibu bapa tidak mampu, hendaklah dihantar ke pusat-pusat pendidikan, pusat-pusat pengajian. Ini merupakan peraturan yang diwajibkan. Menjadi kesalahan kepada ibu bapa yang tidak mendidik anak dan kita perlu menyedari gejala sosial yang berlaku hari ini. Keruntuhan akhlak di kalangan belia-belia adalah hasil daripada kelemahan-kelemahan ini.

Kita tidak maahu menyalahkan kerajaan sahaja, ibu bapa juga hendaklah diberi tanggungjawab dan undang-undang dalam perkara pendidikan ini juga hendaklah dikenakan kepada ibu bapa. Bukan sahaja dalam masalah penderaan fizikal termasuklah juga dalam masalah cuai dan abai dalam masalah pendidikan. Dan di sana ada perkara-perkara negatif dalam pendidikan yang boleh mempengaruhi kanak-kanak yang tersasul, yang dilakukan oleh kerajaan juga. Sebagai contohnya, dalam TV – disiarkan ucapan supaya memberi kepatuhan kepada sesiapa sahaja yang dipilih menjadi pemerintah, kepatuhan secara mutlak. Ini bukan sahaja kepada kanak-kanak bahkan kepada orang tua, kepada pegawai kerajaan, kepada orang yang berpelajaran supaya memberi ketaatan mutlak kepada sesiapa yang memerintah. Ini tidak betul dari segi Islam. Ketaatan yang mutlak hanya kepada Allah, hanya kepada Rasul, Nabi Muhammad s.a.w.

Hatta dalam masalah mendidik anak-anak, Islam mengajar supaya anak-anak dilatih tidak memberi ketaatan mutlak kepada kedua ibu bapa. Firman Allah S.W.T dalam Surah Luqman, [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, “Dan jika sekiranya kedua ibu bapamu bersungguh supaya kamu menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, melakukan maksiat, melakukan dosa, maka jangan kamu taat kepada kedua ibu bapa itu dan bergaullah dengan keduanya dengan cara yang baik. Dan ikutlah orang yang mengikut jalanKu”. Di mana di dalam ayat ini Allah S.W.T telah meletakkan dasar ketaatan termasuk kedua ibu bapa dan kita melihat negara kita menuju ke arah tersasul di dalam perkara ini, sehingga mendidik rakyat daripada kanak-kanak sampai kepada orang dewasa supaya memberi ketaatan kepada pihak yang berkenaan secara mutlak tanpa menilai sama ada ia benar ataupun salah, baik ataupun buruk.

Saya rasa itulah pandangan-pandangan yang dapat saya kemukakan berhubung dengan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Bintulu. Selepas itu kementerian diminta jawab.

11.54 pagi.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana berjaya memperkenalkan satu naskhah undang-undang kanak-kanak sebagai menggantikan dua set undang-undang iaitu Akta Mahkamah Juwana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang terpaksa dimansuhkan.

Yang menariknya *preamble* rang undang-undang ini sangat panjang, sesuai dengan alaf baru di mana kanak-kanak di bawah umur 18 tahun merupakan anggota masyarakat yang perlu dipelihara, dilindungi dan dipulihkan kerana mereka merupakan aset negara yang sangat bernilai. Rang undang-undang bermaksud untuk menyediakan satu ruang perlindungan dan penjagaan kanak-kanak seandainya institusi keluarga gagal melindungi dan menjaga mereka.

Hampir setiap hari, media kita melaporkan masalah kanak-kanak seperti penderaan oleh ibu bapa dan penjaga, kanak-kanak lari dari rumah, keruntuhan akhlak,

gengsterism, merokok, menghidu gam dan najis dadah, ponteng sekolah, terlibat dalam kegiatan pelacuran, lucah dan berbagai-bagai lagi.

Bagaimana pula hal yang tidak dilaporkan dan yang berlaku tanpa pengetahuan umum. Mungkin terlalu banyak. Saya tidak pasti sama ada pelan induk tindakan sosial kementerian berupaya membendung kejahatan ini. Masalah kanak-kanak ini apabila seorang kanak-kanak memasuki persekolahan menengah, mereka terdedah kepada perkara-perkara buruk dalam masyarakat seperti minum arak, merokok, menonton video lucah dan lain-lain. Selepas tamat persekolahan, mereka keluar bekerja dan berkahwin. Selepas berkahwin dan mempunyai anak-anak, putaran hidup yang sama berlaku ke atas anak-anak mereka.

Malah kes penceraian di kalangan kaum luar bandar adalah tinggi juga dan yang menjadi mangsa ialah anak-anak mereka. Di kawasan bandar, hal yang sama turut berlaku, terutama mereka yang tinggal dalam kawasan miskin di bandar itu. Walaupun di negara kita, kanak-kanak tidak terjadi seperti tidak berpakaian, kurus kering, berpenyakit seperti yang melanda negara-negara luar – tidak berlaku di sini. Tetapi menurut acuan kesejahteraan sosial kita, anak-anak sedemikian dianggap tidak dididik dengan sempurna.

Di negara kita, walaupun tahap kanak-kanak yang sudah sampai peringkat melakukan jenayah berat masih kurang tetapi mereka yang terbiar, terabai tanpa sepenuh kasih sayang ibu bapa dan penjaga masih berleluasa, di samping faktor persekitaran di mana kanak-kanak bercampur rakan sebaya yang kurang didikan.

Di Malaysia, bukan masalah kurang makanan yang menjadi punca utama kanak-kanak kerana kalau ada pun bilangannya masih kurang tetapi yang menjadi pokok persoalan ialah keruntuhan akhlak orang dewasa mempengaruhi sahsiah kanak-kanak. Mereka suka meniru golongan dewasa, baik cara berpakaian, perbuatan, pergaulan dan pertuturan. Penyakit kanak-kanak masa kini ialah kurang adab dan sopan. Mereka tidak lagi menghormati golongan dewasa. Mereka sudah pandai menipu diri sendiri dan keluarga, rakan sebaya dan guru-guru, semata-mata untuk bergaya dalam hidup.

Memanglah satu yang kritikal jika kita gagal mendidik kanak-kanak sebelum mencapai umur 18 tahun. Pada usia rebung ini, jika ibu bapa sendiri kurang didikan dari ilmu pengetahuan kekeluargaan, agak sukar untuk kanak-kanak itu berkelakuan baik melainkan mereka berada dalam persekitaran yang baik. Jika ibu bapa dan penjaga

berbudi bahasa dan bersopan-santun dengan anak-anak mereka, terdidik dengan ajaran agama yang sempurna, amalan bermoral dan baik, hidup dalam keluarga antara anak-anak dan ibu bapa dan penjaga mereka tidak ada jurang di mana mereka sering berkumpul, bergurau-senda, mendengar rungutan anak-anak – baik tentang diri, persekolahan dan pergaulan mereka, saya fikir masalah kanak-kanak tidak akan timbul. Sebab terbesar ialah ibu bapa dan penjaga sebenarnya sendiri tidak menunaikan tanggungjawab mereka sepenuhnya untuk meluangkan masa bersama mereka.

Kerana desakan hidup, ibu terpaksa keluar bekerja sebagai menambah pendapatan keluarga. Bagi anak-anak yang dijaga oleh pembantu rumah diletakkan di dalam taska atau tadika keadaan ini tidak berlaku. Tetapi yang berlaku ialah kadang-kadang kanak-kanak itu terbiar di rumah dan kurang pengawasan yang sempurna. Di sinilah bermula titik tolak kanak-kanak menjadi liar dan tidak mudah dibentuk apabila bertemu rakan sebaya yang juga liar dan nakal. Inilah normal hidup masyarakat bandar seluruh negara.

Selama ini negara kita mengadakan sambutan Perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia sejak 42 tahun, apakah kesannya kepada kanak-kanak, apakah perayaan ini ada memberi sumbangan dan pembangunan seorang kanak-kanak. Saya fikir ada baiknya jika kerajaan mengkaji semula apakah pengisian terbaik untuk hari kanak-kanak supaya ia benar-benar bermakna dalam mendidik dibawa dalam amalan hidup untuk kanak-kanak supaya mereka dapat membezakan buruk baik sesuatu tindakan dan menjauhkan diri dari mana-mana perkara yang buruk dan merosakkan.

Saya rasa cara terbaik untuk membaiki keadaan kebejatan sosial di kalangan kanak-kanak ini ialah kerajaan hendaklah menekankan program pembangunan keluarga dan kanak-kanak. Program ini hendaklah dinilai semula, dikembangkan dan dibangunkan ke dalam institusi keluarga. Inti pati program pendidikan keluarga dan bagaimana mereka dapat mengamalkan dalam kehidupan harian keluarga tetapi kesannya ke atas kanak-kanak sangat besar. Kerajaan hendaklah membelanjakan sebahagian hasil pendapatan negara bagi menjayakan program ini supaya negara dapat melahirkan institusi keluarga yang bebas dari penyakit sosial dan pada akhirnya berjaya memberi sumbangan kepada produktiviti negara secara sihat.

Jika ada Hari Kanak-kanak maka patut ada hari keluarga dan menjadikan suatu hari sebagai kemuncak program untuk menerapkan nilai-nilai baik dan murni masyarakat

dalam sesebuah keluarga. Saya percaya kementerian berupaya membentuk rangka program keluarga yang memfokus kepada golongan sasaran.

Berbalik kepada rang undang-undang ini, saya ingin menegur kementerian mengenai kesukaran ibu bapa dan penjaga untuk memasukkan anak-anak kurang upaya atau terencat dalam yayasan dan rumah kebajikan kanak-kanak. Walaupun Jabatan Kebajikan Masyarakat dipuji bekerja cekap tetapi jika rumah kebajikan kurang dan pemohon-pemohon yang tidak mampu terpaksa menunggu lama selama bertahun-tahun, ia sedikit sebanyak menyebabkan ibu bapa dan penjaga terganggu dari segi pekerjaan mereka kerana banyak masa terpaksa dihabiskan untuk membantu kanak-kanak yang cacat tadi.

Di samping itu ialah tindakan susulan kementerian kurang iaitu selepas seseorang kanak-kanak tamat dari menjalani pemulihan di sekolah-sekolah khas dan balik semula ke dalam keluarga mereka berbalik semula melakukan kegiatan lama seperti mencuri, menagih dan sebagainya. Apa yang saya perhatikan ialah tidak ada hubungan di antara jabatan dan masyarakat setempat seperti persatuan, kelab dan keluarga terbabit dalam menyelaras bantuan kepada golongan ini.

Peranan jabatan harus dipertingkatkan supaya bukan hanya menjadi agensi pemberi bantuan tetapi mampu menyelaras dengan masyarakat menerusi institusi seperti persatuan, pertubuhan dan keluarga, memupuk dan membentuk keluarga sihat sejahtera dan bahagia agar kanak-kanak tidak menjadi mangsa keadaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Seremban.

12.02 tgh.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999. Saya juga ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah menggubal satu rang undang-undang yang merupakan begitu menyeluruh untuk memberi perlindungan yang secukupnya kepada kanak-kanak di Malaysia ini.

Saya rasa kerajaan telah memainkan peranan untuk mewujudkan satu suasana yang dilengkapi dengan undang-undang supaya kanak-kanak di Malaysia dapat hidup dengan selesa dan sempurna. Saya juga menekankan di sini bahawa saya bersetuju

dengan pandangan dari beberapa orang Yang Berhormat bahawa tanggungjawab untuk memberikan perlindungan dan juga cara hidup yang baik kepada kanak-kanak bukan sahaja tanggungjawab kerajaan tetapi masyarakat umum dan ibu bapanya juga harus memainkan peranan yang penting.

Bagi masyarakat umum rakyat Malaysia mesti harus ingat bahawa kerajaan boleh dan mampu untuk mewujudkan satu suasana di mana kanak-kanak di Malaysia dapat hidup dengan baik kerana Malaysia mempunyai kestabilan politik, kemakmuran dan pembangunan ekonomi yang begitu pesat. Oleh kerana itulah kerajaan mampu memberikan pendidikan yang baik dan juga dari segi kesihatan dan sebagainya untuk kanak-kanak di Malaysia ini. Tanpa ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin tidak dapat kita wujudkan segala-galanya untuk kanak-kanak di Malaysia ini.

Oleh kerana itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan semua anggota masyarakat termasuk ahli-ahli politik jangan menjelang pilihan raya untuk merosakkan suasana supaya ekonomi Malaysia terjejas atau dijejaskan dan juga keharmonian masyarakat dirosakkan. Itu adalah satu perkara penting. Kalau di Malaysia berlaku kacau bilau seperti yang sedang berlaku di sesetengah negara di dunia ini walaupun sepuluh rang undang-undang untuk melindunginya itu tidak akan capai matlamat. Kanak-kanak juga tidak dapat dilindungi kerana masalah umum atau negara itu mempunyai cukup masalah dalaman.

Oleh kerana itu saya juga berharap khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti pembangkang jangan ambil peluang ini kerana pilihan raya dekat untuk mewujudkan suasana tegang di antara rakyat Malaysia. Supaya suasana yang baik yang selama wujudnya untuk memberi satu peluang yang baik kepada kehidupan anak-anak tidak dapat terjejas.

Jadi itulah saya rasa adalah satu perkara yang penting dan saya rasa keadaan ini seharusnya dikekalkan selama-lamanya. Oleh kerana itu saya juga berharap rakyat juga akan memberikan sokongan padu kepada Barisan Nasional supaya kerajaan tetap ditadbir oleh Barisan Nasional dan segala rancangan yang dirancangkan oleh pihak kerajaan dapat dilaksanakan demi kepentingan kanak-kanak dan rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kadangkala rasa ada sedikit bimbang tentang gejala-gejala yang kurang sihat yang mungkin akan mempengaruhi dari segi moral

kanak-kanak yang kita lihat sekarang ini. Baru-baru ini satu kes berlaku di Port Dickson, di mana seorang kanak-kanak telah lihat video lucu dan oleh sebab itulah dia melakukan satu kesalahan rogol ke atas seorang kanak-kanak perempuan. Jadi ini menunjukkan bahawa kalau kita cuma membantu melalui rang undang-undang yang akan diluluskan dalam Dewan ini maka ini tidak mencukupi.

Oleh kerana itu saya berpandangan semua lapisan masyarakat juga mesti memberi kerjasama untuk menjaga kepentingan kanak-kanak. Kalau perkara ini dibiarkan saya difahamkan memang video atau CD-Rom, CD-CD ini senang-senang didapati di mana-mana tempat. Kalau perkara ini dibiarkan berterusan apa sahaja rancangan moral kanak-kanak akan turun. Apa sahaja sistem pendidikan moral kanak-kanak akan turun dan masalah kanak-kanak akan kekal sebagai masalah sosial yang penting.

Oleh kerana itu saya juga minta Yang Berhormat Menteri supaya minta kerjasama dari semua kementerian khususnya dari pihak polis dan juga pendidikan supaya rangka satu rancangan supaya perkara-perkara ini diambil kira supaya kita dapat menghapuskan gejala-gejala yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seorang kanak-kanak dia memang tidak waras fikirannya. Dia memang senang dipengaruhi. Kalau dia baca majalah-majalah walaupun dalam bentuk kartun merupakan lucu bahannya. Kerajaan kena hati-hati, kena periksa walaupun majalah itu dalam bentuk kartun. Biasanya ibu bapa ingat kartun biasa, biarlah baca. Tetapi bila kita lihat dan baca dengan teliti merupakan kartun dalam bentuk lucu. Inilah bahan-bahan yang akan mempengaruhi akhlak dan moral kanak-kanak kita. Kalau perkara ini tidak diberhentikan, apa juga rancangan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan matlamat kita ini tidak akan wujud dan tidak akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya minta pihak polis dan juga pihak pendidik dapat merangka satu formula yang berkesan dan saya juga berharap supaya masyarakat dan juga ahli-ahli perniagaan juga mempunyai etika perniagaannya. Kalau mempunyai bahan-bahan ini janganlah jual sewenang-wenangnya kepada anak-anak kita. Sebab ini akan mendatangkan kesan yang cukup buruk dan ini telah terbukti dan polis juga mengakui bahawa inilah satu kes di mana kalau tidak ada bahan-bahan lucu mungkin kes ini tidak akan berlaku.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara sekarang yang saya lihat ialah sistem pendidikan kita. Kalau kita hendak lihat dan memberikan satu kehidupan, satu cara memberi pendidikan yang baik kepada anak-anak kita, kerajaan juga melalui kementerian pendidikan untuk mengkaji semula silibus-silibus yang diajar di sekolah ini. Saya nampak sekarang ini tiap-tiap murid beg bukunya begitu berat, tidak tahu apa bahan di dalamnya dan keadaan ini sudah tentu tidak wujud satu suasana yang baik, yang kondusif untuk up bringing seorang kanak-kanak yang baik.

Saya masih ingat semasa saya kanak-kanak dahulu, kita banyak masa lapang untuk kegiatan lain yang sihat, mengambil sport seumpamanya, main ping pong, dan main badminton. Sekarang ini kanak-kanak tidak ada masa langsung. Balik dari sekolah hantar pergi tuisyen, lepas tuisyen makan dan terus pergi tuisyen tambahan pula. Jadi, ini bukan caranya untuk memelihara seorang kanak-kanak dan ini sudah tentu memberikan cukup tekanan kepada kanak-kanak ini.

Oleh kerana itu saya berharap kerajaan juga mengambil kira sistem pendidikan yang ada sekarang kerana saya lihat sekarang ini kerajaan atau masyarakat kita memberi tekanan atau memberi tumpuan yang lebih banyak kepada pendidikan ini. Ini tidak baik. Ini tidak akan mewujudkan seorang manusia yang cukup baik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan kalau hendak memastikan golongan rakyat yang akan datang dapat hidup dengan selesa dan dapat peluang untuk menjadi seorang rakyat yang baik maka aspek-aspek yang saya sebut tadi harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Petua, satu lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihati ibu bapa yang mempunyai anak-anak cacat, biasanya ramai kanak-kanak cacat ini dibiarkan sahaja. Dibiarkan dan dibuang, ditinggalkan sahaja. Cukup banyak contohnya anak yang dilahirkan cacat dari kegiatannya ia tidak boleh jalan, mata tidak boleh melihat dan anak ini dibuang sahaja. Ini bukan satu cara untuk menyelesaikan masalah sebab saya lihat di antara mereka juga terdapat kanak-kanak ini akan muncul sebagai rakyat yang baik.

Baru-baru ini seorang rakyat Taiwan datang ke sini. Dia pun seorang yang cacat, dibuang oleh ibu bapanya. Umur sembilan tahun ibu bapanya tidak mahu dia kerana dia cacat tidak boleh jalan, tidak boleh cakap, mulut tidak boleh tutup dengan baik, bila pandang mukanya ibu bapa pun rasa benci, tidak mahunya dan ditinggalkan kepada

neneknya. Empat tahun neneknya terpaksa berpindah 13 kali kerana jiran pun tidak suka dengan anak macam ini. Tetapi hari ini dia telah dipilih sebagai seorang pemuda yang betul baik, yang menjadi teladan kepada pemuda-pemuda lain kerana walaupun *despite all this* dengan izin, dia boleh berdikari dan juga dapat membuka satu gerai untuk jual bunga dan pendapatannya akan disalurkan untuk melaksanakan projek kebajikan. Orang itu masih hidup dan baru-baru ini datang ke sini. Persatuan jemput ia datang dan bawa dia ke beberapa tempat-tempat untuk memberi ceramah, untuk memberi motivasi kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Petua, inilah satu contoh dan banyak lagi. Saya lihat di surat khabar seorang budak hilang kakinya, pasang kaki palsu boleh sepak bola, apa bezanya? Kalau kita biarkan dia macam ini selama-lamanya dia tidak akan jadi seorang manusia biasa. Sebenarnya janganlah sedikit-sedikit ada kecacatan ini ibu bapa buang macam ini. Ya, ini satu perkara sentiasa berlaku.

Tuan Yang di-Petua, saya memang setuju kerajaan harus meluluskan Rang Undang-undang Kanak-kanak ini supaya apa yang salah, siapa yang buat kesilapan, siapa yang melanggar undang-undang ini akan dihukum dengan seberat-beratnya sebab kanak-kanak ini kita yang melahirkannya. Kalau kita tidak mahu anak kita, jangan lahirkan. Kahwin bolehlah, jangan lahirkan anak. Kalau lahirkan anak, kita kena jaga anak-anak kita. Jangan hendak kerajaan campurtangan, hendak kerajaan memberi nasihat kepada ibu bapa, jagalah anak kita yang dilahirkan sebab ini adalah tanggungjawab diri sendiri. Oleh kerana itu, saya ingin meminta ibu bapa jangan sewenang-wenangnya menimbulkan masalah kerana anak yang dilahirkan itu tidak dijaga dengan baik. Jadi, dengan kata-kata ini saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Johor Bahru.

12.18 tgh.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Petua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak pada hari ini.

Sebagaimana rakan-rakan saya yang lain, saya juga menyambut baik pembentangan rang undang-undang ini kerana tujuannya seperti yang terdapat di dalam

huraian ialah untuk memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang baru dan lebih baik bagi tujuan untuk memelihara, melindungi dan juga memulihkan kanak-kanak yang terdapat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Petua, sepertimana yang kita semua sedia maklum, kanak-kanak merupakan satu golongan yang *fragile* dengan izin, yang tidak kuat peribadinya, yang lemah, sentiasa terdedah kepada pengaruh, mudah dipengaruhi dan juga mudah menjadi mangsa. Pendek kata, mereka merupakan satu golongan yang tidak mampu untuk menguruskan diri mereka, tidak faham biasanya akan keadaan sekeliling, belum matang untuk membezakan antara yang betul dan yang salah dan mereka perlu diberi perlindungan sama ada daripada terdedah kepada ancaman dan cabaran atau dalam menanganinya. Mereka diberi perbezaan apabila mereka terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Kalau kita membuat kajian di dalam akta ini, ia memberi peruntukan dan penjelasan mengenai keadaan-keadaan yang tertentu yang seseorang kanak-kanak boleh dan mesti diberi perlindungan. Misalnya kanak-kanak yang tidak berakhlak, kanak-kanak yang melibatkan diri dalam jenayah dan juga pelacuran, mahupun kanak-kanak yang menjadi mangsa dera akibat keganasan rumahtangga dan kanak-kanak yang diperalatkan untuk mengemis mahupun melacur. Perkara-perkara tersebut jika mengamatinya bukanlah merupakan perkara-perkara yang baru. Hanya dalam zaman teknologi maklumat ketika ini kita lebih mengetahui bahawa perkara-perkara ini wujud dan ianya berlaku secara berleluasa. Oleh itu, untuk memberi keberkesanan kepada pelaksanaan akta ini, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan perlulah menyediakan peruntukan yang besar dan secukup-cukupnya supaya segala kehendak dalam akta ini dapat dilaksanakan secara berkesan dan terurus. Kita tahu bahawa akta ini sebenarnya adalah satu akta yang cuba melihat kepada soal pembangunan kemanusiaan dan atas sebab itu dalam kita melihat kepada belanjawan kita pada setiap tahun, peruntukan kerajaan lebih kepada soal peruntukan pembangunan fizikal tetapi pada masa yang sama peruntukan yang secukup-cukupnya juga perlu kita berikan kepada soal-soal membangunkan kemanusiaan seperti akta ini yang cuba menjaga dan melindungi kedudukan kanak-kanak dalam negara kita.

Tuan Yang di-Petua, dengan satu peruntukan yang begitu besar dan secukup-cukupnya yang paling penting ialah peruntukan itu boleh digunakan untuk kita menyediakan pegawai dan kakitangan seperti yang diperuntukkan di dalam akta ini perkara-perkara yang baru. Pegawai dan kakitangan yang terlatih dan merupakan yang sebenar-benarnya pakar supaya mereka dapat bergerak dan melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Kita tidak mahu kalau mengikut akta ini ada beberapa kedudukan pegawai yang dilahirkan hanya dalam, misalnya soal menyiasat. Kita tidak mahu mereka hanya mereka menjadi pegawai penyiasat ataupun pegawai pelindung, tidak lebih daripada itu.

Kita mahu supaya mereka juga dalam menjadi penyiasat dan menjadi pelindung, mereka juga mampu untuk menjadi pakar kaunseling. Mereka memberi nasihat dan juga mampu memberi panduan bukan sahaja kepada kanak-kanak tetapi juga kepada ibu-ibu dan bapa-bapa yang juga bertanggungjawab memelihara dan menjaga kanak-kanak. Lebih-lebih lagi hari ini masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak semakin pelbagai dan semakin kompleks. Misalnya kalau dahulu kita hanya ada masalah mengenai pengambilan atau salah guna dadah, sekarang ini sudah ada soal-soal seperti pil *ecstasy*, soal kehamilan sebelum kahwin bukan hanya kerana terbabit dalam pelacuran tetapi hamil sebelum nikah. Soal isu HIV, Aids mahupun juga termasuk soal pemakanan kanak-kanak di mana Malaysia ini, kita sedia maklum, jumlah kanak-kanak yang tergolong di dalam golongan yang gemuk adalah tinggi.

Jadi, ini juga satu soal kerana pengambilan berlebihan makanan '*junk food*', ini juga satu soal yang perlu kita lengkapkan pegawai-pegawai kita supaya mereka mampu untuk memberi panduan, nasihat dan sebagainya. Bukan sekadar menjadi pegawai yang menyiasat perkara-perkara yang berlaku ataupun yang melindungi. Maksudnya yang jaga tempat-tempat perlindungan mereka mesti mampu untuk menjadi pakar kaunseling. Mereka mesti expert dalam bidang-bidang yang telah saya nyatakan tadi. Jadi, melalui peruntukan kewangan yang wajar dan yang secukup-cukupnya daripada pihak kerajaan, maka usaha yang berpatutan dan berkesan untuk mengambil tindakan pencegahan juga boleh dibuat .

Kita sedar bahawa masalah-masalah yang telah saya nyatakan itu berlaku kerana antaranya ialah keruntuhan institusi keluarga yang telah banyak diperkatakan oleh rakan-

rakan saya sebentar tadi ataupun yang berucap terdahulu daripada ini yang mengakibatkan kurang atau tiadanya pengawasan keluarga ataupun keluarga yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka, apatah lagi soal tekanan dan pengaruh rakan sebaya dan juga pengaruh media seperti tv, internet ataupun majalah. Jadi, soal-soal ini mesti juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan mengapa perkara-perkara ini berlaku kerana seperti yang kita sedia maklum dan selalu kita katakan dengan izin, *prevention is better than cure*.

Jadi, dalam kita ingin melihat keberkesanan kepada pelaksanaan akta ini, kita tidak boleh memisahkan kepada soal-soal yang saya telah nyatakan tadi, pengaruh-pengaruh dan perkara-perkara yang menyebabkan kita menghadapi masalah dalam soal kanak-kanak ini, iaitu soal keruntuhan institusi keluarga, soal pengaruh media massa dan soal pengaruh rakan sebaya untuk kita menangani perkara-perkara, soal perlindungan daripada kanak-kanak ini terlibat dalam perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Maka soal-soal itu mesti juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Atas sebab itu tidak hairanlah dalam perbincangan dan perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, ramai yang telah menyatakan betapa perlunya masyarakat kita dididik pada setiap masa kerana dalam soal-soal ilmu parenting sesuatu tindakan kerajaan tidak akan berkesan jika tidak ada penglibatan dan sumbangan masyarakat untuk sama-sama mengatasi masalah ini.

Jadi, sudah tentunya dalam soal memberi kemampuan ataupun kemahiran kepada ibu bapa akan peranannya dan juga masyarakat, satu peruntukan yang besar perlu disediakan kerana ini merupakan usaha-usaha pencegahan. Jadi, kita mengharapkan untuk menentukan kejayaan dan kita dapat menghindar kanak-kanak daripada terlibat dalam perkara-perkara yang tidak diingini. Kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa pihak kerajaan mesti bersedia untuk menyediakan peruntukan yang besar walaupun hari ini kita lebih kepada soal peruntukan pembangunan fizikal tetapi penting juga kita memberi perhatian kepada soal pembangunan kemanusiaan seperti yang telah saya hujahkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Petua, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk melindungi kanak-kanak ialah soal indoktrinasi pemikiran dan kelakuan yang berlaku kepada kanak-kanak yang bermula di peringkat rendah

khususnya di peringkat tadika. Tadi, rakan-rakan saya juga ada menyatakan mengenai indoktrinasi dan penggunaan kanak-kanak oleh parti-parti politik tetapi itu mungkin kerap berlaku yang kita lihat sekarang kerana menjelangnya pilihan raya. Tetapi satu keadaan yang berlaku pada setiap masa sama ada disedari ataupun tidak, yang berlaku di peringkat tadika, yang mana kita dapati seolah-olah merupakan ataupun yang boleh membawa keadaan indoktrinasi pemikiran dan kelakuan kanak-kanak kita pada hari ini kerana ada sekolah-sekolah seperti ini yang terang-terang mengutamakan kepentingan politik ataupun kecenderungan politik daripada memberi pendidikan asas kepada kanak-kanak.

Kanak-kanak ditanam dengan sikap dan sifat membenci dan mengasingkan diri daripada masyarakat. Apakah tindakan kerajaan untuk menangani soal ini kerana kanak-kanak ini sebenarnya merupakan mangsa sekolah yang menerap kecenderungan politiknya dalam perjalanan memberi pendidikan asas kepada kanak-kanak. Kita tidak boleh nafikan ada di setengah-setengah tadika ini memang wujud, khususnya di tadika yang dikelolakan oleh pihak ABIM misalnya. Jadi apa akan jadi jika ini fenomenanya dan tidak dikawal, katalah kerana ini menjadi keadaan kebiasaan maka atas sebab itu semua parti politik mengambil tindakan yang serupa. Masing-masing bersaing membuka tadika dan prasekolah tetapi di sekolah, bukan ilmu dan pengetahuan yang diutamakan tetapi indoktrinasi politik yang dititikberatkan. Pemikiran kanak-kanak yang disempitkan dan tidak mendapat ilmu yang sesuai akan menjejaskan kemajuan negara dan matlamat pendidikan sebagai alat perpaduan negara juga tidak akan dapat mencapai matlamatnya. Jadi perkara ini perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan kerana kita percaya kanak-kanak tidak sepatutnya dijadikan alat oleh mana-mana pihak.

Jadi dengan perbahasan yang sedemikian, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kapar.
12.32 tgh.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 di Dewan yang mulia ini adalah begitu baik memandangkan negara kita kini sedang menuju ke alaf yang baru. Generasi kanak-kanak yang ada pada hari ini ataupun masa sekarang adalah mereka yang akan menjadi pewaris pada generasi yang akan datang dan mereka jugalah akan menjadi pemangkin terhadap pembangunan negara yang kita cinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kanak-kanak mestilah mempunyai pendidikan pada peringkat asas yang mana dengan pendidikan tersebut jugalah mereka dapat menjadi rakyat ataupun warganegara Malaysia yang seterusnya dapat sama-sama membangunkan negara ini. Di sini inginlah saya menyuarakan pendapat terhadap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab tanpa memberikan apa-apa asas pendidikan terhadap anak-anak mereka di mana langsung tidak menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang formal umpamanya dengan menghantar ke sekolah. Secara tidak langsung keadaan ini boleh mendatangkan masalah ataupun beban ke atas masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ataupun situasi begini dapat kita lihat begitu banyak berlaku di kawasan-kawasan luar bandar yang mana keadaan ekonomi ibu bapa kanak-kanak yang terlibat adalah di bawah paras kemiskinan. Keadaan seperti ini boleh juga berlaku walaupun ada peruntukan undang-undang berkenaan dengan masalah yang saya sebutkan tadi. Kita dapat melihat dengan jelas masih ramai kanak-kanak yang mengalami nasib sebegini. Ada sesetengahnya kanak-kanak tersebut, disebabkan oleh kesusahan hidup mereka, maka mereka terpaksa bekerja sebagai buruh-buruh kasar dan sebagainya. Keadaan sebegini boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut terdera dari segi fizikal mahupun mental.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang juga dapat kita lihat begitu banyak kes eksploitasi terhadap kanak-kanak yang mana ramai kanak-kanak telah terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral umpamanya seperti pelacuran, peminta sedekah, buruh kasar dan sebagainya. Ada juga segelintir kanak-kanak yang dirogol dan sudah semestinya mereka mengalami tekanan perasaan dan saya rasa begitu banyak masalah sampingan lain yang akan berlaku juga terhadapnya. Saya mengharapkan agar permasalahan ini akan dapat diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak

kementerian. Tindakan yang tegas hendaklah diambil terhadap pihak-pihak yang terbabit.

Izinkan saya menyentuh sedikit mengenai nasib kanak-kanak yang terdapat di ladang-ladang di seluruh negara. Saya banyak menerima aduan daripada pihak yang menyatakan keperihatinan mereka terhadap nasib malang kanak-kanak di ladang-ladang yang mana nasib mereka tidak terbela. Ada sesetengahnya langsung tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan sebarang pendidikan formal dan terabai dari segi penjagaan kesihatan. Fenomena sedemikian berlaku disebabkan atas sikap ibu bapa kanak-kanak itu sendiri yang mana mereka ini langsung tidak mempunyai rasa tanggungjawab, lantaran mungkin disebabkan atas desakan hidup yang susah. Kebanyakan ibu bapa tersebut terlibat dengan aktiviti meminum samsu haram ataupun arak. Jadi secara kesimpulannya, bagaimanakah mereka ini dapat memberikan kasih sayang ataupun perhatian terhadap anak-anak mereka. Saya juga merasakan pihak kementerian haruslah memberi perhatian yang sewajarnya berkenaan masalah ini kerana kita amat gusar mengenai nasib kanak-kanak yang terlibat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga kes-kes yang mana bapa kanak-kanak itu sendiri melakukan perbuatan terkutuk terhadap kanak-kanak tersebut. Mereka ini sepatutnya memberi tunjuk ajar dan belaian kasih sayang tetapi keadaan sebaliknya berlaku. Apa yang jelas nasib malang ini terpaksa ditanggung oleh kanak-kanak itu juga. Dengan adanya akta ini, saya mengharapkan agar segala permasalahan yang telah saya sebutkan tadi akan dapat diselesaikan oleh kita.

Dengan kata-kata tersebut, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tambun.

12.40 tgh.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 adalah salah satu undang-undang terpenting di negara ini.

Dalam *preamble* Rang Undang-undang ini menyatakan, mengiktiraf bahawa wawasan negara sebagai negara maju sepenuhnya ialah suatu negara di mana keadilan

sosial dan pembangunan moral, etika dan rohani sama pentingnya dengan kemajuan ekonomi dalam mewujudkan suatu masyarakat Malaysia madani yang bersatu padu, progresif, damai, penyayang, adil dan berperikemanusiaan. Dalam erti kata lain, rang undang-undang ini menuju ke arah untuk membina tamadun yang tinggi bagi bangsa Malaysia dan sudah tentunya pembinaan tamadun yang tinggi ini memakan masa, maka kanak-kanak sekarang inilah menjadi harapan kepada negara ke arah untuk mewujudkan tamadun tinggi di negara Malaysia pada masa yang akan datang.

Saya dapati bahawa kanak-kanak menghadapi dua jenis masalah, satu masalah yang nyata (*seen*), satu lagi masalah yang tidak nyata (*unseen problems*). Dari segi yang nyata ini begitu mudah untuk kita atasi. Rang undang-undang telah menjelaskan penganiayaan, kecederaan, salah kelakuan seks dan sebagainya boleh diambil tindakan, itu mudah untuk dilaksanakan. Tetapi yang tidak nyata (*unseen problem*) ini juga memainkan peranan untuk menggagalkan usaha kita melahirkan tamadun bangsa yang tinggi pada masa akan datang dalam bentuk ibu bapa yang tidak mempedulikan anak-anak.

Saya sering kali melihat kanak-kanak dari darjah satu sampai darjah enam balik ke rumah, ibu bapa tidak mempedulikan makanan dia, pakaian dia, pelajaran dia dan tidak hairan kalau dalam sistem pendidikan kita, mereka yang dalam tingkatan tiga yang mengambil peperiksaan PMR tidak boleh membaca dan menulis. Bilangannya agak besar juga kerana masalah ini dan ini juga merupakan masalah besar dihadapi oleh kanak-kanak terutama dihadapi oleh negara. Mereka yang tidak dibimbing, kanak-kanak yang diletakkan di dalam kelas corot dalam sekolah dengan harapan bahawa dengan sistem ini kanak-kanak corot, yang tidak matang pemikirannya dapat diasuh tetapi gurunya tidak terlatih dalam bidang itu. Jadi apabila kanak-kanak yang mempunyai sedikit kepintaran tidak dapat masuk kelas A atau B diletak dalam kelas C, D, E dan duduk di dalam suasana itu sampai akhirnya potensi diri individu yang agak ada kepintaran yang lambat matang ini tidak dapat direalisasikan kerana guru yang tidak dapat melatih.

Begitu juga kemiskinan akan mengakibatkan kanak-kanak tidak mendapat kemudahan berbanding dengan rakan lain. Saya ingat kawan saya dahulu, antara sebab dia gagal di sekolah kerana bajunya tidak putih, basuh baju di sungai jadi bajunya tidak seputih jika dibanding dengan rakan yang lain, dengan sebab dia merasa *inferiority*

complex dalam dirinya dan dia tidak berjaya di sekolah. Begitu juga banyak disentuh oleh banyak rakan tadi mengenai *political abuse*.

Jadi sistem ini akan melahirkan kanak-kanak atau individu dewasa tadi individu yang gagal, agresif, anti sosial, bermasalah dan individu yang tercicir. Inilah antara gejala-gejala yang yang mengakibatkan kita tidak mudah untuk membina tamadun bangsa yang tinggi dan jikalau ini tidak diatasi sekarang, maka masalah ini akan terus menjadi masalah. Tahun 2020 kita akan menjadi negara maju, tamadun bangsa juga tidak begitu tinggi dan akhirnya kita akan menghambat tamadun yang lain yang tinggi kita tidak akan sampai pada peringkat tamadun bangsa kita dan kita tidak akan setaraf dengan tamadun bangsa yang lain.

Oleh yang demikian saya melihat rang undang-undang ini bukan daripada sudut menghukum semata-mata. *The spirit of the act* - semangat, aspirasi dan falsafah rang undang-undang ini adalah untuk melahirkan institusi-institusi yang berurusan dengan kanak-kanak yang lebih efisien umpamanya ibu bapa yang benar-benar mengerti kanak-kanak itu harta dan bagaimana hendak memberi belaian yang baik.

Begitu juga sekolah, guru-guru dan juga kakitangan sekolah yang melihat kanak-kanak sebagai mutiara. Salah satu fenomena di sekolah daripada peringkat rendah, sekarang ada aktiviti gangsterism, daripada kecil lagi telah didedahkan dengan suasana yang menggerunkan mereka ke sekolah. Menjadi tanggungjawab guru dan juga kakitangan sekolah melihat perkara ini sebagai satu masalah besar kerana dalam pengalaman saya, saya ada bertemu dengan guru-guru yang menceritakan kepada saya di sekolahnya ada fenomena gangsterism, tunjuk kepada saya satu alat yang ada paku untuk tumbuk orang. Tetapi sejauh mana guru besar dan guru-guru mengambil tindakan yang berat ke atas perkara ini diberikan perhatian kerana mereka menganggap ini bukan anak saya, ini anak orang lain, berjaya atau tidak, tidak mengapa, saya guru saya dapat gaji dan tidak mengambil berat ke atas perkara tersebut.

Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin masyarakat yang hanya menjadi pemimpin yang tidak mengambil tahu, tidak ada program-program mengadakan *tuition* percuma, mengadakan program motivasi, mengambil perhatian kepada individu yang terlibat dengan dadah supaya jangan kerana ada individu terlibat dengan dadah ini akan berjangkit kepada kanak-kanak ini.

Begitu juga dengan agensi-agensi lain termasuklah prasarana-prasarana yang tidak disediakan untuk kawasan-kawasan perumahan. Amat malang kita lihat kawasan perumahan yang tidak ada surau, tidak ada dewan, tidak ada tempat permainan yang sedang berlaku sekarang ini. Jadi, saya melihat daripada spirit ini bagaimanakah rang undang-undang ini hendak mencipta suasana yang kondusif, melibatkan semua pihak dari segi individu mahupun *environment* infrastruktur bagi sesuatu kawasan.

Saya baca buku *It Takes a Village* menceritakan tentang suasana di Amerika Syarikat di mana untuk melahirkan seorang saintis mesti melibatkan satu komuniti dalam masyarakat tersebut. Begitu *consciousness* yang ada di dalam masyarakat Amerika Syarikat. Begitu juga orang Jepun, kalau anak dia masih dalam bedung, umur baru satu bulan dibawa ke tingkap ditunjuk kepada anak, diajar itu pokok, itu gunung, itu bangunan daripada kecil. Bila sudah besar umur empat tahun masuk ke tadika, dia bawa pula ajar macam mana hendak kencing, macam mana hendak tunduk cara hormat Jepun kepada orang dan apabila dia telah masuk ke umur enam tahun, dia mesti pergi ke kelas komuniti, kalau di sini kita samakan dengan kelas pengajian al-Quran.

Di kelas komuniti dia akan diajar tentang asal-usul bangsa Jepun dari segi prinsip, falsafah, ideologi bangsa Jepun dan sekiranya orang yang umur enam tahun sepatutnya berada di kelas tersebut berada di kawasan lain dalam kawasan perumahan, anggota masyarakat tahu dia sepatutnya berada di dalam kelas, dia akan ambil anak ini dan hantar kepada kelas. Begitu juga di Korea Selatan, dia ada cuti hari Sabtu, kalau cuti hari Sabtu kita lihat kalau di Seoul nenek lelaki, nenek perempuan, ibu, bapa, anak-anak - biasa ada dua orang anak, dibawa bersiar-siar, berjalan-jalan memberikan kasih sayang.

Jadi saya lihat dalam masyarakat kita, antara masalah kita, kita ini agak mengalami buta undang-undang. Tidak ramai orang yang tahu undang-undang dan saya percaya dalam anggota masyarakat ada yang tidak tahu langsung ada undang-undang. Jadi, saya berpendapat oleh kerana ini antara undang-undang terpenting dalam negara kita, hendak membina satu tamadun bangsa Malaysia yang tinggi pada masa akan datang yang kita memang idam-idamkan daripada sekarang, bagaimanakah rang undang-undang ini hendak diterjemahkan dalam bentuk dibawa kepada masyarakat supaya semua ibu bapa tahu wujudnya undang-undang ini, penalti-penalti, guru-guru tahu, PIBG tahu, pemimpin masyarakat tahu, semua orang tahu adanya rang undang-undang ini supaya

setiap orang apabila mengetahui adanya rang undang-undang ini, dia menjadi seorang yang bertanggungjawab sama ada untuk menganiayai kanak-kanak dari segi yang nyata *physically* mencederakan ataupun yang tidak nyata supaya setiap anggota masyarakat mengetahui bahawa setiap orang memikul tanggungjawab.

Seorang kanak-kanak ataupun anak kita yang dua, tiga orang yang telah kita didik menjadi individu yang cemerlang, ini akan mengangkat tamadun bangsa kita. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, boleh atau tidak perkara ini dilakukan? Adakah kita mempunyai *networking* individu yang pakar ataupun yang berkebolehan untuk membawa perkara ini dan bagaimana hendak membawanya di dalam masyarakat? Biarlah orang ramai tidak mengetahui undang-undang lain tetapi perkara ini biarlah semua mengetahuinya. Jadi saya berpendapat bahawa perlu ada program penerangan yang menyeluruh secara serius, bertanggungjawab dan komited.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan perbincangan rakan saya daripada Tambun kerana semalam juga saya ada menyebut persoalan ini di beberapa peringkat iaitu di peringkat keibubapaan. Maknanya ibu bapa mendidik anaknya dari beberapa segi sama ada moral, sosial dan sebagainya iaitu apa yang Tambun telah sebut secara detail. Begitu juga di peringkat kedua iaitu peringkat sekolah sama ada kindergarten ataupun di peringkat tadika dan peringkat-peringkat sekolah tetapi kedua-dua peringkat ini, kadang-kadang ibu bapa tidak kenal antara tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa. Di sekolah, kita sibuk mengajar membaca, mengira, itu sahaja.

Jadi persoalan yang lain iaitu persoalan moral ataupun apa-apa saja persoalan, umpamanya di zaman saya dahulu pada akhir tahun 50-an dan awal 60-an. Semasa di sekolah, *the first five minutes*, lima minit yang pertama di sekolah itu, guru telah menyuruh anak muridnya membuat tangan macam ni [*Sambil menunjukkan tangannya*] kemudian dia cek kuku tangannya sama ada bersih atau tidak, cek rambut sama ada panjang atau tidak, tengok kasut bersih atau tidak, kalau tidak ada kasut, cek kuku kaki sama ada panjang atau tidak dan kaki seluar sama ada bersih atau tidak. Jadi ini semua berlandaskan moral dan apabila tiba di peringkat itu, lima minit yang pertama dia telah

mengajar semua persoalan-persoalan moral dan juga keperluan anak-anak pada ketika itu lalu diserapkan di sekolah. Ini bermakna di rumah, ibu bapa mengajar anak-anak mengaji kerana ini soal moral dan tanggungjawab dalam masyarakat.

Di sekolah juga ada di buat seperti itu. Tetapi pada masa sekarang, tiap-tiap jabatan, agensi-agensi ataupun sistem-sistem ini dilakukan sendiri atas kemajuannya sendiri. Kalau *education* dipandang dari segi *certificate* dan sijil pencapaian sahaja. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang persoalan *networking* ini. Dapatkah kementerian membuat satu penyelarasan supaya semua orang terlibat, bukan seorang sahaja.

Kalau kementerian hendak wujudkan orang ini memang tak boleh dan tak mampu untuk mengadakan anggota masyarakat yang begitu ramai sekali untuk menyerapkan perkara-perkara ini dalam sistem kanak-kanak kita. Tetapi kalau semua jabatan, kementerian, ibu bapa, masyarakat dan semuanya mengambil tindakan, kemungkinan ini boleh dilaksanakan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tadi saya telah mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, *it takes a village*, memang ia melibatkan satu kawasan perumahan untuk melahirkan seorang saintis. Jadi ia perlu penglibatan semua pihak dalam soal ini dan saya tengok umpamanya yang dibangkitkan oleh Batang Lupar dari segi sekolah. Kita memberi pendidikan moral, pendidikan ilmu dunia dan akhirat tetapi *character building* tidak ada, pembinaan keperibadian seperti yang saya sebutkan tadi iaitu menunjukkan kuku.

Seperti di Jepun, mengajar budak kencing. Kencing ini memang merupakan proses natural tetapi mengajar di mana nak kencing. Tidak seperti saya datang ke Kuala Lumpur pagi semalam, saya lihat dia tidak berhenti di tempat nak buang air tapi dia berhenti di tepi jalan dan buang air di situ. Malu saya melihatnya. Jadi ini tidak dibentuk dan saya *suspect* sekarang, tadi rakan saya dari Johor Bahru menyatakan bahawa kanak-kanak dilahirkan di dunia tidak mempunyai ilmu. Betul. Dia tidak tahu menguruskan masa, menguruskan diri dan macam-macam lagi. Tetapi oleh kerana kita tidak mendidik kanak-kanak ini, akhirnya dia menjadi dewasa dan berkahwin, jadi ibu, bapa.

Jadi selama hidup dia tidak dilatih, besar kemungkinan ibu bapa yang ada sekarang dia tidak tahu melatih kerana dia juga tidak pernah dilatih untuk mengetahuinya

terutama orang yang tidak berjaya. Itu sebabnya, orang yang tidak berjaya, saya hairan melihatnya di dalam keluarga, bagaimana dia boleh membiarkan anaknya begitu sahaja. Tidak langsung ditengok bagaimana pelajarannya sampai dia mampu berkata dan disampaikan kepada jiran, "*Tak tahulah anak saya ini terlalu bodoh hinggakan tidak tahu hendak membaca.*" Anaknya baru lepas peperiksaan UPSR tahun lalu. Saya rasa sedih melihatkan suasana itu kerana ibu bapa juga tidak pernah dilatih dan dididik.

Jadi berbalik kepada perkara yang saya bangkitkan tadi bahawa bagaimana satu usaha atau gerakan yang cukup besar mesti dilaksanakan. Saya melihat di Libya, saya pernah cerita di Parlimen bagaimana sistem informasi ini disebarkan kepada rakyat dan dijalankan dengan begitu besar.

Di peringkat pertama kementerian, mengenal pasti terlebih dahulu seseorang individu sama ada di dalam kerajaan ataupun sektor swasta yang berkebolehan untuk bercakap. Cari orang Gred A yang boleh bercakap sama ada dalam kerajaan ataupun swasta. Setelah dikenalpasti, dipanggil, ditemuduga dan ditanya satu soalan, "*Mengapa awak ingin bersama-sama dalam gerakan ini*". Kata pegawai itu, saya hendak mencari duit lebih, ditolak. Saya hendak menyumbang kepada negara, diambil.

Kemudian diadakan latihan satu tahun dan selepas itu, orang-orang ini pula pergi dari satu kampung ke satu kampung setiap minggu dengan membawa bersama bukunya. Kalau rang undang-undang, rang undang-undanglah dibawa ke kampung kemudian dipanggilnya semua anggota masyarakat dan rang undang-undang diberikan kepada semua orang dan dibincangkan daripada satu muka ke satu muka sehingga semua orang faham. Barulah satu undang-undang itu bermakna, kalau tidak, ini kita luluskan di Parlimen menjadi rang undang-undang, masyarakat tidak tahu.

Kita mesti menerima hakikat yang sebahagian besar masyarakat kita ini buta undang-undang. Mereka tidak tahu pun ada akta-akta, cuma yang mereka tahu adalah membaca surat khabar dan orang ditangkap kerana memiliki dadah di bawah akta apa, dia pun tak tahu. Dia kata yang orang itu salah, di bawah seksyen mana dia tidak tahu. Kita tidak perlu sampai kepada seksyen tetapi memahami semangat falsafah dan aspirasi undang-undang ini mencukupi supaya nanti tidak berlaku seperti di dalam Parlimen tadi. Bertengkar tentang siapa salah, pemimpin politik inilah salah, pemimpin politik itulah salah kerana mendidik daripada kecil untuk kecenderungan politik kerana pemimpin

politik itu tidak tahu kesan yang dilakukan kepada kanak-kanak hingga tidak tahu hendak jadi apa akhirnya.

Tidak ada satu tamadun manusia yang boleh bangun tanpa kecemerlangan. Tetapi kalau daripada kecil sudah dibentuk pendiriannya dan *role model* dia adalah orang yang tidak begitu berjaya, akhirnya akan bangun dan menjadi seorang yang besar dalam satu *compartment* membawa balik kepada sistem yang mana diajar oleh ketua-ketuanya nanti. Jadi ini menjadi satu yang malang kepada kita. Jadi saya berpendapat semua orang mesti memainkan peranan yang positif dan *significant* ke arah untuk kita jadikan kanak-kanak sekarang ini lebih baik daripada kita. Kita tidak boleh cemburu dengan mereka. Ada juga orang yang cemburu, anak dia hendak berjaya, dia cuba gagalkan. Dia tidak mahu anaknya lebih baik daripada dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:Yang Berhormat, masa untuk pagi ini sudah cukup. Sila sambung sebelah petang.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tambun, sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya nyatakan tadi, menjadi ujian kepada kementerian bagaimana untuk rang undang-undang ini dapat difahami oleh semua anggota masyarakat supaya kita dapat membina institusi-institusi yang terlibat dengan masa hadapan kanak-kanak dapat menjalankan tugas masing-masing dengan efisien. Ibu bapa yang leceh tidak lagi leceh, guru-guru yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga terutama pelajar-pelajar di kelas-kelas yang *corot*, tidak lagi leceh. Begitu juga pemimpin masyarakat dan seluruh anggota masyarakat untuk sama memainkan peranan positif ke arah untuk membina generasi akan datang yang bertamadun tinggi. Saya berharap bahawa semua agensi

kerajaan dapat digemblengkan tenaga, termasuk Kementerian Penerangan dan Kementerian Pendidikan.

Di samping itu, saya percaya bahawa penyebaran maklumat ini boleh dapat dijalankan dengan berkesan sekiranya kementerian sendiri mempunyai pusat-pusat penyebaran maklumat ataupun pusat-pusat memberi perkhidmatan penerangan. Kerana di bawah kementerian ini saya dapati antara kementerian yang mempunyai banyak NGO. Di setiap kampung ada Rukun Tetangga. Mereka boleh digunakan. Yang penting sekali bagaimana supaya Rukun Tetangga ini dapat dididik untuk memainkan peranan yang positif itu.

Saya sekarang ingin menyentuh tentang mekanisme pelaksanaan akta ini. Pertama mengenai dengan soal untuk kita membuat laporan. Kadangkala bila kita berada dalam masyarakat, kita nampak seorang kanak-kanak menjadi buruh dan untuk melaporkan - itu yang menjadi penting. Ia mesti mempunyai akses yang mudah dan di samping itu pelapor ini lebih baik dilindungi. Kita tahu kalau umpamanya anak jiran kita didera ataupun anak jiran kita terlibat dalam kerja sebagai buruh dan kita melaporkan, akhirnya boleh mengakibatkan kepada pertelingkahan antara jiran. Jadi, semestinya mudah untuk kita buat laporan dan juga kita sebagai pelapornya dilindungi di bawah akta ini.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan pasukan pelindung kanak-kanak di bawah Seksyen 22. Di bawah Seksyen 7 ini, kurang dari segi komposisi dan struktur organisasi pasukan pelindung ini. Adakah pasukan pelindungan kanak-kanak ini terdiri daripada individu yang bekerja sebagai *full time* ataupun *part time* kerana saya melihat pentingnya kita memberi tumpuan kepada mempunyai satu pasukan pelindungan kanak-kanak yang efisien kerana peranan yang akan dimainkan oleh mereka nanti. Kita tahu di dalam masyarakat kita, kita mempunyai banyak badan. Umpamanya Rukun Tetangga, badan NGO lain dan sebagainya mempunyai tanggungjawab yang besar. Tetapi kekesan kerja tidak dapat diperolehi kerana pihak yang dipertanggungjawabkan tidak menjalankan tugas dengan sempurna, maka tentulah latihan yang sempurna perlu diberikan kepada pasukan-pasukan pelindungan ini dan juga struktur organisasi sistem di mana ia dapat wujud di semua peringkat di dalam masyarakat secara yang komprehensif. Maknanya ia dapat memainkan peranan di mana kawasan kerjanya menyeluruh di dalam negara kita ini.

Saya menekankan tentang soal latihan tadi kerana kita menghadapi satu masalah yang agak bukan mudah untuk kita atasi. Umpamanya melibatkan ibu bapa, ia mesti mempunyai kepakaran dari segi psikologi, macam mana hendak berhadapan dengan ibu bapa terutama kalau ibu bapa yang sering berkelahi, anak menjadi mangsa dan bukan mudah kita hendak memberi nasihat kepada mereka. Jika pasukan perlindungan terdiri daripada orang yang tidak ada kewibawaan dalam masyarakat dan juga tidak ada kepakaran, dia bukan dapat menyelesaikan masalah, nanti orang menganggap bahawa kerajaan sudah mahu menjaga tepi kain orang, kerana dia menganggap anak itu milik dia, kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam soal anak-anak mereka itu.

Ketiganya, dari segi kanak-kanak cacat banyak disentuh tetapi satu perkara yang saya cuba hendak bincangkan. Saya ada bertemu dengan beberapa orang pengusaha dalam masa saya bertugas di luar negara kita. Dia kata bagi orang yang cacat ataupun orang bisu ataupun pendengaran tidak baik, antara bidang yang mereka boleh berjaya adalah bidang IT. Kerana di luar negara ada orang cacat tetapi dia diberikan latihan yang mencukupi dalam bidang IT dan orang cacat ini menjadi pakar IT, kerana kita tahu pakar IT tidak perlu kepada pergerakan sangat. Yang perlu ialah kemampuannya itu untuk menghasilkan program ataupun *software*.

Saya berpendapat bahawa perkara ini mesti diberikan perhatian. Kalau kita tengok di Asian, di Manila, Filipina umpamanya mereka ada restoran orang bisu. Saya pernah tengok orang bisu bersempang gunakan isyarat tangan. Walaupun bisu tetapi dia pun ada juga gelak hilainya. Jadi, kalau orang bisu menjalankan usaha restoran, memang kerajaan menggalakkan. Banyak di negara lain di mana orang-orang yang cacat ini diletakkan dalam arus perdana negara dengan memberi peluang dan akhirnya orang datang ke kedai itu bukan kerana dia bisu tetapi kerana dia menganggap bahawa orang bisu mempunyai sama taraf dengan pihak-pihak lain.

Keempat, tentang buruh kasar. Saya hendak bertanya tentang buruh kasar ini. Katalah dia ini berhenti sekolah darjah enam dan tidak bersekolah lagi, adakah ia boleh bekerja atau tidak. Umurnya 13 tahun, jadi adakah kerana ia bekerja, ibu bapanya mesti diambil tindakan ataupun memang sepatutnya dia bekerja kerana dia sudah tidak bersekolah, yang penting mungkin kita mempunyai satu kontrak yang dapat membantu orang yang keluar dari sistem persekolahan ini mendapat satu pekerjaan di peringkat awal

sebagai buruh tetapi diberikan latihan-latihan dan dengan latihan itu dia boleh jadi businessman besar.

Kalau kita lihat dari segi masyarakat Tionghua dari segi bidang mekanik, kita tahu bahawa daripada anaknya kecil umur lima, enam tahun sudah didedahkan dengan environment perniagaan di bengkel tempat membaiki kereta. Dari situ dia belajar buang minyak hitam, cuci tayar, cuci kereta kemudian *upgrade*, tengok enjin, basuh enjin, *upgrade* lagi, bermakna dia sudah bekerja daripada kecil tetapi oleh kerana bengkel tersebut dipunyai oleh bapanya sendiri ataupun saudaranya, dia tidak dianggap sebagai buruh kasar.

Jadi, bagi orang yang telah tamat darjah enam, tidak mahu belajar di mana dia hendak pergi? Dia tidak mahu belajar tetapi dia mahu bekerja. Tidakkah boleh orang seperti ini dibenarkan bekerja tetapi diberikan kontrak, diberikan perlindungan oleh majikannya. Jadi, tanggungjawab untuk menjaga kanak-kanak ini adalah majikan dan sekiranya majikan melakukan sesuatu yang tidak betul kepada kanak-kanak ini barulah majikan itu diberikan hukuman.

Bagi kanak-kanak ini yang saya anggap sebagai satu potensi besar, macam tadi umurnya baru 13 tahun, dia pergi ke bengkel membaiki kereta, dia cuci sana, cuci sini, kemudian *upgrade*, dia sudah tahu *repair* kereta, akhirnya bila umurnya sudah meningkat 20 tahun kemungkinan kerana bengkel tersebut telah mempunyai ramai pelanggan, jadi dia juga boleh membuka bengkel di tempat lain dengan pelanggan yang lebih daripada bengkel induk tadi dan akhirnya kanak-kanak yang tadi dianggap tidak berpotensi dan tidak berguna tetapi sudah menjadi seorang usahawan. Jadi, perkara ini saya harap dapat dilihat oleh pihak kementerian.

Satu lagi mengenai dengan kesalahan. Saya nampak di bawah Seksyen 31, muka surat 44 – Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak termasuk menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian, hukumannya RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Saya hendak bertanya dari segi rasionalnya, sepuluh tahun ini saya ingat pada saya itu sudah cukup tetapi RM20,000, adakah ini cukup atau tidak kerana ini hukuman

maksimum dan di seksyen seterusnya kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis, didenda RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Kes kanak-kanak Cina yang berumur 11 tahun yang diculik, kalau kita baca dari segi maklumat-maklumat, ia diculik kerana ada sindiket menculik orang kemudian dicatitkan dan disuruh mengemis, kalau katalah seorang operator begitu, ia ada 20 pengemis, seorang sehari dapat cari RM100 hendak bayar RM5,000 ini tidak banyak.

Begitu juga kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan juga tidak melebihi RM5,000. Saya menganggap bahawa oleh kerana dari awal lagi kita melihat semangat prinsip falsafah dan aspirasi akta ini adalah untuk membimbing ataupun mendidik kanak-kanak supaya nanti kanak-kanak ini bila dewasa menjadi orang cemerlang, membina bangsa yang bertamadun tinggi, sudah tentulah kita mahu menjaga kanak-kanak ini dengan betul dan kalaulah kanak-kanak terlibat dari segi penganiayaan, pengabaian, pembuangan, pendedahan, menganiayai dari segi seks dan sebagainya, tetapi hukuman dikenakan RM20,000, mengemis RM5,000 dan sebagainya, jadi ini tidak menggambarkan semangat satu dokumen yang begitu tebal yang dibahaskan begitu ramai oleh Ahli-ahli Parlimen.

Jadi, saya hendak tahu rasionalnya, tidakkah patut hukuman ini ditinggikan supaya apabila maklumat ini diturunkan, ibu yang hendak beli ikan, di dalam kampung mereka beli ikan mereka sama-sama duduk, hai kalau kita dera anak aniayai dari segi seks kanak-kanak ini hukumannya RM100,000, saya rasa baru datang rasa gerun, baru nampak bagaimana pentingnya kanak-kanak ini sebagai harta kepada sesuatu keluarga, tetapi kalau RM25,000 atau RM5,000, si anu, si anu anaknya diberi mengemis RM5,000 tidak akan mendatangkan satu kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.

2.43 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kerana berpeluang untuk membahaskan suatu rang undang-undang yang menjadi satu mercu tanda atau landmark kepada usaha kerajaan memberi erti kehidupan yang paling sewajarnya kepada pembangunan generasi muda dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan satu quotation yang saya cuba pinjam dari sebuah buku yang ditulis dan terbitan terakhir tahun 1999 iaitu sebuah buku mengenai pembangunan generasi. Bagaimanakah generasi hari ini harus dipelihara dengan baik. Buku ini mengatakan, dengan izin, “*any society that write-off 30% of its peoples through poor schooling, family breakdown, poverty and unemployment is throwing away pricest asset, brain power, intelligence and creativity.*”

Ertinya, mana-mana masyarakat yang memandang remeh terhadap kebajikan 30% daripada generasi mudanya sama ada menerusi pendidikan yang sambil lewa, sama ada menerusi keruntuhan rumah tangga, keruntuhan keluarga, kemiskinan, kurang pekerjaan adalah masyarakat yang akan membazirkan *brain power* ataupun tenaga pemikiran dan juga khazanah negara sama ada di bidang kebijaksanaan *intelligence* ataupun kreativiti. Perkara ini ditulis oleh kerana melihat kepada pandangan yang futuristik iaitu pandangan bentuk dan struktur masyarakat di millenium yang akan mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu millenium yang akan datang adalah millenium yang akan berhadapan dengan fenomena hidup yang harus menitikberatkan soal ilmu. Millenium yang akan datang adalah millenium yang akan berhadapan dengan kebebasan modal untuk bergerak di seluruh dunia, *freedom of a capital mobilisation*, oleh kerana wujudnya konsep-konsep ekonomi sebagaimana yang kita sedang bincangkan sekarang globalisasi, *liberalisation* ataupun menerusi era *Information Communication Technology* (ICT) ataupun teknologi komunikasi dan juga teknologi maklumat.

Dalam hal ini, mana-mana kerajaan yang ingin membangun, kerajaan yang ingin berdiri teguh dan tidak mahu disapu ataupun dikesampingkan *being marginalised*, dengan izin, oleh pembangunan masa depan harus menitikberatkan soal kesejahteraan generasi muda. Sebab itu, pertama sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan menerusi kementerian ini yang membentangkan akta ini walaupun merupakan integrasi tiga undang-undang penting yang memberi perlindungan kepada kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, generasi muda adalah *social capital*, modal masyarakat yang harus lebih dihargai apabila kita berhadapan dengan masa depan dan millenium yang baru. Ini oleh kerana kita berhadapan dengan satu fenomena dunia di mana di masa

yang akan datang United Nations membuat satu ramalan bahawa struktur penduduk dunia akan berubah. Hari ini struktur penduduk dunia dilihat sebagai piramid yang kita ketahui iaitu piramid di mana mercunya adalah kecil, mempunyai pertengahan yang besar dan mempunyai base yang lebih besar.

Mercu kependudukan hari ini mengikut logik normalnya mercunya adalah golongan penduduk warga negara yang tua, yang pertengahan adalah golongan rakyat yang di dalam umur yang produktif dan yang paling bawah the *broader base*, dengan izin, adalah golongan remaja dan juga bayi. Tetapi tidak lama lagi, paling lewat, menurut ramalan United Nations ataupun PBB, menjelang tahun 2020 ataupun menjelang tahun 2030 piramid ini akan terbalik di mana struktur kependudukan dunia akan berhadapan dengan piramid yang terbalik, the *broader base*, dengan izin, merupakan golongan masyarakat tua, golongan masyarakat kalau ikut hukuman kita masyarakat yang telah mencapai dan melangkaui umur bersara iaitu 55 tahun ke atas. Pertengahan masih lagi umur yang produktif tetapi yang amat membimbangkan mercu yang terbalik tadi bawahnya yang paling kecil adalah kelompok remaja.

Mengapa hakikat ini berlaku? Hakikat ini berlaku oleh kerana satu-satunya perubahan atau anjakan *life style*. *Life style* adalah gaya hidup masyarakat yang hari ini menular di negara kita dan keduanya, oleh kerana pengurangan *fertility* ataupun kesuburan di dalam orang-orang yang masih lagi di dalam umur boleh produktif untuk berumah tangga dan juga melahirkan anak.

Hakikat kependudukan yang sebegini, piramid yang terbalik sekarang ini telah pun hadir di Amerika Syarikat, hadir di beberapa negara di Eropah Timur dan Eropah Barat dan juga amat paling ketara di negara Jepun. Sekiranya kita pada hari ini negara Malaysia yang masih lagi membangun yang mempunyai generasi muda yang besar, tidak memelihara kesejahteraan generasi mudanya, apabila piramid kependudukan berubah corak, maka kita akan berhadapan dengan satu revolusi masyarakat dan revolusi ekonomi yang paling mahal harganya.

Oleh kerana peranjakan ataupun perubahan struktur penduduk yang sedemikian rupa akan membabitkan *social investment* iaitu pelaburan sosial bagaimana kita hendak memelihara penduduk-penduduk tua di dalam memberi kesejahteraan supaya diadakan sistem jalan raya yang *friendly*, yang mesra dengan orang-orang tua supaya diadakan

kereta ataupun kenderaan awam yang mesra dengan orang tua, supaya diwujudkan sistem tangga turun naik mana-mana kompleks kerajaan yang mesra dengan penduduk tua, supaya diwujudkan sistem ekonomi, bagaimanakah orang-orang tua ini boleh lagi dipanjangkan hayat mereka, untuk kita boleh mengambil mereka di dalam sistem pekerjaan dan sebagainya.

Senario ini saya bawa ke dalam negara ini oleh kerana pada hari ini kerajaan berhadapan ataupun negara Malaysia berhadapan dengan kebocoran masyarakat muda. Kebocoran masyarakat muda dalam erti kata mereka menjadi masyarakat yang tidak boleh digunakan ataupun disandarkan sebagai sumber manusia yang produktif di masa yang datang.

Saya tidak dapat membuat ataupun memberikan perangkaan yang muktamad dan sahih mengenai berapakah jumlah generasi muda negara hari ini yang terkeluar dari sistem hidup yang sejahtera. Anak-anak kita yang duduk di pusat pemulihan dadah, sewaktu saya menjadi Setiausaha Politik di Kementerian Dalam Negeri tahun 1982 hingga 1986, waktu itu hanya ada satu pusat pemulihan dadah iaitu di Tampin, itulah pioneer dan pusat yang pertama. Sekarang ini berapa banyak pusat pemulihan dadah, berapakah social cost yang harus dibelanjakan untuk menyara, *regulate*, melaksanakan program kerajaan memberi pembelaan kepada orang-orang ini. Itu adalah berjumlah berjuta-juta ringgit dan *social cost* ini kalau diterjemahkan boleh dibuat untuk pembangunan yang lebih mensejahterakan rakyat yang ada. Tetapi oleh kerana kita prihatin maka kos itu terpaksa kita tanggung daripada peruntukan negara.

Yang kedua, dengan adanya pusat pemulihan dadah maka ada juga agensi pencegahan dadah melibatkan lagi kos kerajaan. Dengan adanya ini, maka timbul gejala baru iaitu penyakit yang berkait rapat dengan penagihan dadah ataupun penggunaan dadah secara melulu atau *intravenous* iaitu penyakit AIDS. Sekarang AIDS ini juga merupakan satu gejala yang memerlukan belanja yang banyak dari kerajaan. Dengan adanya dadah maka timbul juga drug-related crimes ataupun, dengan izin, jenayah yang berkait dengan penagihan dadah. Berapa ramai sekarang ini kalau diambil dari statistiknya anak-anak muda yang merengkok di dalam penjara oleh kerana perbuatan-perbuatan jenayah berkaitan dengan penagihan dadah.

Paling teruk sekali adalah bagaimana sekiranya kita mengambil kira pembangunan sumber manusia negara, orang-orang ini terkeluar daripada proses pembangunan sumber manusia negara sedangkan sumber manusia negara di masa akan datang diperlukan supaya mereka menjadi masyarakat yang bermaklumat, supaya mereka menjadi masyarakat berilmu, supaya mereka menjadi social asset yang boleh menangani alaf yang akan mendatang. Persoalan-persoalan ini saya harap akan terjawab dengan wujudnya undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat prihatin dalam soal ini oleh kerana kita merasa bimbang kalau dalam tahun 2010 Amerika akan menjadi *the third biggest world of Spanish speaking country*, ramalannya pada tahun 2010 Amerika akan menjadi negara dalam dunia yang terbesar menggunakan bahasa Spanish oleh kerana rakyatnya telah pun berkurangan oleh kerana *low fertility* ataupun ketidaksuburan, bertukar *life style* tidak mahu berkahwin, tidak mahu berkeluarga maka akan datang *trans-migration*, akan masuklah orang-orang yang tidak berkualiti memenuhi keperluan sumber manusia negara itu, akan juga ada migration *trans-continental* mungkin daripada India, orang akan migrate ke sini dan sebagainya.

Dalam negara kita sendiri sekarang, kita melihat bagaimana migrasi datang dari negara jiran sama ada yang halal atau yang haram, sama ada yang gelap ataupun yang putih. Soal-soal ini puncanya adalah bagaimana negara itu melihat kepada soal pembangunan generasi, soal pembangunan keluarga dan soal memelihara kesejahteraan generasi mudanya.

Itu yang saya hari ini terpaksa bangun untuk bersuara dalam konteks ini. Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sekiranya sekarang ini kita sedang berhadapan dengan anjakan ataupun *destruction* masyarakat iaitu ada satu kehuru-haraan dalam masyarakat. *The biggest social destruction*, dengan izin, atau satu gejala yang dihadapi masyarakat kita sekarang ini adalah soal anak muda yang sekarang ini terkeluar daripada proses pembangunan generasi yang disediakan oleh kerajaan iaitu anak muda yang memilih untuk menghalu ke pusat-pusat penagihan dadah, anak-anak muda yang mungkin terdorong untuk mengalami proses '*idolosen*' iaitu proses kedewasaan di dalam penjara, anak-anak muda yang terpaksa, mungkin oleh kerana heretan sosial, terpaksa melaksanakan atau menghadapi proses '*idolosen*' kedewasaan di dalam pusat-pusat

pemulihan akhlak, belum lagi termasuk anak-anak muda yang dilahirkan cacat yang sekarang ini tergolong sebagai anak-anak istimewa. Kalau kita ambil golongan ini daripada seluruh statistik penduduk negara, apakah senario kependudukan negara ini di masa akan datang sekiranya kita gagal melihat untuk memberi pembelaan kepada golongan yang saya sebutkan tadi.

Dalam konteks ini, saya sangat-sangat merayu dan berharap semoga anak-anak yang terpaksa dialirkan ke pusat pemulihan dadah, ke penjara dalam umur yang masih remaja, anak-anak yang harus dipulihkan menerusi proses taman-taman pemulihan akhlak, anak-anak istimewa ini diberi satu kurikulum pembangunan sumber manusia atau kemahiran yang berselera baru. Maksudnya, saya harap kurikulum latihan atau bimbingan di pusat-pusat ini jangan sekadar untuk memenuhi masa sementara mereka menjalani hukuman ataupun menjalani proses pemulihan tetapi tidak boleh dibawa keluar dan dijadikan *tools* ataupun *vehicles* untuk mereka hidup setaraf dengan orang lain apabila mereka telah bebas daripada pusat-pusat ini.

Kita tahu di dalam penjara di antara *trade* ataupun *vocation* yang diketengahkan, mungkin tukang jahit, buat bakul rotan dan sebagainya. Saya harap kaji semula semua kurikulum ini supaya kalau mereka tidak dapat menjadi kelompok masyarakat yang menyumbang di peringkat atasan di dalam pembinaan generasi dan pembangunan negara, mereka dapat menyumbang sebagai orang yang *contributing* di peringkat yang bawah-bawah, mereka menjadi golongan penyokong (*supporting group*) di dalam memberikan *vocation* ataupun kemahiran vokasional ataupun ilmu-ilmu yang diterima di dalam pusat-pusat berkenaan.

Jadi, mesti ada satu inisiatif yang menyeluruh. Mungkin kementerian ini menerusi perbincangan ini, bawalah ke dalam Kabinet. Kaji semula seluruh kurikulum yang diberikan kepada remaja generasi muda Malaysia yang hari ini terdorong berada di dalam penjara oleh kerana '*drug related crimes*' ataupun jenayah yang berkaitan dengan dadah, kurikulum yang diberikan kepada anak-anak yang terpaksa memulihkan diri di pusat pemulihan dadah, kurikulum mesti dikaji di kalangan anak-anak muda yang kita alirkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak dan juga kurikulum yang diberikan kepada anak-anak golongan istimewa.

Sahabat saya Yang Berhormat bagi Tambun tadi mengatakan secara ringkas dia menyebut bidang IT. Saya amat tertarik dengan hal ini oleh kerana kalau kita membincangkan soal *information communication technology*, kita bukan sahaja hendak melatih komputer ataupun *information communication technologies*. Bukan kita hanya mahu mewujudkan *telecommunication engineers* ataupun *computer engineers*. Kita juga memerlukan *the creative side* bermakna aspek-aspek kreatif yang menjadi *content* ataupun perisian kepada keseluruhan industri ICT itu sendiri. Apabila kita memikirkan soal kreativiti kita kaitkan dengan, mungkin *content development, programme development* dan sebagainya. Ini boleh diberikan kepada anak-anak ini. Anak-anak yang di dalam penjara kalau mereka mempunyai qualification ataupun kelulusan minimum SRP ataupun SPM boleh diberi vocation baru iaitu di bidang, umpamanya menjadi mekanik komputer, dan diperkenalkan bagaimanakah kita beri dia program-program CD-Rom mengenai kartun dan sebagainya supaya mereka berfikiran kreatif sambil dia melupakan kegiatan terhadap dadah, lepas itu beri dia input yang betul, dibimbing dengan betul supaya satu hari mereka juga menjadi orang kreatif yang boleh mencipta nama di bidang *content providing*.

Pokoknya mesti ada satu inisiatif di pihak kerajaan, di pihak pemerintah. Jangan kita berhadapan dengan alaf baru tetapi kita bergerak cara lama. Ini yang saya harap dan pada waktu yang sama boleh juga diberikan ilmu-ilmu perniagaan, perniagaan ala-siber, perniagaan menerusi sistem *e-commerce* yang mudah. Umpamanya, kita bimbing mereka macam mana kalau mereka keluar tiga, empat orang yang sebaya dengan mereka, wujudkan satu sistem pengedaran *network distribution* menerusi Internet oleh kerana orang-orang ini memang kenal biasa mengenai sistem pengedaran yang canggih dan sofistikated, *multi-layered*. Budak-budak penagih dadah ini dia terkenal dengan sistem pengedaran dadah yang multi layered. Kita tidak tahu siapa pengedar asal. Jadi, *tap the talent, tap the background* ke arah yang lebih bermanfaat kepada negara.

Itu harapan saya supaya tidaklah mereka masih lagi dikongkong oleh satu latihan anyam rotan. Orang sudah tidak pakai lagi bakul rotan. Jangan lagi suruh dia orang jadi tukang jahit, berapa banyak tukang jahit. Orang sekarang boleh tempah baju menerusi Internet. Jangan latih mereka jadi tukang kasut (*cobblers*) – tidak payah. Kita cari *vocation* baru, *trade* baru yang selaras dengan alaf baru - diberikan kepada mereka oleh

kerana orang ini masih lagi tergolong dalam *productive age*. Orang ini masih lagi umur golongan remaja dan mungkin kanak-kanak kalau kategori kanak-kanak ini sehingga umur 18 tahun. Kita ambil peratusan atau perangkaan seluruh anak muda yang dalam pusat-pusat ini, berapa banyak kalau dibandingkan dengan *total population* ataupun penduduk negara ini, berapa peratuskah mereka sewaktu kerajaan sekarang ini sedang aktif dan memberi fokus yang amat serius terhadap pembangunan sumber manusia.

Saya mengatakan demikian oleh kerana saya duduk dalam Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia MAPEN. Perkara ini mula dibincangkan. Soal anak muda yang tidak mampu melalui proses pendidikan formal boleh disalurkan kepada proses pendidikan vokasional tetapi kalau mereka juga tidak mampu pergi ke pendidikan formal, pendidikan vokasional oleh kerana mereka terpaksa berada di dalam kawasan yang terhad, adakah mereka harus kita *deprive* dengan proses menyediakan diri mereka supaya boleh menempah kelangsungan hidup *survival* di alaf akan datang.

Saya harap 'kakak' Timbalan Menteri yang saya sayangi melihat hakikat ini dengan seriusnya oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang dan kita tidak mahu fenomena yang sekarang ini kita lukis yang kita lihat sedang berlaku di negara-negara lain. Satu hari kalau kita tidak melihat dari segi kesejahteraan generasi muda, kita berhadapan dengan kekangan sumber manusia, kita berhadapan dengan jumlah warga tua yang lebih besar dan kita berhadapan dengan generasi muda yang berhadapan dengan *social destruction* yang terus-menerus. Kita tidak mahu perkara ini berlaku di dalam negara kita yang mempunyai pemimpin yang '*far sighted*', yang berpandangan luas dan sentiasa melihat ke hadapan.

Hakikat ini pun sedang diperbincangkan dengan seriusnya di Amerika Syarikat. Kalau kita *subscriber* kepada CNN, dua, tiga minggu yang lalu kita tengok bagaimana mereka membincangkan soal kependudukan negara dan kekangan-kekangan ekonomi dan sosial dan kemungkinan ledakan-ledakan revolusi sosial dan ekonomi berbangkit dengan kehadiran lebih warga tua dengan kekurangan sumber manusia dan dengan kehadiran generasi muda yang ikut bahasa mak bapa saya iaitu generasi muda yang '*bobrok*' ataupun yang rosak. Saya harap ini diberi perhatian yang amat serius oleh kerajaan.

Yang keduanya ialah mengenai kenyataan Yang Berhormat bagi Marang pagi tadi. Beliau mengalu-alukan undang-undang ini tetapi sepatah dia tidak menyokong. Di dalam beliau mengalu-alukan, beliau cuba mengambil kesempatan untuk memesonkan masyarakat. Beliau mengatakan sekarang ini kerajaan bersalah oleh kerana memaksa rakyat supaya memberi satu kesetiaan yang total, kesetiaan yang mutlak, kesetiaan yang *absolute* kepada kerajaan. Dia kata kakitangan kerajaan siapa sahaja dalam negara ini mesti menumpahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi yang total yang *absolute* kepada kerajaan. Yang diperlukan adalah kesetiaan yang total kepada bangsa, agama dan tanah air.

Rakyat tidak mempunyai kesetiaan yang total, siapa sahaja tidak mempunyai kesetiaan yang total, kesetiaan yang paling total hanya kepada Pencipta kita yang maha kuasa. Itu betul tetapi jangan cuba diselewengkan bahawa kerajaan ini memaksa rakyat supaya memberi kesetiaan yang *absolute*, yang hakiki, yang total kepada kerajaan dan mengatakan perkara ini yang tidak betul. Pandangan itu pandangan yang jahat, pandangan yang sengaja cuba mengelirukan seluruh rakyat membenci kepada kerajaan. Kalau kebebasan pun tidak ada kebebasan total, mana ada lagi kesetiaan yang total. Kesetiaan total tidak ada tetapi kesetiaan harus diberikan kepada mereka yang menyediakan segala-galanya.

Sekarang ini pihak pembangkang cuba mengheret aliran pandangan pendapat rakyat supaya sentiasa terus-menerus membenci kerajaan tetapi mereka tidak sedar bahawa kadang-kadang di dalam usaha yang gigih dan mungkin usaha yang *noble*, usaha yang baik untuk memberi alternatif umpamanya, mereka gagal melihat perkara-perkara yang penting untuk pembangunan generasi. Mereka mengatakan bahawa kita negara yang demokrasi. Ada seorang penulis dalam buku yang baru dalam negara kita menulis "*oleh kerana kita demokrasi, maka kita bebas menulis apa sahaja, kita bebas bersuara apa sahaja, kita bebas bertindak apa sahaja*". Adakah itu demokrasi? Itu adalah kesembronoan hidup. Hidup yang melanggar seluruh undang-undang, hidup yang menafikan batas-batas manusia di dalam memelihara keharmonian dan kesejahteraan. Hidup yang cuba menafikan bahawa *survival* sebuah negara itu terletak di dalam negaranya sendiri. Kalau kita betul-betul orang yang mengamalkan demokrasi, kita tahu limit demokrasi.

Saya telah mengatakan di dalam perbahasan beberapa bulan yang lalu. Saya menghadiri satu *world forum* mengenai demokrasi anjuran Wilton Park iaitu di bawah naungan Kementerian Luar Negeri United Kingdom. Banyak pemikir dunia dibawa ke situ, dia tanya, “*Is there a perfect model of democracy?*”, adakah satu model demokrasi yang sempurna. Jawapannya tidak, jawapannya tidak! Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan di New York baru-baru ini dalam persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu, dia kata “*Rakyat Indonesia didesak supaya mereka mengamal, menganut dan menghayati liberal demokrasi*”. Liberal demokrasi sekarang ini sedang meletakkan negara itu dalam keadaan yang amat huru-hara.

Semalam sahaja tujuh orang sudah luka dengan *car bombnya*, *home-made bomb*, dengan bom yang dibuat di rumah, dengan bom kereta dengan demonstrasi atas jalan, adakah itu hasil demokrasi? Oleh kerana ada orang mentafsir demokrasi kita boleh buat apa sahaja, kita boleh bergerak ke mana sahaja, kita boleh bersuara apa sahaja, ini tidak betul. Demokrasi harusnya dilandaskan kepada keserasian masyarakat itu sendiri. Memang orang-orang Barat sekarang ini mengasak oleh kerana mereka mahu mewujudkan satu dunia yang unipolar. Satu dunia yang hanya berpaksikan kepada mereka, model mereka – model liberalisation, model globalisasi, *model world trade organization*, model ICT dan sebagainya. Mereka mahu kita mengikut mereka, bagaimanakah sekarang ini sengsaranya rakyat Rusia?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang bersama Timbalan Speaker dihantar oleh Tuan Yang di-Pertua menjadi pemerhati kepada pilihan raya pertama di Uzbekistan. Apabila Rusia tumbang, maka orang-orang itu dia *subscribe to liberal democracy* secara membabi-buta sehingga mereka tidak tahu bagaimana hendak regulate satu pilihan raya. Mereka tidak tahu bagaimana hendak mengendalikan pilihan raya. Mereka tidak faham, pilihan raya kepada dia proses pembuangan undi adalah pesta. Lepas pangkah mana sahaja, pergi ke laman itu, dia minum kopi ramai-ramai, kira undi tidak ada wakil calon, bermakna *possibility* atau kemungkinan untuk rigging dan menyalahguna kuasa wujud di mana-mana oleh kerana orang ini tidak diberi persiapan dari segi minda dan kefahaman terhadap *liberal democracy* tetapi seluruh dunia Barat, dia bersorak *with the fall of East Berlin*, dengan runtuhnya Rusia maka kita menjadi unipolar melainkan China, Vietnam dan Kampuchea. Jadi, sekarang ini rakyat Rusia yang tentera, masa saya pergi itu naik

kapal terbang saya naik takut, oleh kerana dulu dia *regimented society*, dia menjadi satu masyarakat yang demokratik, yang bebas, tentera tidak tahu buat apa. Dalam kapal terbang, *dismantle* senjata, main pisau, kita pun naik takut, dia tidak tahu. Bagaimanakah kita harus semata-mata seratus-peratus mengatakan demokrasi yang paling elok adalah demokrasi ala Barat. Tidak betul!

DAP ini selalu begini, Yang Berhormat bagi Teluk Intan dan sebagainya. Dia kata *we want democratic country*, yang dibuat oleh Barisan Nasional tidak demokratik. *We want freedom, we want to subscribe to Human Rights Declaration of human rights*. Apa ada *human rights*? Dulu mereka datang ke negara kita menghancurkan alam sekitar (*environment*) kita, dia buka tin mine mana suka, dia buka lombong besi mana suka, dia buka lombong bijih timah mana suka, dia buat estet, dia terbang pokok, tidak adapun orang kata *we must protect the tropical rain forest*. Kenapa tidak ada? Dahulu mereka pergi ke Afrika Barat dijadikan pengkalan abdi yang paling besar, dibawa ke Amerika to *regulate sugar cane field, weed field* ataupun sawah-sawah gandum ataupun kebun tebu. Mengapa sekarang ini dia katakan *you must not enslave the people are the worlds' population*, mengapa?

Mereka berada di sini, mereka melakukan percubaan-percubaan nuklear bawah laut di Kutub Selatan. Sekarang ini majoriti orang-orang di kepulauan kecil sedang digugat oleh penyakit, anak-anak yang lahir dijadikan anak yang cacat. Adakah mereka melihat ini sebagai *human rights' problem*? Mengapa mereka tidak melihat ini sebagai *human rights' problem*, oleh kerana inilah bencana mereka, sumbangan mereka kepada dunia. Tidak, mereka tidak melihat tetapi ada di dalam kita, di kalangan di dalam Dewan Rakyat ini *hundred percent clinging to Western democracy*, seratus peratus memegang teguh kepada prinsip demokrasi Barat. Mereka tidak mahu cuba menserasikan demokrasi ini kepada masyarakat, bagaimana struktur masyarakat, bagaimanakah *social contract* yang telah wujud sebelum Perlembagaan digubal dan sebagainya, tidak ada!

Mereka datang, kalau orang ini macam ini, oh, ini salah, *human rights!* Orang yang *preaching human rights* itu orang yang menjadi bapa kepada *violators - the biggest violators father's of all violators of human rights problem* suatu ketika dahulu, oleh kerana *human rights* digubal pada tahun 1946. Waktu mereka menjajah negara kita, apa yang dibuat kepada negara kita, ada dia melihat kesejahteraan bumiputera, di mana

human rights, the rights to economic development, the rights to economic progress. Adakah pihak penjajah pernah menggubal satu dasar untuk memberi pembelaan yang sewajarnya kepada bumiputera dalam negara ini, tidak! Mengapa tidak mahu dilaungkan perkara ini oleh pihak DAP, tidak ada! Ini hakikatnya.

Mereka menggunakan konsep-konsep baru yang diketengahkan secara bijaksana, packagenya secara bijaksana. *They already prepared the minds of a few intellectuals* supaya menjadi *catalyst internally*, mereka menjadi penyambut dan penggerak konsep-konsep ini. Adakah kita mahu diperkotak-katikkan oleh konsep-konsep ini secara membabi-buta? Oleh kerana *human rights* bukan sahaja *political rights, human rights* bukan sahaja *individual rights, human rights* adalah hak asasi rakyat, hak asasi pembangunan, hak asasi mendapat pembelaan yang sewajarnya dan sebagainya.

Human rights bukan sahaja memikirkan seorang yang dipenjarakan, *human rights* melihat the *bigger picture*, agenda yang lebih besar di dalam pembangunan sebuah negara dan juga memelihara kesejahteraan sebuah negara. Jadi saya harap, Ahli Parlimen bagi Marang jangan cuba kelirukan. Mengapa tidak pernah dibangkitkan usaha-usaha DAP membawa kanak-kanak sebagai *human shields* – sebagai tembok manusia, dibawa dalam demonstrasi dahulu di Perak dan sebagainya, adakah itu tidak melanggar *human rights*? Bawa kanak-kanak bayi pergi demonstrasi, apa hukumnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat merasa terhiris jiwa saya apabila ada rakyat dalam negara yang merdeka ini, mereka secara membabi buta *subscribing to Western principal* yang memang didesignkan ataupun direkabentuk sedemikian rupa supaya rakyat negara yang telah merdeka ini kembali jadi tidak stabil, huru-hara dan akhirnya boleh mereka dominasikan semula dalam bentuk apa yang mereka suka.

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hendak cakap apa?

Tuan M. Kulasegaran: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payah, nanti dahulu.

Tuan M. Kulasegaran: Ini cakap tidak habis-habis.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu.

Tuan M. Kulasegaran: Okay, okay.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya amat prihatin dengan apa yang berlaku di Indonesia. Saya amat prihatin dengan tiupan-tiupan *The coinage of new words and terminology*", dengan pewujudan terminologi baru dan perkataan-perkataan baru, maka jadi *'destabilized'* dan timbul *'destruction'* dan *'revolution'* di Indonesia.

Apabila dalam keadaan yang lemah, maka masyarakat dunia (*world community*) masuk dan kata mesti beri, buat referandum sama ada hendak beri autonomi atau kemerdekaan kepada Timor Timur. Dalam keadaan yang paling lemah, dalam keadaan mereka masih lagi mabuk dengan liberal demokrasi yang baru lagi bebas dengan demokrasi terpimpin, maka dalam keadaan yang lemah itu *being imposed by international community* bahawa kau mesti adakan referandum untuk Timor Timur.

Tuan Yang di-Pertua, kita yang biasa dengan Mesyuarat-mesyuarat AIPO kita tahulah. Dalam satu Mesyuarat AIPO di Jakarta, berhadapan dengan paderi besar Indonesia, dia minta dibebaskan Timor Timur. Saya bukan hendak menjadi *religious fanatic* dalam konteks ini tetapi dengan masyarakat Indonesia disogokkan dengan Konsep Liberal Demokrasi tanpa mereka menyiapkan *mind set*'nya mengenai apa itu liberal demokrasi yang sebenarnya, maka hampir runtuh sebuah kerajaan. Sekarang ini negara itu hampir dipecahbelahkan dan telah pun terbukti *'international community'* sekarang *'dictate'* kepada Kerajaan Indonesia. Adakah Malaysia hendak sedemikian rupa? Yang dia sedar sekarang ini, ke hulu ke hilir menjual konsep demokrasi, kebebasan menerusi Barisan Alternatif kononnya. Apa dia? Kita tidak rela negara ini diporakperandakan oleh orang-orang yang membawa konsep-konsep Barat, konsep-konsep yang di *'design'* untuk *'new colonialisme'*, untuk kolonialisme baru di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat bagaimana sedihnya hati saya. Waktu itu kami berada di CPA di Trinidad . Saya lihat CNN *'the withdrawal of Indonesian soldier'*, pengunduran askar-askar Indonesia diiringi dengan perkara-perkara dan perbuatan luhah ditunjukkan. Sebuah kerajaan yang bermaruah, sebuah kerajaan yang dimerdekakan dengan titisan darah, sebuah kerajaan yang diperjuangkan atas kebangkitan seluruh rakyat Indonesia, 200 juta orang dengan umat Islam seramai lebih 120 juta orang. Negara Islam diganggu-gugat oleh kerana liberal demokrasi yang disogokkan secara membabi-buta, maka kita lihat tentera Indonesia berundur dengan iringan perkara-

perkara yang tidak seharusnya berlaku. Mereka tidak lagi dapat mengangkat wajah dengan rasa bangga -*The dignity of a nation was death*. Maruah sebuah negara mati apabila askar Indonesia berundur dari Timor Timur dengan iringan perbuatan-perbuatan yang terkeluar daripada hukum moral dan hukum akal. Adakah perkara ini mahu kita laksanakan di sini? '*Go ahead*'.

Mana ada DAP bangun hendak membincangkan Akta Kanak-kanak. Langsung dia tidak berminat. Oleh kerana mereka berminat dengan politik, belasah sahaja. Tidak ada langsung. Mereka '*subscribe to human rights*', cara membabi-buta. *Human rights* DAP, *human rights* Lim Guan Eng. Itu sahaja

Tuan M. Kulasegaran: Boleh habis sekarang atau tidak? Saya hendak bahas.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak beri peluang lagi, saya hendak bercakap lagi. Nanti you hendak bercakap, you cakap dahulu.

Tuan M. Kulasegaran: Ini cakap di luar tajuk, pergi sana, pergi sini. Ini kanak-kanak punya halkah? Apa ini!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tahulah oleh kerana saya berfikiran – saya bincang kanak-kanak,

jadi saya tidak mahu anak-anak di dalam pusat-pusat ini diberi juga '*political believe*', pandangan-pandangan universal ke arah kesejahteraan. Jangan mereka juga diizinkan untuk dipesongkan oleh orang-orang PAS, orang-orang DAP.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang PAS dekat kampung saya sekarang, dia gunakan isterinya. Isterinya guru, dia kata, "*Esok ada ceramah Keluarga Bahagia*". Ini dieksploitasikan. Ceramah keluarga bahagia seorang ustazah datang berceramah, dia kata, "*Emak dan bapa mesti pergi, kalau bapa tidak pergi, emak pergi*", maka anak pun menangis, "*Emak nanti kalau tidak pergi, cikgu marah*". Emak pun pergi. Dalam ceramah Keluarga Bahagia itu, dia '*subvert the government*'. Adakah *subversion to the government* melahirkan keluarga yang bahagia? Perkara ini berlaku.

Sekarang ini ada orang yang berhadapan dengan dilema kesukarelaan (*volunteer racism*). Dia kerja sebagai kakitangan kerajaan - segelintir daripada mereka. Tetapi di belakang dia belasah kerajaan. Dia ambil gaji daripada kerajaan, dia beli susu beri anak. Ada juga kawan-kawan kita yang berhadapan dengan dilema sedemikian sekarang ini. Oleh kerana mereka tidak mampu menggarap apakah itu sistem kebebasan. Mereka tidak

mampu menggarap bahawa kebebasan ada sekatan, ada susilanya, ada moralnya, ada budi bahasanya, tidak ada. Dia tidak berani. Pergi berdiri di atas pelantar PAS, dia kata begini-begini. Mula-mula berdiri, selepas Assalamualaikum dengan doa yang diiringi seolah-olah dia hendak menitiskan air mata, mula-mula keluar, perkataan fitnah. Bagaimanakah kita mahu menafsirkan perbuatan macam ini? Adakah mereka tidak *subvert* kepada kewujudan sebuah bangsa yang sejahtera di masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil masa sedikit lagi kerana saya amat sedih. Saya katakan tadi, saya menitiskan air mata melihat apa yang berlaku di Indonesia. Memanglah, ayah saya berasal dari Bugis, dari Sulawesi, emak saya dari Jawa Tengah dari Kendal. Tetapi tidak ada pertalian sentimen saya dengan Jawa atau dengan Bugiskah, tidak ada. Tetapi kita melihat sebagai sebuah warga nusantara. Perkara yang berlaku di Indonesia adalah cermin yang paling dekat untuk kita melihat bagaimana bayangannya kepada kita. Kita lihat, bagaimana yang berlaku di Indonesia. Kita hendak iktibarkan di dalam negara kita? Itulah dia, dahulu demokrasi terkawal, dia pergi buka kepada demokrasi liberal, seliberalnya, maka macam-macam berlaku.

Sekarang ini MPR Indonesia, kalau mengikut laporan CNN "*They being dictated by street matches*" oleh pendemonstrasi atas jalan. Adakah pendemonstrasi-pendemonstrasi itu mempunyai hak mengundi? Mengapa harus sebuah kerajaan, Dewan yang agung, yang mulia harus mendengar '*street matches*'? Di mana '*the majoriti of Indonesian*'? Mana suaranya? Adakah suaranya orang-orang yang memiliki '*stock broking firm*' di Indonesia sedangkan mereka mungkin orang Barat. CNN tidak memaparkan suara-suara orang Indonesia dalam komennya. Kita tengok daripada Lehman Enterprise, dia memberi komen mengenai politik di Indonesia. Siapa mereka? Di mana suara orang Indonesia?

Oleh kerana sekarang ini timbul strategi-strategi atau perancangan-perancangan yang saya katakan rapi. Dia menguasai media, dia menguasai *trade*, dia menguasai '*finance*', dia menguasai '*world politics*'. Apa lagi yang dia hendak? Dia bolehlah.

CNN memaparkan bagaimanakah psikologi mentaliti orang-orang Australia yang menjadi tentera yang hari ini bergerak di Timor Timur. CNN memaparkan satu dokumentari bahawa mereka pergi dengan '*war mentality*'. Mereka pergi dengan '*war psychology*', bukan '*peace keeping psychology*'.

Adakah ramai orang yang tahu, adakah orang PAS baca mengenai ini. Supaya orang jangan tengok televisyen, dia kata maksiat. Oleh kerana mereka tidak mahu pengikut dia tdedah pemikiran, membuka minda. Oleh kerana dia pergi dengan mentaliti berperang, bukan mentaliti menjaga keamanan, maka jadilah rakyat Indonesia macam ‘anjing’, diikat leher dengan senjata. Ha engkau, heret!. Di mana maruah sebuah negara yang merdeka? Di mana maruah seorang rakyat yang merdeka? Tidak ada. Perkara ini tidak mustahil boleh berlaku. Tidak mustahil berlaku di negara kita. Bermakna perkara ini mungkin boleh berlaku di negara kita kalau hari ini kita terlupa, kita mengizinkan diri kita dikelirukan dan kita sengaja mengelirukan diri kita dengan pandangan yang menuju ke arah kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi sebak dengan apa yang berlaku. Kita lihat apabila Kosovo memerlukan satu pembelaan yang segera. Apa yang dibuat? Dia hanya hantar ‘*airial support*’ sahaja, bantuan udara. Apabila orang Bosnia memerlukan bantuan yang segera. Dia main diplomasi. Dia main ‘*armchair diplomacy*’. Dia main perundingan *European Parliament*, dia pakai situ, dia pakai sini.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Mengapa tidak ada ‘*immediate dispatch of soldiers*’? Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kepong bangun, Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, Kepong itu adalah dia punya mutu sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berterima kasih kepada Parit Yang Sulong, cuma pendekkanlah ucapannya. Saya hendak ambil bahagian juga. [*Ketawa*] dan saya pun tidak setuju dengan pengaruh ataupun penjajah moden kita dari Amerika Syarikat ataupun Eropah. Saya tidak setuju.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti sentiasa berhati-hati supaya boleh mengelakkan daripada dikongkong oleh pihak mereka. Cuma hari ini kita hendak bincangkan

mengenai kanak-kanak. Macam mana kita boleh memelihara kepentingan, kebajikan dan masa depan

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay.

Dr. Tan Seng Giaw:kanak-kanak . Itulah kita tumpukan perhatian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: All right. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong sedar atau tidak? Berapa juta kanak-kanak terkorban menerusi peperangan Dunia Kedua? Berapa juta kanak-kanak terkorban oleh peperangan Dunia Kedua, tidak kiralah dia Yahudi hingga ke non-Yahudi. Berapa juta orang terkorban?

Saya mengatakan hakikat ini apabila kita kata, jangan keliru dengan konsep demokrasi liberal ala Barat. Saya hendak supaya kita sama-sama memelihara kemerdekaan negara. Hanya sebuah negara yang merdeka, mampu mencartakan pembelaan untuk rakyatnya. Kalau negara sudah menjadi Bosnia, apa hendak jadi? Tua, muda kena rogol. Apa hendak jadi? 'Nyawa di hujung tanduk' orang kata, '*When am I going to die*'? Itulah kaitannya saya dengan membincangkan soal ini.

Yang Berhormat bagi Kepong, kita sama-sama dalam Persidangan International Parliamentarians Against General Side In Bosnia (IPGB). Brand Yang Berhormat bagi Kepong ini dia brand '*miles*' sekali. Boleh ditonton oleh mereka di bawah 18 tahun. Tetapi brand yang di sana Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Jelutong itu, dia *brand XXX*. Dia mungkin *subscribe* kepada '*world peace and against new colonialism*' tetapi kita belum tahu sama ada parti dia '*world peace and against new colonialism*'. Saya tidak tahulah and '*I cannot t say*'. Nantilah, kalau dapat peluang berucap apabila saya berhenti, you cakaplah. Belakang pun ada audience lagi, tidak apa

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahululah. *I want to shorted*, dengan izin, saya sudah hendak habislah ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, saya sudah hendak habis.

Jadi, saya jawab soalan dia tadi. Yang saya meleret kepada '*world peace*' kepada liberal demokrasi kepada Timor Timur ini kenapa? Oleh kerana, soal saya balik, berapa juta kanak-kanak terkorban, berapa juta anak-anak di Afrika '*dark continent of Africa*'? Berapa juta anak-anak di negara India yang sekarang ini sedang mencapai jumlah penduduk satu bilion? Berapa juta yang dipersundalkan? Tanya diri sendiri, mengapakah anak-anak di negara India dijual oleh emak dan bapanya ke rumah pelacuran? '*Just to maintain the other bigger part of the family*', untuk menyara family yang lebih besar, dia korbakan. Anak di bawah umur, pergi hantar ke rumah pelacuran. Kalau tidak percaya baca *magazine*. '*Open up your mind*'. Saya baca, berapa ramai anak-anak di negara Afrika yang hari ini '*being bondage, live in bondage*', hidup di dalam pengabdian, kerana emak dan bapa dia miskin.

Mengapa anak-anak di negara Thailand dan wanita-wanita yang berada di bawah umur melacurkan diri? Oleh kerana kemiskinan, apakah sebab kemiskinan? Oleh kerana tidak ada kestabilan. Tidak ada satu inisiatif yang kukuh untuk memberi pembelaan kepada rakyat. Itu hakikatnya.

Jadi, pokok paling pokok bukan sahaja perpaduan negara, kita juga harus mempunyai '*national resilient*', kita harus mempunyai ketahanan negara. Kita harus memberi kesetiaan kepada raja dan tanah air. Itu dia. Pokoknya kalau kita hendak main politik, kalau kita hendak memihak, memihak dengan budi bahasa. Memihak dengan prinsip moral yang bijaksana. Bukan memihak secara orang gila. Itu pokoknya.

Oleh kerana saya hendak perkata soal ini. Hari Selasa yang lalu Ketua Pembangkang datang masuk ke sini seolah-olah dia baru lepas pesta arak pagi itu. Di sebelah petang pun dia masuk sekali lagi begitu. Saya tidak tahu, adakah itu wajah, profail seorang pemimpin yang bertanggungjawab untuk membawa negara ini ke arah kemakmuran dan kesejahteraan di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payah, nanti jawablah. Beri peluang kepada saya dahulu.

Saya terperanjat dia masuk tiba-tiba kata orang ini tidak betul, kata orang ini tidak betul, siapa yang betul? Adakah diri mereka betul? Tetapi kalau dia cakap secara

berbudi bahasa, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa panjang sangat? Ini tidak, saya kata macam orang lepas berpesta. Datang *'like a wild dog charging'*. Kalau *'wild dog'* itu tidak apa juga, ini *'wild bulldog'* datang masuk ke dalam Dewan yang mulia ini. Apa ini? Dua kali, tengah hari pukul dua belas dia masuk, pukul empat sekali lagi dia masuk. Saya hendak tanya kepada seluruh negara dan Dewan yang mulia ini, termasuk yang berada di belakang ini, adakah itu profail seorang pemimpin yang cuba memberi alternatif kepada pemerintahan negara? Jawabnya, tidak. Kalau itulah profail seorang pemimpin yang hendak membawa kesejahteraan kepada negara, jawabnya lingkuplah bangsa Malaysia.

Wahai bangsa Malaysia, termasuk Yang Berhormat bagi Kepong, demokrasi mengizinkan perbezaan. Tetapi karenah orang-orang yang cuba hendak membawa perbezaan itu mesti dengan akal yang tinggi, moral yang baik, budi bahasa yang mulia. Kalau tidak, tidak payahlah. Saya minta profail Ketua Pembangkang ini diketahui oleh seluruh dunia. Bagaimana kalau waktu anaknya di dalam penjara, dia datang ke sini pun macam hari itu jugalah. Ini profail seorang yang sedang menyediakan dirinya untuk memerintah Malaysia. Kalau inilah profailnya seorang pemimpin Malaysia di millennium baru, jawabnya kita tutup sahajalah, kiamatkan Malaysia ini. Tidak payah, tidak rela kita berlindung di bawah kepimpinan seorang yang profailnya begitu. Tidak payah kalau itulah profailnya.

Saya hairan juga mengapa ada orang-orang daripada PAS, sehingga sanggup mengorbankan niat perjuangannya mewujudkan negara Islam asal dia boleh berganding bahu dengan rapat dan menumbangkan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang. Ini juga satu profail yang membingungkan.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:Profail yang DAP macam itu, bukan DAP Kepong, saya kata, duduklah. Nanti saya beri peluang, duduk dahulu.

Profail DAP, pemimpinnya macam itu. Profail PAS, Mursyidul Amnya macam itu. Ini di antara profail-profail pemimpin Barisan Alternatif yang sekarang ini mengasak, mengajak, melanyak untuk menumbangkan Barisan Nasional dan dia kata, "*Kamilah barisan yang paling layak memerintah Malaysia dalam alaf yang mendatang*".

Saya rasa rakyat Malaysia sudah jadi kurang waraslah kalau memilih pemimpin-pemimpin yang begini. Jangan sekali-sekali diizinkan. Mudah-mudahan dijauhkan oleh Allah S.W.T bahawa profail-profail yang sedang kita lihat ini satu hari nanti menjadi pemimpin negara dan saya harap tidak ada lagi mana-mana pihak masyarakat yang mengatakan demokrasi itu hak dia, bersuara tidak ada limit, hak dia bergerak tidak ada limit, hak dia bercakap tidak ada limit, hak dia menghentam tidak ada limit itu, betulkan sedikit. Jangan kita gunakan, kalau ada di antara golongan yang menggunakan pen yang tajam sebagai sebilah pedang, jangan gunakan mata pena itu sebagai pedang yang boleh membunuh seluruh masyarakat sehingga dirinya hidup dalam satu '*isolated island*' macam Robinson Crusoe.

Oleh kerana kalau semua orang dia hendak bunuh, esok dia hidup bersendirian. Dia dengan keluarga, sedangkan dunia akan datang, '*is a network world*', satu dunia yang berangkai. Dalam keadaan sekarang '*no man is an island*'. Tidak ada seorang yang boleh dianggap dirinya boleh memulaukan dirinya sendiri, tidak boleh. Kalau hendak katakan orang ini tidak betul, cakap dengan baik. Ini ada setengah golongan, dia gunakan mata pena, lanyak kerajaan sebeb-bebasnya, macam-macam dia lanyak dan ada yang gunakan kepintaran dalam IT pula yang menyebarkan apa sahaja tanpa limit. Sama ada melanggar *boundary* akal, melanggar kerasionalan akhlak, apa sahaja semua, asalkan halal dan dihalalkan oleh demokrasi.

Ini yang salah, sebab itu saya pernah bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai *cyber democracy*. Saya bercakap mengenai *cyber democracy* setahun yang lalu. Oleh kerana demokrasi siber ini menyerupai demokrasi '*Roman Step*' di mana *direct democracy* iaitu *direct* ke bilik studi saya, saya boleh cakap apa sahaja, *the world will become my audience*. Ini *direct democracy*, perkara ini kalau ikut perkembangannya baguslah, bermakna literasi komputer dan ICT dalam negara ini memang bagus tetapi kalau ICT itu dijadikan saluran meruntuh sebuah negara, apa hukumnya?

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nantilah, sabarlah. You boleh kontrol sampai lusa pun tidak apa. *This is my stage*. Saya tengah ada mood hendak bercakap pasal bangsa saya, bangsa Malaysia. Saya berkata mengenai *cyber democracy* lebih kurang setahun yang lalu. Mengapa saya mengketengahkan soal demokrasi. Sekarang ini ada *e-sovereignty* iaitu kedaulatan elektronik. Saya lebih mementingkan *cyber democracy and the future politics of Malaysia*. *Cyber democracy and the future politics of Malaysia*. Bagaimanakah kita harus membentuk kebangkitan *cyber democracy* ini secara bertatasusila.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sabar, lima minit lagi. *Cyber democracy* - apa itu *cyber democracy*? *Freedom of speech*. Memanglah di alam siber, Yang Berhormat bagi Kepong pun tahu tapi boss dia daripada Tanjong itu lebih siber lagi daripada dia. Di alam siber memang kebebasan *is absolute, you are empowered to be free*. Apabila kita mempunyai kemahiran untuk menguasai komputer dan mempunyai sebuah komputer dengan talian telefon and *we have knowledge to serve the internet then you are empowered to be free*. Kita diberi kuasa untuk membebaskan diri tetapi kebebasan itu harus digandungi dengan akal dan kesejahteraan. Kesejahteraan dengan keinsafan terhadap kelangsungan bangsa dia. Kalau kebebasan itu untuk kita menyumbang ke arah keruntuhan sebuah negara dan sebuah bangsa, hentikanlah.

Kita insaf, kalau rasa marah kita salurkan marah cara yang baik, pilihan raya *the ballot box is the best alternative* untuk kita merasakan pendirian kita terhadap apa yang berlaku, tidak payah kita huru-harakan jalan-jalan kita, tidak payah kita huru-harakan masyarakat kita, tidak payah kita hasut rakyat dalam kelas, tidak payah kita hasut guru-guru supaya membunuh kerajaan, tidak payah.

Oleh kerana demokrasi dalam Malaysia ini mempunyai satu schedule, satu peluang yang telah pun berjangka iaitu lima tahun sekali gunakan ballot box, tunjukkan di mana pendirian kita terhadap kerajaan. Tidak payahlah, umpamanya Wakil Rakyat punya projek dilambat-lambatkan di kawasan-kawasan. Dia hendak panggil tender, Wakil Rakyat punya RM5,000, lambat-lambat, tidak payah. Oleh kerana kalau kita betul-betul bertanggungjawab yang ada ini, tugas kita selesaikan dahulu.

Sewaktu kita diberi peluang untuk membuat pengadilan, kita buat pengadilan. Sewaktu kita bekerja, kita kerja, ini ada - bukan semualah, yang di dalam ini semuanya baik-baik. Segolongan kawan-kawan kita, kakitangan kerajaan, sego longan kecil, saya kata tadi, ambil duit kerajaan, kerja dengan kerajaan, beli susu anak dengan kerajaan tetapi dalam pejabat belalah kerajaan. Ini macam mana?

Saya kata kalau tidak ada kesukarelaan, saya kata berhentilah, oh... dia kata *“You throw me out, I challenge you through General Order”* - *“You buang saya, saya challenge you menerusi Peraturan Am”*. Memanglah, tetapi mengapa kita harus confrontational. Semalam saya kata dengan anak-anak buah sayalah, saya kata *‘bebas untuk berpolitik, your political learning is yours’* saya kata. Hak politik saudara, kalau hendak pergi ofis, sangkut – duduk dahulu orang PAS, dalam rumah jangan pergi ceramah, *‘nanti aku balik office, aku bawa engkau pergi ceramah’*. Ini dalam ofis pun ceramah, yang ada ambil kesempatan dalam kuliah-kuliah sembahyang Zohor, berceramah. Mula-mula tadi baguslah, macam Marang dengan hadish, dengan ayat Quran, dengan Firman lepas itu kata kita, ini kerajaan salah diberi sokongan yang total.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong tentang adanya pegawai-pegawai kerajaan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sentiasa mengkritik kerajaan dan menentang kerajaan.

Apakah pada pendapat Yang Berhormat, mereka ini merupakan produk taman didikan kanak-kanak yang mungkin 30 tahun dahulu, yang dianjurkan oleh parti pembangkang, yang pada masa itu memang menanam semangat negatif pada pemikiran mereka.

Jadi, sebenarnya ini adalah salah satu daripada abuse atau penyalahgunaan kanak-kanak yang memang cuba dibendung oleh akta ini. Apakah mereka sekarang, terdapat begitu aktif menentang kerajaan sebenarnya adalah produk taman bimbingan ini, yang memang tidak boleh buat apa sebab mereka sudah dipesongkan pemikiran mereka.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, soalan itu bagus tetapi saya tidak termampu untuk mengkaji profile seseorang itu dan golongan yang ada itu pun

kecil, saya kata tetapi kecil ini kadang-kadang oleh kerana dia berdiri atas agama, yang lain tunduk muka, tidak berani hendak angkat muka, ehh.. janganlah buat, tidak berani. Oleh kerana engkau hendak tentang aku, kau tidak Islam, ini yang bahayanya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang mengatakan soal kanak-kanak, bagus pasal kanak-kanak tadi.

Salah satu perkara yang sekarang ini sedang dialami oleh Jawantankuasa Sumber Manusia dalam MAPEN adalah bagaimana kita hendak menggunakan ibu-ibu yang berpendidikan tinggi, yang telah dapat scholarship kerajaan, pinjaman kerajaan tetapi apabila mereka berumah tangga dia terpaksa berhenti oleh kerana hendak menjaga kesejahteraan keluarga. Maka kerajaan kebocoran duit berapa banyak juta, oleh kerana sekarang ini wanita dominan dalam negara, yang bijak pandai pun ramai wanita.

Apabila sudah dapat Master, berkahwin dia berhenti. Hendak cari orang gaji nanti anak dia terbabit dengan *liberal democracy* Indonesia pula ataupun demokrasi ala Filipina. Jadi, dia berhenti, saya kata harus diwujudkan satu tadika ataupun Taman Asuhan Kanak-kanak di mana-mana pusat di mana ada orang bekerja. Kalau dalam jabatan kerajaan wujudkan secara elok, kalau dalam factory wujudkan secara elok tetapi ada wakil daripada *Malaysian Industrial* mengatakan, dia kata tidak ada insentif yang betul, dia kata kita hendak lihat anak, pukul 10.00 hendak pergi menyusukan anak, maklumlah susu ibu, susu yang paling tinggi khasiat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tahulah. Jadi, mesti ada satu inisitif dasar yang paling comprehensive supaya diwujudkan pusat-pusat pemeliharaan bayi dan kanak-kanak di mana pun ada pusat pekerjaan.

Perkara ini telah pun diberi insentif cukai dua, tiga tahun yang lalu tetapi reaksi industri lembab, jawab dia, dia kata "*There's not enough initiative, tidak ada inisitif yang cukup*". Jadi, kalau kita hendak, saya sudah katakan tadi '*the world profile, population profile*' tadi dengan piramid yang terbalik, kalau besok sudah ramai orang yang tua-tua ini yang tinggal di atas, yang di bawah ini muda sedikit, kita kena *derive* orang-orang yang macam ini, itu kita punya *labour force, work market*.

Jadi, adakan pusat pemeliharaan kanak-kanak di semua agensi pekerja, baik swasta mahupun awam dan perkara ini harus dibuat secara bersungguh-sungguh, walaupun kerajaan telah membuat, memberi inisitif, insentif dasar, I insentif cukai tetapi

layanannya lembab dan tidak ada orang yang memperjuangkan. Hari ini saya bersuara oleh kerana mungkin wanita-wanita sudah bercakap lebih awal, nama saya wanita, Ruhanie, saya '*qualify*'lah untuk memperjuangkan wanita.

Satu perkara lagi, mungkin terkeluarlah dari kementerian iaitu mengenai waktu anjal ataupun sistem pengambilan kerja secara anjal, bermakna fleksibel iaitu orang-orang yang berkelayakan, yang berkelulusan, dia ada anak, mungkin kalau ada sistem tadi, ada pusat pemeliharaan anak-anak, dia boleh pergi bekerja pukul 10.00, balik pukul 3.00. Oleh kerana dia punya kebijaksanaan otak itu memang terbukti sampai peringkat Master atau Ph.D tetapi kesudahannya ayuh, alasannya hendak membina keluarga bahagia. Adakah ini kos yang paling tinggi harus diberikan untuk membina keluarga bahagia atau kita harus mencari approach atau pendekatan yang lebih pragmatik untuk mewujudkan keluarga bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap panjang sangat hari ini dan Yang Berhormat bagi Kepong sudah terhenjut-henjut banyak kali. Pada saya, dia hanya bercakap, berani bercakap apabila Tanjong tidak ada, kerana sekarang ini kalaulah *anytime* dia ini *overshadow* Tanjong, cuma Tanjong itu dia punya garang sahaja, sedangkan Kepong ini lebih waras. Kalau DAP ini macam Kepong, boleh tahanlah juga tetapi kalau DAP macam Tanjong. Dia orang yang waras, dia tidak berani pula menegur perbuatan Tanjong, ini yang menghairankan. Saya amat hairan ya, tetapi kalau dia bersuara, kena buang, ha, itu *liberal* democracy – demokrasi terpimpin, demokrasi atau ditaktorkah, tidak apa, *the time is running*, minta maaf. Kubang Kerian pun sama juga, semalam cakap macam-macam, bagus cakap tetapi kalau di luar bersyarah, *masya Allah*, cuma saya sudah minta ada perjanjian, jangan pergi ke Parit Sulong.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sekarang ini bagus, dia ada perubahan sejak dia masuk Gua Hira' dia mendapat fatwa, dia sekarang ini *slobber* sedikit. Jadi, kalau di luar pun *slobber* ah sedikit, jadi boleh dapat fatwa-fatwa yang lebih mujarab dan mustajab.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong penuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Kepong.

3.52 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang peka kepada keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong dia menjelajah ke seluruh dunia. Jadi, satu perkara yang biasa dibuat tidak kena mengena dengan rang undang-undang ini. Di dalam beberapa minit lagi saya akan membangkitkan beberapa perkara yang kait mengait langsung dengan rang undang-undang ini.

Yang pertama, memang kita mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dalam tempoh beberapa tahun ini sudah pun berusaha tetapi terlalu lewat sedikit sehingga dapat membentangkan, memang lewat berapa tahun...

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bukan liwat?

Dr. Tan Seng Giaw: Jangan kita salah eja kerana pada masa sekarang sangat sensitif perkara ini. Jangan kita salah eja, salah sebut. Lewat – terlewat, itu tidak ada sensitif. *[Ketawa]* ‘Pokok Angsana’ dia memang ada telo sedikit, kadang kala sebutan dia itu salah. Walaupun ada usaha yang baik tetapi mengambil masa yang terlalu panjang untuk membentangkan rang undang-undang ini dan saya nampak satu perkara yang baik iaitu satu rang undang-undang yang menyeluruh dan komprehensif untuk merangkumi hampir semua aspek mengenai kanak-kanak.

Cuma satu aspek bagi saya tidak cukup iaitu mengenai psikologi dan mental kanak-kanak sebab saya pun percaya Yang Berhormat Menteri walaupun dia sedar tetapi tidak begitu mendalam mengenai mentaliti dan psikologi kanak-kanak yang menghadapi kesusahan, ibu bapa yang meninggal dan sebagainya. Memang seseorang kanak-kanak apabila menghadapi kesusahan seperti ini, putus asa, tiada harapan dan tidak tahu apa hendak dibuat kerana masa hadapan tidak ada.

Bagi seorang kanak-kanak yang biasa, memang ia memerlukan ibu bapa yang kasih sayang kepadanya dan sebagainya dan ada masalah sahaja dirujuk kepada ibu bapa dari rebung lagi dan itulah yang biasanya dilakukan dan Yang Berhormat Menteri, beliau kurang faham mengenai psikologi. Saya faham, dia akan jawab saya, dia sebagai ibu memanglah fasih, faham, pandai dan mahir di dalam semua bidang ini tetapi saya ingat daripada rang undang-undang ini, saya nampak kekurangan dari segi psikologi dan

mentaliti seorang kanak-kanak yang menghadapi kesusahan yang termaktub di dalam rang undang-undang ini.

Sebab itulah saya menyeru supaya pihak kementerian mengambil perhatian mengenai masalah kaunseling, disebutkan kaunseling di sini, memang baik tetapi tidak cukup. Mengenai latihan untuk *child psychologist*, ahli psikologi kanak-kanak dan tidak ada peruntukan untuk latihan pakar psikologi kanak-kanak. Ini memang satu kelemahan di dalam rang undang-undang ini. Saya akan menganalisis mengapa kita memerlukan *child psychologist* latihan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak sebutkan mengenai kanak-kanak yang lari. Kita mengadakan di dalam rang undang-undang satu peruntukan untuk menangkap kanak-kanak yang lari dari penjaga. Tetapi tidak ada peruntukan untuk mengadakan siasatan yang lengkap dan laporan dibentangkan mengenai penjaga. Penjaga itu penting kerana kita tidak tahu sama ada penjaga itu bermutu tinggi misalnya. Benar-benar layak menjaga kanak-kanak itu, sebab saya sebutkan hal ini ada laporan di London misalnya penjenayah '*fidofield*' yang suka kepada kanak-kanak dari segi seksual.

Ada penjenayah melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang menganjur program-program, projek-projek melalui badan antarabangsa untuk menjaga kanak-kanak di seluruh dunia yang menghadapi kesusahan dan mereka gunakan kesempatan ini untuk mengamalkan penjenayahan '*fidofield*'. Ini menunjukkan walaupun ada penjaga sama ada berbentuk institusi atau berbentuk seseorang individu, memang kita mesti ada peruntukan untuk mengetahui sama ada pertubuhan institusi itu atau seseorang itu benar-benar layak untuk menjaga kanak-kanak di negara ini.

Sebab itu saya kesal sedikitlah tidak ada peruntukan untuk menyiasat dengan teliti bagi mengetahui institusi atau seseorang yang menjaga kanak-kanak itu dan satu peruntukan perlu diadakan untuk menyiasat dari masa ke semasa pihak penjaga, sama ada layak lagi ataupun tidak, sama ada menjadi seorang '*fidofield*' ataupun tidak. Ini memang satu perkara yang paling penting yang saya tidak nampak disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong ataupun dari orang lain termasuk Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, dia memang lantang tetapi mengenai masalah yang pokok, yang penting untuk rang undang-undang ini tidak satu pun disebutkan.

Saya pun kesian kepada rakan-rakan, kalau satu jam setengah, sampai pukul 4.30 pun tidak habis, dengan point-point yang ada ini. Tetapi kita kesian kepada semua, kita bekerjasama kerana semangat kita bekerjasama, dalam tempoh berapa minit kita boleh habiskan apa yang penting, yang pokok untuk rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mengenai siasatan perlu diadakan ke atas penjaga dari masa ke semasa dan apabila seseorang kanak-kanak itu lari kita mesti tahu apakah sebab musababnya seseorang kanak-kanak itu lari, mungkin kerana prosedur-prosedur tahanan itu tidak betul ke atas kanak-kanak itu. Sebab itulah saya menyeru supaya kita mempunyai kaedah untuk menyiasat apabila seseorang kanak-kanak itu lari daripada penjaga, penyiasatan dengan menyeluruh untuk mengetahui apakah sebenarnya berlaku di antara penjaga dan kanak-kanak jagaannya, itu memang satu perkara yang penting.

Mengenai mahkamah untuk kanak-kanak. Ini memang satu perkara yang penting kerana mahkamah biasanya untuk orang dewasa, sama ada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi semua itu untuk orang dewasa. Hakim pun biasa dengan hal dan masalah orang-orang dewasa bukan untuk kanak-kanak. Di dalam rang undang-undang ini tidak disebutkan mengenai hal bagaimana mahkamah-mahkamah dan hakim-hakim dapat menyesuaikan untuk kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang berhadapan dengan masalah.

Ini adalah satu kelemahan lagi yang walaupun Yang Berhormat Menteri mengambil masa bertahun-tahun tetapi kelemahan seumpama ini yang pokok tidak diambil pusing. Itulah satu masalah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Pokok Sena bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagaimana Yang Berhormat bagi Pokok Sena tahu hal kanak-kanak. *Coxsackie* pun tahu tapi kanak-kanak mana boleh tahu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sebab nampak Yang Berhormat bagi Kepong bercakap ini, dia pun kalau hendak diikutkan kepakarannya ialah pakar kulit sahaja, bukan psikologi. Adakah Yang Berhormat bagi Kepong tahu apabila sesuatu akta ataupun bill ini hendak diwujudkan, bukannya Menteri seorang sahaja hendak

memikirkan semua perkara ini. Saya percaya tentu perkara ini akan diminta pendapat, dirunding dengan psikologi, dengan bermacam-macam source untuk hendak mewujudkan satu akta yang ada di depan kita ini. Saya tidak percaya kalau dikatakan Yang Berhormat Menteri memikirkan perkara ini untuk mewujudkan setebal ini.

Jadi Yang Berhormat bagi Kepong ini berpendapat bahawa Menteri memikirkan semua ini dengan tidak ada *feed-back* daripada psikologi dan bermacam-macam 'gi' lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Saya gembira jugalah sebab dia berminat tetapi kita boleh bersama-sama mendalami masalah yang dihadapan kita, sebab walaupun Yang Berhormat tahu mengenai mahkamah tetapi Yang Berhormat tidak begitu biasa dengan selok-belok mahkamah, selok-belok tugas hakim dan undang-undang kerana hakim sudah biasa dan mahir dengan undang-undang untuk orang-orang dewasa, bukan untuk kanak-kanak, di mana ada undang-undang hanya untuk kanak-kanak, tidak ada, maka timbullah masalah pihak mahkamah, pihak hakim tidak dapat menyesuaikan dengan masalah-masalah yang timbul pada kanak-kanak.

Saya percaya pada suatu hari kelak tidak lama lagi ini akan dipinda, walaupun hari ini tidak dapat dipinda kerana memang Yang Berhormat Menteri hendak tunjukkan mahirnya meluluskan satu undang-undang yang begitu penting. Saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri memang ada penasihat-penasihat.....

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah karang macam mana hendak karang lagi.

Tuan Haji Noh bin Omar: Boleh minta penjelasan? Yang Berhormat ini pakar kulit, hendak bercakap pasal mahkamah, biasa masuk mahkamahkah? Saya hendak betulkan kenyataan itu, kalau dalam mahkamah, hakim itu melihat fakta, ada peguambela, penguamcara, jadi saya rasa sudah betullah undang-undang itu. Kalau Yang Berhormat kata hakim kena memahami masalah-masalah pesalah, esok kalau ada seorang wanita dibicarakan kena cari hakim wanitalah supaya hakim wanita ini lebih memahami masalah wanita.

Jadi Yang Berhormat jangan putar belitkan isu itu, sudah betul, kementerian sudah buat peraturan-peraturan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang memang dia fasih dengan perkara ikan dan udang, saya tahu. Walaupun seorang peguam, berapa kalikah dia masuk ke mahkamah, saya pun hairan juga. Walau bagaimanapun, kalau seorang itu hakim wanita pun tidak semestinya dia faham dengan hal kanak-kanak. Yang Berhormat Parit Sulong tadi tidak beri kepada saya, sekarang hendak tuntutan satu peluang pula. Tetapi saya lebih demokratik daripada dia.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak mahu beri peluang pasal perbahasan saya lebih tinggi kualiti daripada Yang Berhormat, tidak boleh hendak kacau. Kalau tidak takkan Yang Berhormat hendak mempersoalkan supaya diletakkan hakim kanak-kanak untuk mengadili kanak-kanak. Kalau orang tua tidak boleh menjadi hakim kepada kanak-kanak adakah Yang Berhormat bagi Kepong hendak mencadangkan supaya kanak-kanak menjadi hakim kanak-kanak. *That is the logic that you are going to bring to this Dewan, dengan izin.*

Dr. Tan Seng Giaw: Itu logik puak-puak yang songsang, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, logiknya memang songsang. Yang saya sebutkan bukan hakim lelaki, hakim perempuan, kalau tidak dilatih di dalam hal kanak-kanak memang tidak mahir di dalam hal itu kerana dia biasa dengan orang dewasa. Tiap-tiap hari kes demi kes.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah tadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang itu betul, dia hanya hendak mengelirukan. Kalau seseorang dilantik sebagai hakim di mahkamah juvana, sudah pastinya kerajaan akan memberikannya, akan menyediakannya ilmu-ilmu kanak-kanak yang sewajarnya.

Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Kepong tadi, kalau sudah orang tua tidak boleh duduk menghakimi kes-kes juvana siapa yang layak jadi hakim mahkamah juvana?

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap, saya hendak beri penjelasan dengan selengkapnya untuk menjadikan Yang Berhormat Parit Sulong lebih memahami apakah masalah di hadapan kita. Saya tidak sebutkan kita jadikan kanak-kanak sebagai seorang hakim, itu memang satu perkara yang salah, cuma yang saya sebutkan di sini sesiapa

yang duduk di atas itu untuk membuat keputusan mengenai kehidupan masa depan kanak-kanak mestilah terlatih di dalam bidang itu, itu sahaja yang disebutkan.

Jadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong janganlah kita menjelajah ke seluruh dunia tanpa mengetahui apakah persoalan pokok yang dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Dr. Haji Kamal bin Salleh: Penjelasan. Kita tidak payah pusing seluruh dunia untuk memahami apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, dalam Dewan ini pun cukup. Walau bagaimanapun, apa yang saya hendak tanya ialah kalau kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah juvana ataupun mahkamah biasa isunya ialah mangsanya adalah kanak-kanak, yang pesalahnya adalah orang dewasa. Maka mana-mana mahkamah pun boleh membicarakan kes-kes sedemikian dan dalam konteks-konteks melibatkan kanak-kanak tentu sekalilah pakar-pakar seperti pakar psikologi, psikiatri juvana ataupun kanak-kanak itu akan diperhadapkan juga sebagai *witness* dan sebagainya. Jadi ini tidak menjadi isu.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Tuan Yang di-Pertua, walaupun point yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju itu memang boleh kita kira tetapi walaupun dia ada menguruskan sebuah universiti, ini baik, memang kita galakkan seseorang seperti itu untuk menguruskan universiti untuk melatih doktor dan ini beliau mungkin boleh memainkan peranan bagi kursus di dalam universitinya untuk melatih pakar psikologi termasuk hakim, mengenai hal-hal kanak-kanak dan masalah kanak-kanak

Ini satu peluang Yang Berhormat Menteri untuk menggunakan khidmat Yang Berhormat bagi Wangsa Maju untuk melatih orang terutama pakar psikologi. Saya tertarik kepada cadangan Yang Berhormat tadi yang kita boleh menggunakan kesempatan bersama-sama beliau bekerjasama dengan kita untuk mewujudkan segolongan pakar psikologi untuk kanak-kanak. Itu memang baik dan saya sangat gembiralah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Parit Buntar bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, macam mana pula Parit Buntar, tadi tidak sebut, tidak mengambil bahagiankah di dalam

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Parit yang Buntar.

Dr. Tan Seng Giaw:yang Buntar. Mengenai perkahwinan memang Parit Buntar.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Hendak bagi jalan ke atau tidak bagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Parit Buntar ini mengenai perkahwinan. Kita hendak membahaskan kanak-kanak, tidak ada kena-mengena perkahwinan. Cuma satu, perjalanan perkahwinan kanak-kanak. Boleh juga kalau hendak. *[Ketawa]*

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya dengar tadi Yang Berhormat bercakap, jadi saya berasa *confuse*, dengan izin. Tadi, dia kata kebanyakan hakim tidak fasih dalam bidang psikologi jadi susah untuk mengadili kes yang melibatkan kanak-kanak. Saya ingat kalau kita lihat dari satu segi sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, dalam satu nada Yang Berhormat sebenarnya telah menghina hakim kita. Walaupun ini bukan satu *contempt of court* tetapi menghina, mempersoalkan kebolehan hakim.

Untuk makluman Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak, hakim membuat keputusan berdasarkan kepada fakta, *legal facts*, apa pasal hendak masuk macam-macam kes. Jadi, tidak kiralah budak-budakkah, orang tuakah, perempuan atau lelaki berdasarkan kepada fakta yang diserahkan kepada kedua-dua pihak maka dia buat keputusan. Itu tugas hakim. Kenapa pula mesti ada *training psychology*, kalau macam itu payahlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Parit yang Buntar mungkin fasih dengan masalah perkahwinan – jenis perkahwinan Buntar..... *[Disampuk] [Ketawa]* tetapi kurang fasih, kurang faham mengenai apa yang disebutkan di sini kerana hakim biasanya apabila dia membuat keputusan, dia mempertimbangkan kes-kes seperti jenayah tegar (*hardcore criminal*). Penjenayah tegar – memang penjenayah tegar ini apabila dia buat keputusan di dalam mahkamah, memang satu keputusan yang mengikut undang-undang yang tegas dengan denda ataupun hukuman penjara yang setimpal dengan penjenayahannya, memang itu dibuat. Tetapi ini kita menangani masalah kanak-kanak kita tidak boleh gunakan mentaliti sebagai hakim untuk menghukum kanak-kanak sebagaimana yang digunakan untuk penjenayah-penjenayah tegar. Itu lain kira. Kanak-kanak bukan penjenayah tegar. Itulah Parit yang Buntar mesti faham, penjenayah tegar

dan kanak-kanak tidak serupa sama sekali. Walaupun ‘parit yang sulong’, ‘parit yang buntar’ ataupun ‘parit yang bungsu’, kita mesti faham perbezaan di antara para penjenayah yang tegar dan kanak-kanak yang bermasalah. Memang kedua-dua masalah ini tidak serupa. Sebab itulah Yang Berhormat-Yang Berhormat belum lagi menyentuh masalah yang pokok untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini walaupun boleh dianggap menyeluruh tetapi apabila dikuatkuasakan kita akan menghadapi masalah.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun hendak ambil beberapa minit sahaja tetapi nampaknya terlalu banyak gangguan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebab satu point berbelit-belit. Pointnya tidak betul pula tu. [*Ketawa*] Saya hendak tanya Yang Berhormat yang cakap pasal hakim ini Yang Berhormat dapat kursus daripada Jelutong. Sebabnya dia sudah *trend* dengan Jelutong ni. Dia sudah biasa, sudah last-last keputusan pun buat usul hendak tukar hakim. Kes sudah hendak habis, baru hendak tukar hakim. Jadi, saya rasa *trend* DAP ini dok fikir masalah hakim sedangkan apa Yang Berhormat cakap itu tidak betul mengenai hakim. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya satu hakim khas untuk membicarakan kes kanak-kanak ini mesti hakim khas, tidak boleh ambil hakim daripada hakim biasa. Itukah Yang Berhormat maksudkan? Atau Jelutong sudah salah bagi taklimat pada Yang Berhormat mengenai kuasa-kuasa hakim ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kanak-kanak itu, Jelutong pun tidak layak. [*Disampuk*] Bahkan juga Tanjong Karang pun tidak layak langsung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Layak, layak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak layak langsung kerana apa hujah tadi itu nampaknya beliau tidak peka kepada masalah kanak-kanak. Kerana sebagai kanak-kanak, dia tidak pernah menghadapi kesusahan. Ada susah sahaja, bapa di situ, ibu di situ. Itulah masalah ‘tanjong yang karang’.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Pokok..... saya hendak habiskan ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, selama ini baru saya tengok, baru saya dengar Kepong cakap benda yang betul iaitu Jelutong tidak boleh jaga kanak-kanak. *[Ketawa]* Hari ini baru saya dengar, Jelutong tidak boleh jaga kanak-kanak tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah dalam dunia ini, negara mana dalam dunia ini yang buat bil, tidak gaduh dipinda-pinda seumur hidup. Mesti tidak ada. Kita pinda undang-undang kita dari masa ke semasa. Macam Yang Berhormat kata tadi, saya memang setuju kita menyiasat tentang ibu bapa penjaga ini, kita kena siasat, saya setuju dengan Yang Berhormat. Sebab kita kena kaji ibu bapa yang kita hendak bagi untuk buat ibu angkat, bapa angkat, takut ada kes macam apa..... nama apa? *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Kepong]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kes H.P Dofield.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ha...kes macam itu kita kena siasat. bila kita sampai ketikanya. Dulu kita tidak pernah dengar orang buang anak, buang bayi, seksa anak, seksa bayi semua ini kita tidak pernah dengar. Sebab bila kita maju, ada televisyen, surat khabar, baru kita dengar benda ini. Walhal benda ini sudah ada berzaman-zaman, tetapi sekarang ini kita buat undang-undang untuk sesuaikan dengan zaman ini. Apabila ada kes macam Kepong kata itu, kita akan pinda dari masa ke semasa. Jangan suruh menteri kita buat *perfect* sampai kita sudah tidak ada kerja dalam Parlimen ini hendak pinda. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengatakan syabas kerana membentangkan rang undang-undang ini. Cukuplah satu kali syabas *[Ketawa]* Takkan Yang Berhormat Menteri dan penyokong-penyokong, penasihat-penasihat, pembantu-pembantu semua itu sempurna. Bukan seorang yang kamil, insan yang kamil barulah boleh menyempurnakan semua tetapi mesti ada cacat cela. Inilah saya bangkitkan cacat cela yang terdapat di dalam rang undang-undang ini. 'Pokok yang angšana' pun mesti faham juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak tekankan begitu penting. Kita adakan hakim yang benar-benar faham masalah ini. Mungkin bagi dia, satu latihan mengenai

hal-hal kanak-kanak dan kita mesti membezakan daripada penjenayah tegar dan kanak-kanak. Mesti satu-dua perkara yang tidak serupa dan kita mesti memahami apakah keperluan kanak-kanak yang bermasalah dan peka kepada masalah mereka. Itulah yang biasa dibuat. Dan dengan sedemikian, adakah kaedah untuk melantik hakim Mahkamah Sesi sebagai hakim untuk Mahkamah Juvana – mahkamah untuk kanak-kanak.

Saya hendak tahulah apakah kaedah yang digunakan untuk perlantikan hakim-hakim bagi membicarakan kes-kes kanak-kanak ini. Sebab kedua-dua jenisnya tidak serupa mungkin Yang Berhormat boleh mempertimbangkan. Sebelum ini kita ada *Lay Magistrate* dan dengan *Lay Magistrate* ini mungkin kita boleh latihnya di dalam bidang kanak-kanak, psikologi kanak-kanak, masalah kanak-kanak dan kemungkinan *Lay Magistrate* ini kita boleh lantiknya sebagai hakim bagi menghakimi masalah kanak-kanak. Mungkin itu satu jalan yang boleh kita kirakan untuk menyelesaikan sama ada kita melantik hakim mahkamah sesi ataupun *Lay Magistret* untuk mengurus menangani masalah kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang ini, kuasa yang besar telah diberi kepada penjaga. Dan penjaga memang dengan kuasa yang begitu besar ini mempunyai kuasa yang eksekutif dan kuasa *judicial* ke atas kanak-kanak. Sebab itulah kita mesti sentiasa adakan kawalan untuk mendapat satu kawalan dan imbalan (*check and balances*). Satu kawalan ke atas kuasa-kuasa ke atas penjaga sebab tadi saya pun kata penjaga itu tidak semestinya layak untuk menjaga kanak-kanak dan sebab itulah kita mesti sentiasa peka, sentiasa mengambil berat mengenai kuasa-kuasa eksekutif dan *judicial* yang diberi kepada penjaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan mengenai hal penyiasatan kanak-kanak yang lari. Kali ini saya hendak sebutkan mengenai saluran-saluran untuk siasatan ke atas aduan-aduan yang dibuat oleh kanak-kanak terhadap penjaganya. Di sini, saya nampak kanak-kanak diletak di bawah seorang pegawai akhlak (*probation officer*) dan mahkamah akan melantik penjaga ataupun tempat untuk menahan kanak-kanak ini. Saya menyeru supaya kita adakan siasatan yang lengkap, yang menyeluruh mengenai aduan-aduan kanak-kanak ini.

Biasanya, Tuan Yang di-Pertua, kita anggap pegawai akhlak atau penjaga yang dilantik oleh mahkamah itu memang betul dan aduan-aduan kanak-kanak mungkin tidak

betul. Mungkin kita menyalahkan kanak-kanak ini kerana kita kata kanak-kanak ini bermasalah. Sebab mereka bermasalah dan apa aduan itu tidak payah kita layankan. Ini memang satu amalan yang dibuat. Jadi, ini tidak adil, memang tidak adil. Sebab itulah saya menyeru supaya kita ada saluran untuk menjaga kanak-kanak ini terutamanya rayuan yang dibuat di bawah rang undang-undang ini memang ada hukuman dan penalti ke atas kanak-kanak ini dan kita mesti adakan kaedah untuk rayuan yang cukup untuk menjaga keadilan dan kepentingan kanak-kanak.

Saya setuju bila kita menghadapi kanak-kanak bermasalah memang pening kepala. Saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri memang dia cekap untuk menjaga kanak-kanak dan anak beranak sendiri kerana anak beranak sendiri pun tidak bermasalah. Kalau Yang Berhormat Menteri sendiri menghadapi kanak-kanak yang bermasalah memang pening kepala. Tidak tahu apa yang boleh kita buat untuk menyelesaikan masalahnya. Sebab itulah saya menyeru sekali lagi supaya kita mencari jalan untuk menggunakan orang-orang yang layak bagi menjaga dan mentafsir kanak-kanak yang bermasalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di dalam Fasal 30(8)(a) itu mengenai *interactive workshop* atau bengkel interaktif. Di sinilah saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah yang dimaksudkan dengan bengkel interaktif ini dan di manakah terdapatnya kemudahan-kemudahan untuk bengkel interaktif dan kakitangan yang terlatih untuk bengkel interaktif ini kerana di dalam rang undang-undang tidak ada peruntukan untuk kemudahan, tempat, untuk latihan kakitangan bagi bengkel interaktif. Saya percaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun tidak faham apakah bengkel interaktif yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 43(1)(b) – “Kesalahan-kesalahan - Mana-mana orang yang memperoleh seseorang kanak-kanak bagi maksud pelacuran atau bagi maksud persetubuhan, kecuali dengan cara perkahwinan, dengan mana-mana orang lain, sama ada di dalam atau luar Malaysia”. Saya setuju hukuman mesti diadakan ke atas kesalahan-kesalahan bagi maksud pelacuran, bagi maksud persetubuhan, tetapi di sini disebutkan “kecuali dengan jalan perkahwinan” - ini bermakna kalau seseorang itu bawa kanak-kanak yang bawah umur untuk berkahwin, itu sudah selesai, tidak ada masalah. Sebab itulah patut kita pindahkan ini, sebab itulah maksudnya. Kita boleh melakukan apa-apa

sahaja kecuali dengan perkahwinan. Kalau kanak-kanak itu berumur 14 tahun kita kahwin dengannya, apa sahaja boleh lakukan. Tidak ada salah. Ini maksudnya. Saya nampak Yang Berhormat peguam di situ tidak nampak. Macam mana boleh selesai, kecuali dengan jalan perkahwinan, yang lain itu salah, kalau kahwin tidak ada salah. Macam mana bawah umur - 12 tahun, 14 tahun atau 10 tahun, macam mana bawah umur. Yang Berhormat mesti bagi taklimat mengenai rang undang-undang ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya tidak setuju dengan perkahwinan bagi kanak-kanak. Saya tidak setuju, mesti kita haramkan di negara ini kerana kita hendak jadi negara yang maju, yang mempunyai kehidupan berkualiti tinggi kita mesti haramkan perkara perkahwinan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Sekolah diluluskan dalam Fasal 65. Sekolah diluluskan dan Sekolah Henry Gurney. Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya apabila seorang dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney tidak semestinya apabila dia keluar dari sekolah itu akan berakhlak lebih baik, akan menjauhi penjenayahan. Tidak semestinya. Sebab apa saya sebutkan masalah ini saya ada nampak budak yang bermasalah dihukum dalam Mahkamah Sesyen untuk dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney.

Seronok kita semua kerana dimasukkan ke sekolah yang baik yang akan memperbaiki ketidakbetulannya. Walhal apabila dia masuk ke Sekolah Henry Gurney, oleh kerana sekolah penjenayah, dia mempelajari selok belok penjenayahan di dalam Sekolah Henry Gurney. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun akan menyangkalkan kenyataan saya ini. Dia akan menafikan, dia akan kata oh, Sekolah Henry Gurney memang ada baik juga. Saya sebutkan yang tidak baik.

Apabila seseorang kanak-kanak masuk ke situ, juvana masuk ke situ, dia akan mempelajari selok-belok penjenayahan yang tidak pernah dia mengalaminya, tidak pernah dia terdedah, sekarang dia terdedah kepada kegiatan-kegiatan dan selok-belok penjenayahan di dalam sekolah. Saya tidak kata semua orang yang jahat di dalam Sekolah Henry Gurney ini, memang ada yang bila keluar itu menjadi orang yang baik. Memang ada. Jangan Yang Berhormat Menteri menyalahkan saya sebab saya

menyebutkan orang-orang atau juvana yang masuk selepas keluar dari sekolah itu kembali kepada kancah penjenayahan. Memang penting kita mesti memastikan sekolah Henry Gurney memang mempunyai kemampuan untuk melatih kanak-kanak dengan cara yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Kepong, saya hendak tanya Yang Berhormat masih panjangkah? Saya hendak beri Menteri peluang untuk menjawab selepas ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak panjang, akan habis tidak lama lagi. Satu point yang penting mengenai Sekolah Henry Gurney dan juga sekolah-sekolah yang diluluskan. Apakah yang dimaksudkan sekolah-sekolah yang diluluskan. Apakah kemudahan-kemudahan dan kakitangan terlatih untuk sekolah-sekolah yang diluluskan ini dan di mana letaknya sekolah-sekolah yang diluluskan ini?

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, memang suatu perkara yang penting kita tidak mahu kanak-kanak yang bermasalah apabila dihukum untuk memasuki sekolah-sekolah yang diluluskan ataupun Sekolah Henry Gurney dan di situlah dia dilatih menjadi lebih jahat lagi. Sebab di dalam rang undang-undang tidak ada peruntukan, seolah-olah apabila kita adakan rang undang-undang yang serba lengkap ini, kita akan berjaya untuk memelihara kebajikan kanak-kanak di negara yang kita cintai ini. Tidak semestinya, sebab saya bimbang dengan penguatkuasaan akan datang yang paling penting untuk menjayakan rang undang-undang yang serba lengkap ini.

Dengan itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi yang pertamanya saya sebutkan mengenai masalah peruntukan yang tidak ada untuk menjaga kepentingan kanak-kanak yang lari dari penjaga dan kita mesti adakan penyiasatan ke atas penjaga dan sebab musabab seseorang kanak-kanak itu lari daripada penjaga. Kita mesti menentukan prosedur-prosedur tahanan itu adalah betul dan baik dan tidak menganiyai kanak-kanak bermasalah ini.

Saya ada sebutkan mengenai keperluan kita ada satu fikiran, satu mindset yang betul bagi mahkamah yang membicarakan kanak-kanak yang bermasalah sehingga kita mesti melatih cukup pakar-pakar psikologi kanak-kanak, cukup bilangannya bukan setakat adakan wanita di dalam Fasal 11 di dalam penubuhan dan bidang kuasa mahkamah bagi kanak-kanak, seorang dari dua orang penasihat yang disebut dalam

seksyen 2 hendaklah seorang wanita, walaupun ini memang satu perkara ke arah yang betul tetapi kalau kita letakkan di situ seorang pakar psikologi kanak-kanak lebih baik bukan setakat wanita sahaja, seorang pakar psikologi kanak-kanak yang lebih baik. Sebab itulah saya menekankan begitu pentingnya kita adakan pakar-pakar seumpama ini untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan saluran-saluran untuk penyiasatan, aduan-aduan kanak-kanak dan juga mengenai Sekolah Henry Gurney, sekolah-sekolah diluluskan serta bengkel-bengkel interaktif ini. Saya harap apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak, kita akan dapat memastikan penguatkuasaan yang berkesan yang efektif untuk menjaga kepentingan dan kebajikan kanak-kanak di negara ini, mudah-mudahan mereka akan menikmati alaf baru atau millenium baru di dalam negara yang progresif. Sekian, terima kasih.

[Dua orang ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, nampaknya kita tiada masa, kita hendak beri Menteri lebih masa menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

4.38 ptg.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu 18 orang kesemuanya membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 ini. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sangat prihatin terhadap kesejahteraan dan pembangunan kanak-kanak di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat yang pertama membahaskan rang undang-undang ini ialah Yang Berhormat bagi Tawau yang mengatakan seorang kanak-kanak perempuan berumur 16 tahun disyaki membunuh seorang perempuan tua, adakah budak perempuan itu dikenakan dengan siasatan dan hukuman seperti yang dikenakan ke atas seorang pembunuh dewasa. Jika seseorang kanak-kanak perempuan yang berumur 16 tahun disyaki membunuh seseorang, penyiasatan, penangkapan dan penahanan kanak-kanak itu mestilah menepati kehendak rang undang-undang ini dan tidak selainnya.

Menurut Fasal 83 rang undang-undang, seseorang kanak-kanak tidak boleh ditangkap, ditahan atau dibicarakan kecuali mengikut peruntukan rang undang-undang ini. Hukuman yang boleh dikenakan ke atas kanak-kanak perempuan itu jika dia dipertuduh atas kesalahan membunuh dan jika dia didapati bersalah mestilah selaras dengan Fasal 97. Fasal ini melarang hukuman mati direkodkan terhadap seseorang kanak-kanak. Sebagai ganti hukuman mati, kanak-kanak perempuan itu hendaklah ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan. Kanak-kanak perempuan itu tidak boleh diperlakukan sebagai seorang penjenayah dewasa.

Kedua, pihak berkuasa prihatin terhadap sindiket seperti dadah, mengemis, mengeksploitasi seks dan sebagainya. Pihak berkuasa memang prihatin terhadap sindiket yang memeralatkan kanak-kanak untuk melakukan jenayah atau mengeksploitasikan kanak-kanak itu. Oleh yang demikian, hukuman penalti yang lebih berat telah diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini dan aspek-aspek kepentingan kanak-kanak diberikan penekanan.

Ketiga, perlindungan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun daripada penjenayah-penjenayah. Rang undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi pewujudan Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak, iaitu Pasukan Perlindungan Kanak-kanak, Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak dan Lembaga Pelawat di mana keahlian terdiri daripada masyarakat awam. Tugas dan tanggungjawab mereka adalah untuk mengadakan aktiviti dan program pencegahan bertujuan membendung kanak-kanak daripada terlibat dengan jenayah, kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dan sebagainya.

Keempat, adakah rekod jenayah kanak-kanak menjadi satu tanda hitam kepada kanak-kanak bila mereka cuba mendapat peluang pendidikan tinggi atau peluang pekerjaan? Adakah rekod tanda hitam ini menyusahkan permohonan mereka? Rekod jenayah seseorang kanak-kanak tidak akan meninggalkan tanda hitam bagi kanak-kanak itu sama ada untuk mendapatkan peluang pendidikan tinggi atau mendapat pekerjaan kerana Fasal 91(3) rang undang-undang memperuntukkan bahawa sesuatu dapatan bersalah (*a finding of guilt*) dengan izin, tentang seseorang kanak-kanak tidak boleh

diendahkan dengan izin, *shall be disregarded* bagi maksud mengenakan apa-apa kehilangan kelayakan atau ketidakdayaan ke atas kanak-kanak itu.

Kelima, kenapa kanak-kanak yang berumur 16 tahun bekerja di pusat-pusat hiburan di tahan dan didakwa dengan alasan terdedah dengan bahaya moral sedangkan ibu bapa mereka berpendapat mereka bekerja secara sah di bawah *Employment Act* 1966.

Perkara ini telah diambil perhatian semasa penggubalan rang undang-undang ini di mana pengertian kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan telah diperuntukkan di bawah Fasal 38. Peruntukan terdedah kepada bahaya moral telah digantikan dengan peruntukan di mana perlindungan akan diberi kepada kanak-kanak yang terlibat dengan perbuatan seksual atau berada dalam suasana fizikal atau sosial yang boleh membawa kepada perlakuan perbuatan itu.

Pengalaman Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa kebanyakan wanita dan gadis yang diselamatkan walaupun bekerja sebagai *cashier* misalnya di tempat-tempat berkenaan juga terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Selepas diselamatkan pelindung biasanya akan memohon perintah sementara untuk membolehkan sesuatu penyiasatan dijalankan.

Di bawah Fasal 38(5), jika mahkamah bagi kanak-kanak tidak berpuas hati bahawa mereka tersebut memerlukan perlindungan dan pemulihan, mahkamah bagi kanak-kanak hendaklah memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan kepada pemeliharaan dan penjagaan ibu atau bapa atau penjagaannya. Cadangan supaya kes-kes melakukan *glues sniffing* dengan izin, meminum ubat batuk dan lain-lain yang tidak diliputi oleh Akta Dadah Merbahaya dimasukkan ke dalam Fasal 17(1)(f) supaya kanak-kanak ini dapat diberikan bantuan rawatan dan kaunseling.

Fasal 17 memperihalkan kanak-kanak yang tergolong dalam pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

Bagi *glues sniffing* dan meminum ubat batuk jika didapati kanak-kanak tersebut telah menjadi ketagih dan kesihatannya terjejas, maka kanak-kanak itu merupakan kanak-kanak yang perlu diperiksa, disiasat, dirawat bagi maksud memulihkan dan memelihara kesihatannya mengikut Fasal 17(1)(f) sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kanak-kanak itu juga ialah kanak-kanak yang tergolong sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika ibu atau bapa atau

penjaganya telah mengabaikan, menjalankan pengawasan dan pergaulan yang sepatutnya ke atasnya sehingga menyebabkan kanak-kanak itu terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat seperti *glues sniffing*. Ini adalah mengikut peruntukan Fasal 17(1)(c).

Adakah rang undang-undang ini merangkumi kanak-kanak pendatang tanpa izin? Rang undang-undang ini memberi perlindungan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan dan perkara ini terkandung dalam mukadimah 'preamble' rang undang-undang.

Mengadakan peruntukan untuk mengharamkan penggunaan senjata api oleh kanak-kanak yang kurang daripada umur 18 tahun. Kawalan penggunaan senjata api tertakluk kepada akta senjata merbahaya.

Selain daripada memperlindungi kanak-kanak yang ditempatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak atau sekolah-sekolah khas, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan jagaan dan pendidikan yang sesuai dapat dijamin masa hadapan anak-anak itu? Pendidikan dan latihan di pusat-pusat pemulihan akhlak atau sekolah-sekolah khas sentiasa dikaji dan dipertingkatkan serta disesuaikan dengan keadaan semasa. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa pendidikan latihan yang diterima oleh kanak-kanak ini membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai apabila mereka dibebaskan.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menimbulkan perkara-perkara berikut - penderaan kanak-kanak oleh pembantu rumah, pengasuh kanak-kanak dan ibu bapa. Ini adalah membayangkan kegagalan fungsi keluarga. Kegagalan fungsi keluarga pada masa kini dikenalpasti sebagai satu faktor utama berlakunya masalah-masalah sosial yang melanda golongan kanak-kanak yang dianggap golongan yang paling *vulnerable* dengan izin. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini mengiktiraf keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembesaran, penyaraan dan kebajikan kanak-kanak. Keluarga wajar diberi bantuan yang perlu untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Peruntukan baru telah diperkenalkan di bawah rang undang-undang ini di mana ibu bapa yang mendera kanak-kanak, mereka boleh disyaratkan untuk menghadiri bengkel interaktif atau berunding dengan pihak-pihak berkenaan mengenai hal-hal berkaitan anak-anak mereka.

Yang Berhormat bagi Kepong pun bertanya apa dia bengkel interaktif. Di pusat aktiviti kanak-kanak kita adakan barisan kaunselor dan mereka yang dipertanggungjawabkan untuk membantu ibu bapa kanak-kanak dan keluarga yang bermasalah. Di sinilah kita adakan bengkel interaktif di mana masalah-masalah mereka boleh dibincangkan dan dicari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah itu.

Bagi mengawal pengasuhan kanak-kanak, kerajaan telah juga menggubal Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, di mana taman-taman asuhan perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Setakat ini lapan ratus lebih buah taska telah memperolehi perakuan pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini adalah untuk menjamin bahawa asuhan-asuhan yang diberi adalah asuhan yang berkualiti kerana pengusaha-pengusaha dan juga pengasuh-pengasuh di taska-taska ini wajib melalui latihan-latihan terlebih dahulu sebelum mereka boleh membuka taska dan juga bekerja di mana-mana taska.

Ketiga, apakah tindakan yang boleh diambil bagi kanak-kanak berumur 10 tahun sebab bimbang golongan ini akan lebih digunakan oleh sindiket untuk melakukan kesalahan jenayah? Ini tadi telah pun saya jawab semasa menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tawau.

Dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 terdapat peruntukan bagi kanak-kanak yang melakukan kesalahan berat dan sebagai ganti hukuman mati, mahkamah boleh memerintah kanak-kanak itu ditahan di penjara. Oleh itu, disyorkan diadakan kemudahan persekolahan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang telah mengambil tindakan membantu Jabatan Penjara menyediakan tempat tahanan di penjara bagi kanak-kanak yang terpaksa ditahan di penjara kerana melakukan kesalahan supaya tempat tahanan ini lebih lagi kepada *child friendly* (mesra kanak-kanak) dan kanak-kanak ini tidak hanya mensia-siakan masanya semasa di penjara.

Keempat, merujuk kepada kes-kes kanak-kanak perempuan yang ditahan di karaoke di Pulau Pinang di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis disyorkan penguatkuasaan perlu dilakukan dengan lebih sempurna di bawah rang undang-undang kanak-kanak ini supaya untuk mengelakkan tidak puas hati ibu bapa kanak-kanak.

Tuan Yang di-Petua, ini berlaku bukan kerana gadis-gadis ini bekerja di karaoke itu ataupun berada di pusat hiburan itu tetapi kerana mereka berada di situ menyambut hari jadi salah seorang daripada kawan yang ada bersama dan dalam serbuan yang dibuat didapati bahawa mereka dianggap berada di dalam keadaan bahaya moral dan saya tidak dapatlah menjelaskan dengan detail kedudukan bahaya moral itu tetapi ini dikatakan dilaporkan telah berlaku dan gadis-gadis ini telah ditahan untuk dibawa ke Mahkamah Magistrate tidak dapat dilakukan kerana ianya adalah hari Sabtu malam minggu dan esoknya pula adalah hari Ahad. Jadi, gadis-gadis ini terpaksa ditahan di balai polis dan hari Isnin pagi sahaja baru mereka boleh dibawa ke mahkamah dan dapat diberi perintah untuk dimasukkan ke Taman Seri Puteri sehingga selesai penyiasatan. Itulah perkara yang sebenarnya berlaku.

Yang Berhormat bagi Bagan telah menimbulkan perkara kanak-kanak perempuan 8 tahun ditamatkan sekolah oleh bapanya. Kanak-kanak itu tinggal dengan ibunya dan urusan pertukaran sekolah tidak dapat dilaksanakan oleh ibunya dan meminta supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu dalam urusan ini.

Tuan Yang di-Petua, sebenarnya memang kita dapati menjadi satu masalah kepada ibu-ibu yang ditinggalkan oleh suami dan banyak timbul masalah anak-anak yang hendak tukar sekolah, yang hendak mengambil pasport pergi keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran disebabkan bapa mereka tidak dapat dikesan atau bapanya enggan untuk menandatangani borang-borang atau surat-surat yang patut ditandatangani. Oleh kerana itu, kita telah pun mengambil tindakan untuk membuat pindaan kepada Akta Penjagaan Budak 1961 dan pindaan ini telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan ini telah disambut baik oleh semua wanita yang berhadapan dengan masalah ini yang mungkin akan berhadapan dengan masalah ini dan kita berharap bahawa usaha-usaha yang akan datang untuk memberikan kemudahan-kemudahan dan hak sama kepada wanita, ibu-ibu terutamanya dapatlah disokong dan diluluskan oleh Dewan ini.

Kedua, masalah jual-beli bayi. Memanglah suami-isteri yang tidak ada anak memang ingin membeli anak dan adakah dicadangkan suami-isteri yang mempunyai ramai anak boleh menawarkan anak kepada suami-isteri yang tidak ada anak. Sebenarnya bagi suami-isteri yang tidak ada anak mereka patut mengambil anak angkat mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkatan 1952

atau Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Kalaupun agaknya ada orang hendak beri anak, anak itu terpaksa diambil melalui prosedur kedua-dua akta ini atau salah satu daripadanya dan dengan itu ianya dapat menyelesaikan masalah pengangkatan dan janganlah dibeli dan terus didaftarkan atas nama bapa angkat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Marang tadi.

Mungkin waktu dulu, saya pun tahu bahawa waktu dulu mungkin ramai orang tidak faham mengenai Akta Pengangkatan Anak. Dia dapat anak, orang beri anak terus didaftarkannya di dalam surat kelahiran, surat berakannya ikut bin atau binti nama bapa angkatnya. Ini sepatutnya tidak berlaku lagi sebab kita mempunyai dua akta yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ini. Tidak salahnya sesiapa juga yang tidak ada anak yang inginkan anak untuk mendapat anak tetapi lakukanlah melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan mengikut undang-undang.

Ketiga, Yang Berhormat bagi Bagan menyatakan Seksyen 32 menyebut mengenai penggunaan kanak-kanak untuk mengemis terutamanya di pasar malam, meminta, menghantar pegawai yang meronda dan menyelamatkan kanak-kanak yang mengemis ini. Kerajaan memang amat mengambil berat terhadap masalah pengemis terutamanya pengemis kanak-kanak dan untuk membanteras masalah ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah bekerjasama dengan badan-badan penguatkuasa yang lain seperti polis, pihak berkuasa tempatan, imigresen sentiasa membuat serbuan-serbuan pengemis dan jika terdapat kanak-kanak, mereka akan diselamatkan dan diberi perlindungan jika diperlukan. Untuk tujuan penyelarasan tindakan-tindakan oleh agensi-agensi kerajaan ini, satu jawatankuasa telah diwujudkan bagi memantapkan lagi penguatkuasaan terhadap masalah pengemis ini.

Isu keempat yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan ialah isu kanak-kanak perempuan yang bekerja di karaoke.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri tentang pengemis ini. Selalunya kita lihat pengemis-pengemis ini anak-anaknya yang digunakan sebagai pengemis, ramai yang datang dari luar negara bukannya anak Malaysia, bukan anak warganegara Malaysia. Oleh kerana ini

merupakan satu perkara yang unik, bukan anak-anak kita, adakah kementerian mempunyai penyekatan tertentu tentang perkara ini? Bukan anak-anak kita, kalau anak-anak kita, kita boleh ambil sebab warganegara Malaysia kita hantarkan ke asrama, hantarkan ke sekolah, tidak ada masalah. Saya rasa itu boleh dilaksanakan oleh kementerian dengan jelas kita nampak. Tetapi bagaimana mereka yang masuk tidak ada permit, masuk secara tanpa izin mungkin dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita dapati ada pengemis-pengemis yang bukan rakyat Malaysia, yang masuk tanpa izin dalam serbuan-serbuan yang kita buat, kita ambil mereka dan kita serahkan kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar pulang.

Bayi yang dibuang di tong sampah, apakah tindakan susulan? Kanak-kanak ini diserahkan kepada JKM untuk ditempatkan dengan pemohon anak angkat. JKM mempunyai daftar dan senarai pemohon anak angkat. Bayi-bayi yang dibuang ini memanglah diselamatkan dan ditempatkan di tempat selamat yang telah pun diwartakan dan diletakkan di bawah pemeliharaan seorang yang layak atau sesuai atau dengan keluarga pelihara. Kanak-kanak ini kemudiannya boleh dijadikan anak angkat mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia memang mempunyai senarai menunggu bagi pasangan suami isteri yang memohon anak angkat dan jumlahnya 1,000 lebih.

Yang Berhormat bagi Balik Pulau telah menimbulkan isu piawaian dalam pembinaan rumah kos rendah dan kemudahan sosial dan perlu ada penyelarasan antara agensi-agensi terlibat di peringkat kebangsaan dengan peringkat negeri dan daerah. Di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet membenteraskan masalah sosial telah diwujudkan satu jawatankuasa teknikal bagi kemudahan sosial yang diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jawatankuasa ini telah mengadakan piawai-piawai dalam penyediaan kemudahan-kemudahan sosial di kawasan-kawasan perumahan. Salah satu perkara yang diberi penekanan adalah mewujudkan persekitaran mesra kanak-kanak yang mengambil kira penyediaan kemudahan-kemudahan dan persekitaran yang *conducive* terhadap pembangunan kanak-kanak secara menyeluruh dan selain dari itu, ketika ini sudah pun ada satu buku sumber untuk inisiatif masyarakat dalam bandar

raya di Malaysia yang mengandungi idea-idea untuk tindakan menjadikan kawasan bandaraya dan bandar-bandar mesra kanak-kanak. Usaha ini telah diambil oleh beberapa buah badan bukan kerajaan yang prihatin terhadap isu kanak-kanak ini iaitu Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia.

Isu kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah *Community Services Order* sebagai alternatif kepada tahanan di institusi. Perkara ini telah pun dipertimbangkan dan dalam tindakan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, ianya masih di peringkat kajian dari aspek-aspek teknikal.

Mengenai kanak-kanak kurang upaya dan perlunya ada program untuk membantu mereka. Pada masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah pun melaksanakan program-program untuk membantu kanak-kanak kurang upaya seperti program Pemulihan Dalam Komuniti. Program ini dilaksanakan di peringkat akar umbi dan melibatkan komuniti setempat dan para ibu bapa anak-anak kurang upaya itu. Program ini sedang diperluaskan dengan penglibatan badan-badan bukan kerajaan dan agensi-agensi berkaitan. Setakat ini kita telah pun menubuhkan 213 pusat pemulihan dalam komuniti untuk anak-anak kurang upaya ini.

Isu pasangan suami isteri yang sanggup mengambil tindakan yang salah di sisi undang-undang untuk mendapatkan anak, mereka yang hendak mendapatkan anak dengan tidak mengikut peruntukan undang-undang sedia ada boleh diambil tindakan di bawah rang undang-undang ini dan disabitkan atas kesalahan memperdagangkan kanak-kanak dan kanak-kanak berkenaan boleh diambil daripada jagaan mereka. Jadi janganlah jual-beli anak-anak itu. Kalau *desperate* macam mana pun, suami isteri tolonglah ambil tindakan melalui prosedur-prosedur yang sudah ada supaya tidak menyusahkan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupa telah menimbulkan isu-isu iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Kemajuan Masyarakat, kementerian-kementerian lain, misalnya Kementerian Pendidikan perlu menyerapkan ilmu '*parenting*' di kalangan kanak-kanak dan remaja. Ilmu '*parenting*' ataupun keibubapaan telah diperkenalkan melalui kursus-kursus keibubapaan yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Kursus-kursus ini telah pun diserapkan ke peringkat akar umbi.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dalam tanggungjawabnya untuk membantu kerajaan melalui pelan induk Tindakan Sosial Negara telah menggubal tujuh pakej 'kasih' modul yang telah pun digunakan dan didapati ianya begitu berkesan dan kita sangat berharap bahawa banyak pihak atau semua pihak dapat menggunakan modul-modul ini untuk membantu ibu bapa supaya mereka dapat mengendalikan keluarga mereka dengan lebih baik dan dapat mewujudkan kehidupan yang sejahtera dan keluarga bahagia.

Kedua, kajian perlu dibuat terhadap masalah-masalah sosial yang berlaku dan kenapa banyak masalah sosial berlaku di kalangan orang Melayu. Kementerian telah menjalankan kajian dari masa ke semasa ke atas masalah-masalah sosial yang timbul seperti masalah sosial lari dari rumah, kenakalan juvana dan lain-lain lagi. Hasil-hasil kajian ini telah digunakan untuk merancang dan mempertingkatkan aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan sosial melalui jabatan-jabatan dan agensi.

Ketiga, Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyatakan kejatuhan tamadun kerana kejar kebendaan dan kecuaiannya ibu bapa, memberi kesan kepada masa depan kanak-kanak. Tanggungjawab pembimbing seperti guru-guru juga penting di peringkat tadika. Kanak-kanak kecil mesti dibimbing dengan baik dan layanan yang diberi adalah layanan yang mesra. Kementerian memang bersetuju dengan pandangan ini dan kita juga telah menjalankan berbagai-bagai usaha terutamanya memberikan latihan kepada guru-guru tadika perpaduan di mana kita telah mempunyai 1,135 buah Tadika Perpaduan dan juga seperti yang saya sebutkan tadi, latihan untuk pengusaha-pengusaha dan pengasuh-pengasuh taska. Banyak lagi cadangan-cadangan yang kita dapat daripada pihak swasta yang menjalankan berbagai-bagai bentuk kursus untuk dicuba bagi semua mereka yang terlibat dalam asuhan dan pendidikan, terutamanya di bawah jabatan dan agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Isu kelima yang ditimbulkan ialah konsep '*extended family*' perlu diambil kira dalam mereka bentuk rumah seperti menambah bilik untuk nenek ataupun datuk. Perkara ini memang telah diambil kira dalam pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sedang melaksanakan idea ini, dan di samping itu kita telah bersetuju dengan rumah-rumah kos rendah dibina mempunyai tiga bilik tidak lagi dua bilik seperti dahulu.

Mengenai penculikan kanak-kanak untuk mengemis dan pelacuran, memang hukuman yang diperuntukan dalam Fasal 43 Rang Undang-undang Kanak-kanak lebih berat daripada hukuman yang diperuntukan di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Kita harap ianya akan menjadi satu pencegahan.

Isu ke enam ialah pasukan penyiasatan yang mahir diperlukan untuk menyiasat kes-kes penderaan. Pegawai-pegawai berkenaan perlu diberi latihan yang tertentu dan sempurna. Pegawai-pegawai perlindungan dan pegawai-pegawai akhlak yang terlibat dalam melaksanakan rang undang-undang ini akan diwartakan untuk menjalankan tugas-tugas ini. Mereka diberi latihan khusus untuk melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih berkesan.

Perkara ke tujuh perlantikan pelindung pegawai akhlak perlu diambil kira bagi kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak serta kemudahan-kemudahan yang perlu bagi pelaksanaan Rang Undang-undang Kanak-kanak. Keadaan di Sabah dan Sarawak telah pun diambil perhatian di mana di bawah Rang Undang-undang Kanak-kanak ini, Pembantu Kebajikan Masyarakat akan juga diwarta dan dilatih untuk menjalankan tugas-tugas sebagai pegawai akhlak untuk membolehkan mereka meliputi kawasan pedalaman.

Isu ke lapan ialah mahkamah berasingan perlu di bawah Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Mahkamah bagi kanak-kanak akan diwujudkan untuk mendengar kes-kes di bawah rang undang-undang ini. Di bawah Rang Undang-undang kanak-kanak ini perlu diadakan polis yang berasingan untuk menyiasat kes kanak-kanak. Pada pendapat kami tidak timbul keperluan untuk mengadakan satu pasukan polis yang berasingan bagi maksud rang undang-undang ini kerana pasukan polis sedar mengenai peranan mereka dalam mengendalikan kes seseorang kanak-kanak.

Perkara ke sepuluh ialah kes kanak-kanak di Sarawak. Tahanan sementara kanak-kanak di cell polis atau arahan mahkamah, kemudahan tempat tahanan sementara perlu disediakan serentak dengan penguatkuasaan Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Sebenarnya kemudahan-kemudahan yang perlu semasa rang undang-undang ini dikuatkuasakan akan diberi perhatian oleh kementerian.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menimbulkan perkara pemeliharaan kanak-kanak amat penting, penyerahan kanak-kanak dengan jaminan agama kanak-

kanak terpelihara. Kementerian sentiasa prihatin terhadap isu ini dan mempunyai prosedur tertentu bagi menentukan penyerahan kanak-kanak mengambil kira agama kanak-kanak dan ibu bapa yang terlibat, buruh kanak-kanak atau kanak-kanak membantu ibu bapa dan melatih mereka bekerja. Rang undang-undang ini menekankan aspek pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Jika ibu bapa ingin melatih anak-anak bekerja, ia harus dibuat selaras dengan Akta Orang Muda (Pekerjaan).

Isu ketiga, perempuan di bawah umur yang mengandung di luar nikah ada tempat untuk perlindungan sehingga bersalin. Harap ini tidak menggalakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Kerajaan perlu mengawasi perkara ini supaya tidak disalah tafsir. Perlindungan hanya diberi kepada mereka sehingga mereka bersalin dan kementerian akan sentiasa mengawasi perkara ini supaya tidak disalah tafsirkan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa wanita-wanita muda ini yang terjerumus buat pertama kalinya hamil di luar nikah, kalau tidak kita selamatkan mungkin ianya akan melakukan kali kedua, kali ketiga, kali keempat dan kali kelima. Apabila kita dapat dia pada kali pertama dan kita letakkan di tempat yang selamat, semasa dia berada di situ sebelum dia bersalin, kita berikan dia kaunseling, kita adakan usaha-usaha pemulihan bagi gadis itu untuk menyelamatkannya supaya pada masa-masa akan datang dia tidak terus terlibat dalam kerja-kerja yang tidak baik itu.

Yang Berhormat bagi Machang telah menimbulkan beberapa perkara peruntukan yang ada dalam rang undang-undang. Pertama ialah penggunaan kanak-kanak bagi kepentingan parti politik dan untuk membenci pemimpin negara. Sebenarnya secara peribadi saya sendiri pun cukup marah atas berlakunya perkara seperti ini kerana ianya merosakkan pemikiran dan merosakkan budaya rakyat Malaysia.

Kalaulah dari kecil lagi anak-anak kita sudah diasuh membenci orang-orang tertentu, adakah pihak parti pembangkang memikirkan setelah mereka dewasa nanti, mereka tidak benci kalau parti pembangkang pula memerintah. Perasaan benci ini akan sepanjang masa berada pada kanak-kanak itu sehinggalah mereka dewasa. Oleh yang demikian saya rasa perbuatan ini adalah satu perbuatan mengkhianati rakyat Malaysia, mengkhianati kanak-kanak kita dan kanak-kanak ini nanti tidak akan menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab, yang bertimbang rasa, yang cinta kepada agama, bangsa dan negaranya.

Jadi apakah tujuan mereka, daripada anak-anak tabika lagi yang sudah pun dihasut anak-anak ini. Saya tahu sebab dalam kawasan saya juga terjadi perkara-perkara ini sampaikan anak-anak tabika itu hendak pergi beli goreng pisang di gerai depan tabika pun, jangan pergi beli sebab mak cik itu orang UMNO, sampai begitu sekali. Macam mana kita akan dapat hidup pada masa depan besok padahal sekarang ini kita sedang memupuk perpaduan di antara kaum-kaum, rakyat Malaysia yang ada dalam negara kita. Kita sudah berjaya memupuk perpaduan ini, kita hendak memantapkannya lagi, meningkatkannya lagi tetapi ada pula pihak-pihak yang menghasut dari sejak kecil-kecilnya.

Kita wujudkan tabika perpaduan sebab kita hendak mendedahkan anak-anak kita itu dari umur lima enam tahun lagi bahawa mereka hidup dalam negara yang berbilang kaum, mereka bersekolah bersama sejak dari kecil dan kemudian ke sekolah rendah, sekolah menengah, ke institusi pengajian tinggi dan hidup berjiran, sama-sama bekerjasama. Tetapi kalau ada pihak-pihak yang merancun fikiran anak-anak ini seperti itu, apa jadi kepada rakyat Malaysia pada masa akan datang. Tentulah budaya-budaya seperti yang berlaku di Indonesia akan berlaku di negara kita ini. Ini bukan budaya rakyat Malaysia, kita tidak pernah dalam kehidupan seperti itu. Jadi saya rasa sangat tidak wajar dan patut dikutuk perbuatan-perbuatan ini kerana ianya merosakkan rakyat Malaysia terutama generasi kita yang akan datang.

Perkara yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Machang ialah Seksyen 3(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 menyatakan bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes juvana diberikan kepada Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret. Melalui rang undang-undang ini kuasa kepada Majistret ditiadakan. Ini akan menyusahkan kanak-kanak yang akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen yang tidak terdapat di semua daerah.

Kementerian telah mengambil kira masalah mendengar kes-kes yang melibatkan kanak-kanak apabila hanya Hakim Mahkamah Sesyen diberi kuasa untuk mendengar kes-kes yang melibatkan kanak-kanak. Segala langkah yang perlu diambil sudah pun dipertimbangkan dan akan diaturkan dengan sewajarnya.

Dari segi hukuman, ibu bapa mesti dipertanggungjawabkan atas kesalahan kanak-kanak seperti yang terdapat dalam peruntukan 12(1)(d) Akta Mahkamah Juvana.

Peruntukan 12(1)(d) Akta Mahkamah Juvana 1947 kini diperuntukkan dalam Fasal 93. Melalui Fasal ini, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mestilah sebagai tambahan kepada mana-mana perintah yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak apabila suatu kesalahan dibuktikan terhadap seorang kanak-kanak. Peruntukan 12(1)(d) pada asasnya masih dikekalkan sebagai satu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas ibu bapa di samping kanak-kanak yang didapati bersalah dikenakan hukuman.

Perkara keempat yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Machang sama ada seksyen 32 Rang Undang-undang Kanak-kanak ini menjawab bagi kanak-kanak yang digunakan bagi mendapatkan derma untuk parti politik, samalah dengan yang tadi itu. Sebenarnya di bawah akta ini, kanak-kanak kalau digunakan untuk mengutip derma untuk parti politik melalui apa-apa penawaran, jual barang, jual *Harakah*, jual buku *Yassin* atau sebagainya, seksyen 32 rang undang-undang ini adalah terpakai.

Kelima, peraturan perlu dibuat untuk mempercepatkan Proses Perakuan Sangsi atau *sanction*, dengan izin. Apa-apa jua yang diperuntukkan dalam rang undang-undang tidak bertujuan membebankan mana-mana pihak terutamanya kebajikan kanak-kanak yang diberikan pertimbangan yang paling utama dalam rang undang-undang ini. Ini memang kita ambil tindakan.

Yang seterusnya ialah ungkapan '*prima facie*' yang disebut dalam Fasal 90(9) rang undang-undang. Ini sepatutnya ditakrifkan untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan. Penjelasan yang didapati ialah tidak ada takrif ungkapan '*prima facie*' dalam Kanun Tatacara Jenayah. Begitu juga dalam undang-undang lain yang menggunakan ungkapan ini. Sejarar dengan itu tidak diperuntukkan takrif ungkapan '*prima facie*' dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menimbulkan seksyen 17(1) Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 memberi definisi kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan tetapi tidak ada peruntukan untuk memberi perlindungan bagi buruh kanak-kanak yang telah berumur 16 tahun yang bekerja dan dianiayai oleh majikan. Kementerian berpendapat kebajikan kanak-kanak perlu juga merangkumi aspek penggajian dan penganiayaan oleh majikan. Walau bagaimanapun, aspek penggajian (*employment*) dengan izin, kanak-kanak ini adalah tertakluk kepada perundangan di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.

Dalam hal ini, kementerian akan meneruskan perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menyelesaikan isu ini.

Kedua, Konvensyen Hak Kanak-kanak iaitu untuk menyempurnakan kehendak-kehendak Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) perlu menggembeng usaha-usaha kementerian-kementerian lain seperti pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dengan persekitaran, taman-taman dan juga kemudahan-kemudahan.

Untuk merealisasikan kehendak-kehendak konvensyen, semua kementerian dan agensi yang ada kaitan dengan kesejahteraan kanak-kanak perlu dan akan bekerjasama dan menggembeng tenaga dan usaha dan kita juga ada jawatankuasa antara kementerian-kementerian yang boleh melaksanakan perkara ini.

Seterusnya mengenai kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak memerlukan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan. Dalam hal ini kami merasakan usaha-usaha memang telah dilaksanakan untuk menjaga dan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan keluarga agar kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak sentiasa terpelihara. Di samping itu usaha-usaha bagi mewujudkan persekitaran mesra kanak-kanak (*child friendly environment*) di hospital-hospital di kawasan bandar serta kampung-kampung dan juga kawasan-kawasan di sekolah sentiasa diadakan.

Mengenai aspek bimbingan kanak-kanak dalam berbagai aspek seperti moral, rasa rendah diri, tidak berkeyakinan, aspek jasmani dan perpaduan, semuanya sangat penting supaya kanak-kanak akan membesar dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab sebagai orang dewasa. Semua perkara ini sudah pun termaktub dalam mukadimah atau preamble, dengan izin, kepada rang undang-undang ini. Ini juga menunjukkan betapa pentingnya aspek-aspek yang dinyatakan itu.

Yang kelima ialah perkara mengenai rang undang-undang kanak-kanak dikuatkuasakan kelak dan diharap perlaksanaanya adil dan pihak berkuasa akan bertimbang rasa. Latihan akan diberi kepada semua mereka yang akan menguatkuasakan rang undang-undang kanak-kanak ini bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Isu seterusnya ialah kesedaran orang ramai tentang betapa pentingnya supaya mendapat kerjasama daripada mereka. Langkah-langkah advokasi akan dilaksanakan oleh kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya dan ia akan juga meliputi

penglibatan agensi-agensi lain yang berkaitan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyokong akta ini.

Yang Berhormat dari Santubong telah menyatakan harapan supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan sensitise, dengan izin, kementerian-kementerian lain terhadap isu kanak-kanak. Sememangnya kementerian akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, badan-badan bukan kerajaan dan agensi-agensi dan juga pihak swasta dalam isu-isu mengenai kanak-kanak dan melalui berbagai-bagai jawatankuasa dan majlis. Beliau menyatakan mengenai peruntukan realistik perlu disalurkan kepada kementerian supaya dapat melaksanakan akta ini kelak. Sebenarnya implikasi kewangan untuk melaksanakan rang undang-undang kanak-kanak ini telah pun diambil kira dalam belanjawan tahunan.

Yang Berhormat dari Santubong juga ada menyentuh mengenai social amenities. Mengenai social amenities, dengan izin, kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa ke arah menyediakan infrastruktur dan social amenities yang mesra insan dan mesra kanak-kanak.

Yang Berhormat bagi Santubong juga telah menyebut mengenai social impact assessment. Saya ingin memaklumkan kementerian sedang bekerjasama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan membuat kajian untuk mengadakan SIA ini dan sedang mendapatkan khidmat pakar perunding untuk merangka instrument bagi *social impact assessment* (SIA) ini. Cadangan ini akan dikemukakan tidak lama lagi kepada jemaah menteri.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Santubong menyatakan bahawa perlu dijalankan program-program kesedaran, outreach dan roadshow. Kebiasaannya memang apabila kita telah pun meluluskan satu-satu rang undang-undang, kementerian memang mengadakan program-program *outreach*, *roadshow* bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap rang undang-undang ini.

Mengenai Fasal 3 iaitu memasukkan dalam fungsi majlis, aspek integrasi kanak-kanak dengan masyarakat, mendidik dan melibatkan kanak-kanak dengan komuniti. Cadangan Yang Berhormat ini sangat dihargai dan kita sudah juga menjalankan aktiviti-

aktiviti seperti ini di sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan sebagainya dan ianya akan diteruskan.

Mengenai Fasal 46 hingga 47, kanak-kanak tidak terkawal. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat harus mendidik dan memberi kaunseling kepada kanak-kanak yang tidak terkawal ini. Cadangan Yang Berhormat ini memang sedang dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan mengikut kehendak-kehendak keadaan. Kementerian sentiasa peka terhadap keperluan pendidikan dan kaunseling kepada kanak-kanak bagi keperluan mereka yang tidak terkawal.

Menyentuh mengenai Fasal 15 di mana Yang Berhormat Santubong menyatakan ada jenayah yang perlu disiarkan dan disebar dalam media supaya dapat menjadi pembendung kepada kanak-kanak lain daripada terjerumus ke jenayah tersebut. Walaupun Fasal 15 mengenakan sekatan ke atas laporan dan penyiaran media, namun begitu subffasal (3) dalam Fasal 15 memberi pengecualian kepada sekatan ini setakat yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Mengenai hukuman Fasal 31 didapati tidak setimpal khususnya berkaitan dengan penderaan seksual kanak-kanak. Cadangan Yang Berhormat ini akan dipertimbangkan. Untuk makluman Yang Berhormat, penalti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini telah dinaikkan daripada yang diperuntukkan dalam undang-undang sebelumnya.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kota Bharu telah menyebut mengenai Konvensyen Hak Kanak-kanak dan laporan UNICEF di mana beliau menyatakan kanak-kanak Malaysia masih terdedah kepada persekitaran yang tidak ideal seperti penderaan oleh ibu bapa, penganiayaan dalam keluarga dan juga tekanan emosi. Masalah-masalah sosial yang melibatkan kanak-kanak dianggap serius dan memerlukan satu pendekatan yang bersepadu untuk menanganinya. Inilah rasional pada penggubalan rang undang-undang ini. Di samping itu, melalui program Pelan Induk Tindakan Sosial Negara, satu sistem pemantauan gejala sosial termasuklah yang melibatkan kanak-kanak sedang dilaksanakan oleh kementerian ini. Program-program kesedaran awam terhadap kanak-kanak juga telah dan akan terus dipertingkatkan dengan bantuan daripada badan-badan bukan kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu juga menyebut mengenai kanak-kanak yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan maksiat. Kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kementerian amat prihatin atas apa-apa juga perkara yang menjejaskan dan memudaratkan kebajikan kanak-kanak dan kita akan cuba sedaya-upaya untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit. Beliau juga menyebut mengenai parenting skills. Ia memang penting kerana berlakunya penderaan seks kanak-kanak oleh ahli-ahli keluarga sendiri. Kanak-kanak ini memerlukan kaunseling supaya dapat menghadapi kehidupan dengan penuh keyakinan. Kemahiran keibubapaan perlu diajar di sekolah.

Sebenarnya saya tadi telah pun menyebut mengenai modul-modul yang telah disediakan oleh Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara dari segi membantu keluarga dalam masalah-masalah di dalam keluarga. Pertama sekali mengenai parenting skills di mana modul keibubapaan-anak kecil, keibubapaan-anak remaja, pembangunan remaja, ke jinjang pelamin, kebapaan dan juga bahtera kasih dan sebagainya sudah pun kita wujudkan dengan hasrat dan rasional supaya mereka yang melalui modul-modul dan kursus-kursus ini dapat manfaat daripadanya dan lebih berupaya untuk mengendalikan kehidupan berkeluarga dan mensejahterakan keluarga mereka.

Mengenai kemahiran keibubapaan melalui media cetak elektronik dan lain-lainnya, memang ada usaha yang kita jalankan. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga juga bersama-sama dengan beberapa syarikat pengeluar filem telah pun menyediakan lima drama yang berkaitan dengan isu-isu keibubapaan dan masalah-masalah dalam keluarga, cuma kita menunggu mendapatkan penaja untuk menyiarkannya melalui media elektronik.

Mengenai pendidikan keibubapaan di sekolah-sekolah, perkara ini memang boleh dirundingkan dengan Kementerian Pendidikan dan pada pendapat saya juga sangat sesuai kursus-kursus keibubapaan ini diadakan di sekolah-sekolah melalui persatuan-persatuan ibu bapa dan guru.

Seterusnya, Yang Berhormat menyebut mengenai terdapat lebih kurang 3% kanak-kanak yang tidak dapat bersekolah dikeluarkan dari sekolah, ini disebabkan kecuaihan ibu bapa kanak-kanak sendiri, keluarga yang daif, mempunyai ramai anak, mereka tidak disekolahkan, jadi buta huruf dan menjadi social misfits terlibat dengan

jenayah. Kementerian memang peka terhadap isu ini dan kementerian sentiasa mengadakan program-program kesedaran dan juga bantuan-bantuan untuk keluarga-keluarga yang dalam keadaan daif ini.

Mereka sepatutnya boleh meminta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setakat tahun lepas, saya tahu kita telah memberikan pelbagai bentuk bantuan, bantuan persekolah, bantuan kanak-kanak dan sebagainya dan seramai 33,000 kanak-kanak telah pun mendapat bantuan-bantuan ini.

Hak pendidikan kanak-kanak bersekolah sepatutnya dimasukkan dalam Seksyen 17 rang undang-undang. Cadangan mengenai hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan tidak dapat dimasukkan dalam Seksyen 17 buat masa ini kerana negara kita masih mengekalkan reservasi kepada peruntukan konvensyen berhubung dengan pendidikan wajib.

Seterusnya potensi kanak-kanak perlu diasah dan digunakan untuk faedah negara. Hak untuk mendapatkan pendidikan, masyarakat perlu bertanggungjawab memenuhi hak ini, hak ini perlu dimasukkan ke dalam rang undang-undang. Penglibatan masyarakat untuk sama-sama bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak amatlah digalakkan. Walaupun pendidikan tidak dimasukkan dengan kursus dalam Seksyen 17 oleh sebab reservasi negara dalam konvensyen hak anak, kementerian ini berpendapat adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang sepatutnya. Kanak-kanak perlu mengetahui hak mereka semasa kecil seperti dimasukkan dalam kurikulum sekolah. Sebagai tindakan advokasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mencetak buku-buku konvensyen mengenai hak kanak-kanak dan telah dicetak untuk edaran kepada semua sekolah menengah di seluruh negara dan ianya pula telah pun dicetak dalam pelbagai bahasa iaitu bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Seksyen 4 Majlis dianggotai oleh lelaki, wanita dari kementerian-kementerian berkenaan dan perkara ini telah diambil kira secara seimbang dan anggota-anggota Majlis terdiri daripada wanita dan lelaki, ini memang telah pun kita tetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah menyebut mengenai parti-parti pembangkang menggunakan kanak-kanak, saya telah pun mengulas

tadi. Mengenai Seksyen 43 dimasukkan kanak-kanak, digunakan oleh pihak-pihak tertentu, kanak-kanak yang berkeperluan dibolehkan, ini pun juga telah saya sebut tadi.

Mengenai hubungan seks dengan kanak-kanak di bawah umur mengapa 16 tahun sebagai umur penentu untuk hubungan seks jika berkahwin tidak salah, katanya. Kementerian ini yakin pihak-pihak yang berkenaan akan memberi perhatian sewajarnya ke atas perkara ini, ini adalah kerana had umur ini diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

Seksyen 43 berkenaan kesalahan-kesalahan di bawah rang undang-undang, dicadangkan kesalahan sumbang mahram ditekankan dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Rang undang-undang ini memfokuskan kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seorang anggota keluarga luasnya. Kanak-kanak yang malang itu adalah tergolong sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masih panjang lagi?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau hendak sambung minggu hadapan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Okay, boleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 25 Oktober 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Okt 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D..K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

- Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Nawī Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 (Ruangan 23)